


LAPORAN TAHUNAN 2012

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI





LAPORAN TAHUNAN 2012

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI



Sidang Redaksi Laporan Tahunan 2012

Penasihat

YBhg. Dato' Haji Ismail Bin Ibrahim

Ketua Editor

Tuan Haji Adnan Bin Ibon

Sidang Pengarang

Puan Mahani Binti Hj. Mohd. Yusoff

Puan Akhzailina Binti Md Akhir

Encik Mohd Asta Bin Ali

Puan Marietta Rachel Lukie

Puan Farah Nadilah Binti Rahmat

Cik Salehah Binti Abu Nor

Cik Lau Yin Theng

Puan Naziah Binti Mohamed

Puan Shamsiah Binti Chee Ros

Encik Sahrin Bin Amzah

Puan Atini Binti Mohd Jalani

Puan Isnaniwati Binti Imran

Jurufoto

Encik Amir Shah Bin Hj. Abu Adam

Edaran

Puan Nabawiyah Binti Zainol

Encik Sheikh Farhan Bin Ahmad

Puan Intan Azwani Binti Ahamad

Kandungan

Muka Surat

Sidang Redaksi	4
Perutusan YB Menteri	6
Perutusan Ketua Pengarah BHEUU	7
Senarai Agensi di bawah Portfolio YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri	8
Ketua Jabatan bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri	9
Sejarah	10
LAPORAN TAHUNAN BHEUU	
Maklumat Korporat BHEUU	12
Pengurusan Tertinggi BHEUU	
Misi, Visi, Objektif	
Dasar Kualiti	
Carta Organisasi	
Pembangunan Mahkamah	15
Pelaksanaan Akta Dan Undang-Undang	26
Keurusetiaan	35
Pengurusan Sistem Maklumat	39
Pengurusan Kewangan	49
Pengurusan Sumber Manusia	49
Penyewaan Ruang Pejabat & Stor	54
Pengiktirafan	55
Pembudayaan Inovasi Dan Kreativiti	55
Hubungan Majikan-Pekerja	57
Promosi Dan Publisiti	65
LAPORAN TAHUNAN JABATAN BANTUAN GUAMAN	69
LAPORAN TAHUNAN JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA	113

Perutusan Menteri

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



**Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja BHEUU, JBG dan MdI yang telah menyumbang khidmat bakti cemerlang pada tahun 2012. Saya yakin bahawa data dan fakta yang didokumentasikan ini dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian jabatan setiap tahun. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Laporan Tahunan ini juga sangat berguna bukan sahaja kepada *stakeholder*, tetapi ia juga menjadi bahan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan maklumat mengenai sesebuah organisasi.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan 2012. Satu usaha yang wajar dipuji, kerana segala pencapaian jabatan melalui program dan aktiviti direkodkan secara sistematik untuk rujukan jabatan pada masa hadapan. Saya amat berharap prestasi cemerlang ini bukan sahaja dapat dikekalkan, malah diperhebatkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

(DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ)

Perutusan Ketua Pengarah

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI



Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh Salam Sejahtera & Salam 1Malaysia

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita telah sama-sama dapat menempuh tahun 2012 dengan jayanya. Saya percaya, tempoh satu tahun yang kita lalui ini, telah membawa seribu cabaran dan dugaan. Namun, berkat kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh semua warga kerja BHEUU, JBG dan Mdl, kita berjaya mencapai matlamat yang disasarkan.

Tahun 2012 telah menyaksikan beberapa kejayaan yang membanggakan jabatan ini. Antaranya portal BHEUU dan JBG telah memperolehi penarafan 5 bintang dalam penilaian oleh *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)*. Disamping itu, JBG juga turut meraih Anugerah *Strategic Achievers* daripada MDEC. Sebagai *focal agency* pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP), BHEUU telah berjaya menganjurkan Seminar NHRAP peringkat Kebangsaan 2012 di Kuala Lumpur dan sambutan amat menggalakkan. Mdl juga telah berjaya memperluaskan pendekatan strategi laut biru melalui kerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan badan lain dengan sektor swasta seperti pihak bank dan institusi kewangan lain dalam usaha menjalankan program pencegahan dan pendidikan kewangan kepada masyarakat. Kejayaan ini telah mendapat perhatian pertubuhan insolvensi di peringkat antarabangsa seperti *Insolvency and Trustee Service Australia (ITSA)* dan *Legal Execution Department (LED)* Thailand.

Akhir kata, tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam menerbitkan Laporan Tahunan BHEUU 2012 dengan harapan ia dapat dijadikan penanda aras serta rujukan dan panduan dalam membuat perancangan pada tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.

(DATO' HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM)



Senarai Agensi Di Bawah Portfolio YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
- Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- Bahagian Pembangunan Modal Insan (JPA)
- Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRC)
- Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP)
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
- Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)
- Lembaga Penasihat
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Amanah Raya Berhad (ARB)
- Parlimen Malaysia
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
 - ◆ Jabatan Bantuan Guaman (JBG)
 - ◆ Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi)



Ketua Jabatan bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri

Duduk Dari Kiri:

YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (Menteri di Jabatan Perdana Menteri)
YB Datuk Liew Vui Keong (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Berdiri Dari Kiri:

Puan Siti Zawahir Binti Mohamed (Ketua Pengarah JBG)
YBhg. Dato' Ismail Bin Ibrahim (Ketua Pengarah BHEUU)
Puan Rohana Binti Abd Malek (Ketua Pengarah Mdl)

Sejarah

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan daripada itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan bukan lagi di bawah penyeliaan BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran ke mahkamah.

Pada 1 Julai 1996, PKPMP juga tidak berada di bawah pentadbiran BHEUU. Namun demikian, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai *Malaysia Department of Insolvency (Mdi)*.

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Majlis Peguam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urus setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklum balas kementerian terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.





LAPORAN TAHUNAN 2012

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG





Pengurusan Tertinggi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri

Duduk Dari Kiri:

Dato' Haji Mohd. Rosli Bin Ramli (Timbalan Ketua Pengarah Dasar & Pembangunan)
Dato' Haji Ismail Bin Ibrahim (Ketua Pengarah)
Haji Adnan Bin Ibon (Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan)

Berdiri Dari Kiri:

M. Kamroldin Bin Hitam (Pengarah Seksyen Kewangan)
Mohamad Shaffie Bin Hassan (Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia)
Muhammad Bukhari Bin Ab. Hamid (Penasihat Undang-Undang)
Raja Muhammad Azhan Shah Bin Raja Muhamad (Pengarah Seksyen Pembangunan)
Dr. Nor Mazny Binti Abdul Majid (Pengarah Seksyen Dasar)
Khalidah Binti Othman (Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat)
Hajah Mahani Binti Hj. Mohd. Yusoff (Ketua Komunikasi Korporat)

Visi

Penyumbang terulung kepada kecekapan pentadbiran keadilan Negara.

Misi

Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan Negara melalui penyediaan prasarana dan pembaharuan undang-undang.

Objektif

1. Merancang dan membangun prasarana mahkamah dan agensi mengikut keperluan *stakeholders* dan pelanggan;
2. Menggubal dasar dan peraturan yang efektif; dan
3. Memberi perkhidmatan sokongan yang berkualiti kepada agensi-agensi.

Fungsi

1. Menyelaras penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
2. Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan Negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan IT mahkamah;
3. Mentadbir Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan Perbadanan Pemegang Amanah;
4. Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
5. Memantau Mesyuarat Lembaga Pengampunan di setiap Negeri;

6. Urus setia Pelantikan Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memantau laporan tahunan SUHAKAM dan menyelaras maklum balas; dan
7. Menyelia pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk semua cawangan di seluruh Negara, dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.

Kod Etika

Kod Etika Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang adalah berteraskan kepada tiga elemen:

- 1. Integriti**
 - Amanah
 - Telus
 - Ikhlas
- 2. Profesionalisme**
 - Bijaksana
 - Kreatif
 - Inovatif
- 3. Komitmen**
 - Dedikasi
 - Iltizam
 - Disiplin

Dasar Kualiti


Adalah menjadi matlamat kami untuk menyediakan khidmat Pengurusan Mahkamah serta Pendaftaran dan Pemerbadanan Pemegang Amanah yang cekap, cepat dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang diwujudkan.

Kami juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa sesuai mengikut kehendak pelanggan.

Piagam Pelanggan

Kami bertekad & berjanji:

1. Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh diterima;
2. Mengemukakan Sijil Pemerbadanan Yayasan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan disahkan oleh Penasihat Undang-Undang sebagai lengkap dan teratur sehingga sijil diserahkan kepada pemohon;
3. Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima;
4. Mengeluarkan surat setuju terima perolehan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh keputusan Lembaga Perolehan / Jawatankuasa Sebut Harga; dan
5. Menyediakan rangkaian dan sistem aplikasi dengan kebolehcapaian sekurang-kurangnya 99%.



PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Pembangunan BHEUU telah meneruskan pelaksanaan 5 projek pembangunan yang diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) dan *Rolling Plan* Kedua (RP2) di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) dan 1 projek di bawah *Private Financing Initiatives (PFI)*. Status projek tersebut adalah seperti berikut:-

- 3 projek telah siap sepenuhnya dan beroperasi;
- 2 projek dalam pembinaan; dan
- 1 projek masih diperingkat perancangan.

A) PROJEK-PROJEK YANG TELAH SIAP DAN BEROPERASI TAHUN 2012

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP	SKOP PROJEK (Bilik Bicara)
Mahkamah Baru Kajang, Selangor	10 Januari 2012	1 Mahkamah Sesyen 2 Mahkamah Majistret
Mahkamah Baru Alor Gajah, Melaka	7 Mei 2012	2 Mahkamah Majistret
Mahkamah Baru Kuantan, Pahang	19 Julai 2012	3 Mahkamah Tinggi 10 Mahkamah Sesyen 10 Mahkamah Majistret



Mahkamah Baru Kajang, Selangor



Mahkamah Baru Alor Gajah, Melaka



Mahkamah Baru Kuantan, Pahang

B) PROJEK DALAM PEMBINAAN

1) **Projek Pemuliharaan Dan Pengubahsuaian Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara Kuala Lumpur Untuk Dijadikan Pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRC)**

Projek ini melibatkan pemuliharaan Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur yang merupakan Bangunan Warisan untuk dijadikan pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRC) yang mengandungi 23 bilik perbicaraan dan 16 bilik perundingan serta pembinaan bangunan baru tempat letak kereta (*pavillion*) dan kafeteria. Bangunan tersebut juga akan menempatkan 2 agensi/jabatan iaitu *International Centre For Law and Legal Studies (I-Cell)* Jabatan Peguam Negara dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Projek ini mula dilaksanakan pada 19 November 2012 dan dijangka siap pada 18 Februari 2014.



Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRC)

2) **Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan tambahan baru yang mengandungi 3 bilik bicara Mahkamah Sesyen dan 5 bilik bicara Mahkamah Majistret. Projek mula dilaksanakan pada 21 Mei 2009 dan dijangka siap pada Julai 2013.



Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor

C) **PROJEK DALAM PERANCANGAN**

1) **Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah**

Projek ini melibatkan pembinaan bangunan kompleks baru di atas tapak seluas 6.25 ekar di Jalan Shariff Osman off Jalan Kolam di Kota Kinabalu, Sabah. Skop projek mengandungi 16 buah bilik bicara iaitu 1 Mahkamah Persekutuan, 3 Mahkamah Tinggi, 6 Mahkamah Sesyen dan 6 Mahkamah Majistret. Bagi menyegerakan pelaksanaan projek ini, Makmal Pengurusan Nilai Projek oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM telah diadakan pada 17 hingga 21 Disember 2012 di *Hotel Best Western* Kota Kinabalu yang turut dihadiri oleh wakil Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Mahkamah Sabah, Jabatan Kerja Raya (JKR) Ibu Pejabat, JKR Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan perunding-perunding projek.



Makmal Pengurusan Nilai Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah

D) KERJA-KERJA UBAHSUAI, PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF BANGUNAN MAHKAMAH

1) Bangunan-Bangunan Mahkamah

NEGERI	LOKASI PROJEK
KEDAH	Kompleks Mahkamah Sesyen / Majistret Sungai Petani
	Mahkamah Majistret Langkawi
PERAK	Mahkamah Tinggi / Sesyen / Majistret Ipoh
	Mahkamah Majistret Pengkalan Hulu
SELANGOR	Mahkamah Tinggi / Sesyen / Majistret Shah Alam
	Mahkamah Baru Sepang
JOHOR	Mahkamah Majistret dan Sesyen Batu Pahat
	Mahkamah Majistret Kota Tinggi
PULAU PINANG	Mahkamah Sesyen / Majistret Pulau Pinang
SABAH	Mahkamah Litar Kinabatangan
TERENGGANU	Mahkamah Majistret Besut
KELANTAN	Mahkamah Majistret / Sesyen Kuala Krai

2) Ruang Pejabat Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvency Malaysia

NEGERI	LOKASI PROJEK
PERLIS	Jabatan Bantuan Guaman Perlis
KEDAH	Jabatan Bantuan Guaman Langkawi
JOHOR	Jabatan Bantuan Guaman Muar
KELANTAN	Jabatan Bantuan Guaman Kota Bharu
SABAH	Jabatan Insolvency Malaysia Sandakan

Kerja ubahsuai pembinaan bilik tahanan dan laluan berbumbung di Mahkamah Baru Sepang



Sebelum



Selepas

Kerja ubahsuai di Mahkamah Tinggi Shah Alam



Sebelum



Selepas

Kerja ubahsuai di Bangunan MRCB Shah Alam



Sebelum



Selepas

E) MEKANISMA PEMANTAUAN PROJEK

1) Mesyuarat

Bagi memastikan kemajuan pelaksanaan projek adalah mengikut perancangan yang ditetapkan, beberapa mesyuarat bersama agensi pengguna, pelaksana, kontraktor, perunding dan lain-lain jabatan telah diadakan seperti berikut:-

BIL	MESYUARAT	KEKERAPAN
1	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan (bersama JKR dan Mahkamah)	Setiap bulan
2	Mesyuarat Tapak Projek (bersama JKR, pengguna, kontraktor dan perunding)	Setiap bulan
3	Mesyuarat Penyelarasan Seksyen Dasar dan Seksyen Pembangunan	Setiap bulan
4	Mesyuarat Penyelarasan Projek (bersama JKR)	Mengikut keperluan
5	Mesyuarat Perancangan Keperluan Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Mengikut keperluan
6	Mesyuarat Semakan Kecacatan	Setiap 3 bulan

2) Lawatan Kerja

Lawatan diadakan bagi tujuan pemantauan projek dan juga penyerahan projek oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri & Pengurusan Tertinggi BHEUU.

BIL	TARIKH	CATATAN
1	25 Januari 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Sepang dan Mahkamah Klang, Selangor
2	31 Januari 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Kajang, Selangor
3	21 Februari 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang
4	7 Mac 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Baru Kajang, Selangor
5	18 -19 Mac 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Majistret Kuala Krai, Kelantan
6	19 Mac 2012	Lawatan Ketua Hakim Negara ke Mahkamah Tawau, Semporna dan Kinabatangan, Sabah

BIL	TARIKH	CATATAN
7	20 Mac 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Petaling Jaya, Selangor
8	4 April 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke KLRCA dan Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur
9	12-14 April 2012	Lawatan Rasmi Timbalan Menteri Di JPM ke Mahkamah Kudat, Sabah
10	3 Julai 2012	Majlis Perasmian Mahkamah Pasir Mas, Kelantan
11	20 Julai 2012	Majlis Penyerahan Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang
12	23 Julai 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Sepang, Selangor
13	15 Ogos 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia ke Bangunan Persekutuan Petaling Jaya, Selangor
14	18 September 2012	Lawatan Hakim Besar Malaya ke Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang
15	17 Oktober 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Sandakan, Sabah
16	18 Oktober 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Sandakan, Sabah
17	19 Oktober 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Tapak Projek Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah
18	24 Oktober 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kota Bharu, Kelantan
19	25 Oktober 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Gua Musang, Kelantan
20	08 November 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor
21	16 November 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Projek Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor
22	22 November 2012	Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Jabatan Insolvensi Malaysia Terengganu dan Jabatan Bantuan Guaman Terengganu



Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah



Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke tapak cadangan Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah



Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah

F) PROJEK ROLLING PLAN KEDUA (RP2) RMKe-10 (2012)

BIL	PROJEK	STATUS TERKINI	CATATAN
1.	Mahkamah Baru Kajang, Selangor	Siap	Projek sedia ada dan dalam tempoh tanggungan kecacatan
2.	Mahkamah Baru Alor Gajah, Melaka	Siap	Projek sedia ada dan dalam tempoh tanggungan kecacatan
3.	Bangunan Tambahan Mahkamah Sesyen / Majistret Shah Alam, Selangor	Siap	Projek sedia ada dan dalam tempoh tanggungan kecacatan
4.	Mahkamah Baru Sarikei, Sarawak	Siap	Projek sedia ada dan telah muktamad akaun
5.	Ubahsuai & Membina Bangunan Tambahan Mahkamah Pulau Pinang	Siap	Projek sedia ada dan telah muktamad akaun
6.	Mahkamah Baru Muar, Johor	Siap	Projek sedia ada dan dalam tempoh tanggungan kecacatan
7.	Mahkamah Baru Petaling Jaya, Selangor	Siap	Projek sedia ada dan telah muktamad akaun
8.	Mahkamah Baru Semporna, Sabah	Siap	Projek sedia ada dan telah muktamad akaun
9.	Kompleks Mahkamah Tinggi Kuantan, Pahang	Siap	Projek sedia ada dan dalam tempoh tanggungan kecacatan
10.	Projek Pemuliharaan dan Pengubahsuaian Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara Kuala Lumpur untuk dijadikan Pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)	Dalam pelaksanaan	Projek sedia ada
11.	Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah	Dalam perancangan	Projek sedia ada dan Makmal Pengurusan Nilai oleh BHEUU telah diadakan pada 17 hingga 21 Disember 2012

Status Projek-Projek Public-Private Partnership (PPP)

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Mahkamah Baru Ampang, Selangor	Permohonan telah dikemukakan kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
2.	Bangunan Tambahan dan Tempat Letak Kereta Bertingkat Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur	Permohonan telah dikemukakan kepada UKAS
3.	Mahkamah Baru Kangar, Perlis	Permohonan telah dikemukakan kepada UKAS
4.	Mahkamah Baru Petaling Jaya, Selangor	Permohonan telah dikemukakan kepada UKAS
5.	Kompleks Mahkamah Baru Johor Bahru, Nusajaya, Johor	Permohonan telah dikemukakan kepada UKAS

G) URUSAN PEROLEHAN TANAH

Urusan perolehan tanah bagi tapak projek pembangunan Mahkamah yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 seperti senarai berikut:-

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah	Permohonan pembermilikan
2.	Mahkamah Bera, Pahang	Bayaran pampasan dan premium
3.	Kompleks Mahkamah Alor Setar, Kedah	Permohonan pembermilikan
4.	Mahkamah Baru Klang, Selangor	Permohonan pembermilikan
5.	Mahkamah Majistret Seri Manjung, Perak	Bayaran premium
6.	Kompleks Mahkamah Baru Kangar, Perlis	Bayaran premium

PELAKSANAAN AKTA DAN UNDANG-UNDANG

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010. Sebagai permulaan, Akta ini telah dilaksanakan oleh 7 agensi penguatkuasa utama iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelarasan bagi pelaksanaan Akta ini. Sepanjang tahun 2012, BHEUU telah menerima sebanyak 23 jemputan memberikan ceramah mengenai Akta ini kepada pelbagai Kementerian / Agensi / Jabatan Kerajaan. Selain itu, program bicarawara turut diadakan di beberapa stesen radio termasuklah di negeri Kelantan, Negeri Sembilan dan Sabah.

Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

BHEUU telah menganjurkan Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari 3 buah negeri iaitu Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 26 – 28 November 2012 bertempat di *Sanctuary Resort*, Cherating. Bengkel selama 3 hari 2 malam itu telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Rosli bin Ramli, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir semasa majlis perasmian ialah YBhg. Dato' Hisham Nordin, Pengarah NKRA Rasuah dan Tuan Moh Samsudin bin Yusof, Pengarah SPRM Negeri Pahang. Bengkel tersebut melibatkan 35 peserta dari 21 PBT.



Majlis Perasmian Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]



Perbincangan antara peserta yang hadir semasa bengkel



Sesi bergambar bersama urus setia dan penceramah

Lawatan Ahli Kesatuan Pembantu Am Pejabat Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri Johor

BHEUU telah menerima lawatan daripada 35 orang ahli Kesatuan Pembantu Am Pejabat, Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia, Cawangan Negeri Johor bertempat di Aras 10, BHEUU. Lawatan tersebut adalah bertujuan bagi mendapatkan penerangan mengenai peranan BHEUU, JPM selain mendapatkan informasi berkenaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.



Dr. Nor Mazny Abdul Majid, Pengarah Dasar memberikan ucapan alu-aluan mewakili Pengurusan BHEUU, JPM



Puan Azra Haida Baharom, Timbalan Pengarah Dasar menyampaikan taklimat berkenaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]



Sesi dialog bersama peserta



Sesi bergambar bersama rombongan lawatan

Taklimat Kepada Ahli CUEPACS Negeri Sembilan

Taklimat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 kepada ahli CUEPACS Negeri Sembilan telah diadakan pada 10 Julai 2012 bertempat di The Royale Bintang Resort Seremban. Taklimat tersebut turut dihadiri oleh seramai 150 ahli CUEPACS dari Negeri Sembilan.



Antara peserta yang menghadiri taklimat

GERAN PENYELIDIKAN JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM)

JPUUM menawarkan geran penyelidikan kepada IPTA/IPTS dengan tujuan menggalakkan kajian ke arah penjanaan teori, konsep dan idea bagi mengenal pasti keperluan serta menyokong pelaksanaan pembaharuan undang-undang di Malaysia supaya sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Sepanjang tahun 2012, 12 geran penyelidikan JPUUM telah dikeluarkan kepada para penyelidik IPTA / IPTS untuk menjalankan kajian-kajian seperti berikut:

BIL.	KAJIAN	INSTITUT PENYELIDIK
1.	A Critical Study on the Commission of Statutory Rape by Those Below 18: Should Punishment or Protection Prevail	Universiti Malaya (UM)
2.	A Review on the Patents Act 1983 with Special Emphasis on the Transfer of Green Technologies Provisions	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
3.	A Review of Malaysian Pesticides Laws and Regulations	Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM)
4.	Reforming the Laws Regarding Education for Children with Disabilities in Malaysia	Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM)
5.	Incorporating Online Defamation into Defamation Act 1957	Universiti Multimedia (MMU)
6.	A Review on Damages for Loss of Earnings Under Civil Law Act 1956	Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM)
7.	Time for a Telecommunications Industry Ombudsman; Proposed Amendments to the Communications and Multimedia Act 1998	Universiti Multimedia (MMU)
8.	Hak Sivill dan Berpolitik	Universiti Multimedia (MMU)
9.	Hak Ekonomi, Sosial, Agama dan Kebudayaan	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
10.	Hak Golongan Rentan	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
11.	Hak Orang Asal dan Orang Asli	Universiti Malaya (UM)
12.	Kewajipan Antarabangsa	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

Sesi Pembentangan Hasil Kajian Di Bawah Geran Penyelidikan JPUUM

Sesi pembentangan hasil kajian di bawah geran penyelidikan JPUUM telah diadakan pada 2 April, 9 dan 10 Mei, 19 Jun serta 9 Oktober 2012. Sesi-sesi yang dipengerusikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini turut dihadiri oleh wakil Kementerian/Agensi Kerajaan, badan-badan berkepentingan dan universiti.



Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU turut hadir semasa sesi pembentangan



Penyelidik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) membentangkan hasil kajian



YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri turut mengajukan soalan kepada para pembentang



Wakil dari Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah turut memberi komen atas hasil kajian yang dibentangkan



YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama anggota-anggota JPUUM meneliti hasil kajian yang dibentangkan



Pembentang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Legal Forum For You & Me: Computer Crimes Act 1997 Revisited

Forum yang bertajuk *Computer Crimes Act 1997 Revisited* telah diadakan pada 17 April 2012 bertempat di Dewan Harmoni, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang. Forum yang dirasmikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini turut dihadiri oleh wakil Kementerian/Agensi Kerajaan, badan-badan berkepentingan dan universiti.



Ucapan Perasmian forum oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Moderator dan ahli panel forum dari Universiti Teknologi MARA (UiTM)



Antara para peserta yang menghadiri sesi forum tersebut



Dato' Haji Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Haji Adnan Ibon, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) dan Dr. Nor Mazny Abd Majid, Pengarah Dasar turut hadir semasa sesi forum

KEURUSETIAAN

MESYUARAT LEMBAGA PENGAMPUNAN BAGI KES-KES KESELAMATAN DAN KES-KES WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA

Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Kes-Kes Keselamatan dan Kes-Kes Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah diadakan pada 9 November 2012. Sejumlah 10 kes telah dibawa untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan. Mesyuarat ini buat julung kalinya diadakan di Istana Negara Jalan Duta dan dipengerusikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Almu`tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu`adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada:

- i. YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia;
- ii. YBhg. Tan Sri Abd Gani Patail, Peguam Negara;
- iii. YBhg. Dato' Seri JJ Raj, Dato' Seri Sentosa Setia Diraja;
- iv. YBhg. Prof Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim; dan
- v. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Bakri Haji Omar.



Ahli mesyuarat bergambar bersama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong



Ketua Setiausaha Negara sedang menandatangani Buku Pelawat



Ketibaan YAB Perdana Menteri

MESYUARAT PENYELARASAN URUS SETIA LEMBAGA PENGAMPUNAN NEGERI-NEGERI

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 1/2011 telah diadakan pada 14 Februari 2012 di Wisma Perbadanan, Labuan. Mesyuarat Bil. 2/2011 pula telah diadakan pada 23 Oktober 2012 bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kelantan. Ahli-ahli tetap kedua-dua mesyuarat terdiri daripada wakil-wakil Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pejabat DYMM Sultan, Pejabat Yang Di-Pertua Negeri-Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia.



Ketua Pengarah BHEUU mempengerusikan mesyuarat di Labuan



Ahli mesyuarat sedang meneliti maklum balas mesyuarat yang dibentang



Lawatan ke Penjara Labuan



Kunjungan hormat Ketua Pengarah BHEUU ke atas YB Dato' Dr. Haji Zainuddin bin Haji Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan sebelum mesyuarat bermula



Ketua Pengarah BHEUU mempengerusikan mesyuarat di Kelantan



Antara ahli mesyuarat yang hadir



Sesi lawatan ahli mesyuarat ke Penjara Wanita
Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan

PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT

PROJEK PENAMBAHBAIKAN CASE MANAGEMENT SYSTEM JABATAN BANTUAN GUAMAN (CMS-JBG)

Sistem Pengurusan Kes Jabatan Bantuan Guaman (SPK-JBG) yang telah ditambah baik mula digunakan oleh semua kakitangan JBG bermula 23 Disember 2012. SPK-JBG adalah nama baru bagi *Case Management System* Jabatan Bantuan Guaman (CMS-JBG) yang telah diguna pakai semenjak tahun 2009.

Pembangunan projek ini menggunakan peruntukan bajet pembangunan RMK10 dan menggunakan perkhidmatan pembekal Creative World Industries Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM1,095,000.00 untuk tempoh 14 bulan. Projek ini dipantau terus oleh Ketua Pengarah JBG menerusi Mesyuarat Pemandu SPK-JBG. Selain daripada sokongan pihak pengurusan JBG dan BHEUU, kerjasama dan komitmen *Subject Matter Expert* (SME) yang dilantik oleh JBG amat berkesan dalam mengenal pasti keperluan-keperluan pengguna, serta memastikan projek ini dilaksanakan dengan jayanya.

LAPORAN PORTAL

BHEUU telah berjaya mengekalkan penarafan lima bintang untuk Portal BHEUU dalam *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* (MGPWA). Selain daripada itu, Portal BHEUU juga telah melonjak ke kedudukan tempat ke-8 berbanding tempat ke-11 pada tahun sebelumnya.

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KONSOLIDASI RANGKAIAN SETEMPAT (LAN) MAHKAMAH SEMENANJUNG MALAYSIA

Pada 24 Ogos 2011, BHEUU telah menganugerahkan tender Projek Konsolidasi Rangkaian Setempat (LAN) Mahkamah kepada Syarikat Kayangan Cahaya Sdn. Bhd. (KCSB). Projek ini melibatkan 95 kompleks mahkamah di Semenanjung Malaysia. Pihak KCSB telah menyiapkan projek dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pasukan projek terdiri daripada wakil MAMPU, Mahkamah Persekutuan dan BHEUU selain pihak KCSB.

Majlis penyerahan projek kepada pihak Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim di Hotel JW Marriott Putrajaya. Ketua Pengarah BHEUU dalam ucapan perasmianya berharap supaya kejayaan projek ini dapat membantu pihak mahkamah untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat serta meningkatkan status badan kehakiman Negara.





Majlis menandatangani plak penyerahan projek oleh Encik Azami bin Maitit, Pengarah Urusan Kayangan Cahaya Sdn. Bhd. dan YBhg. Dato' Hj. Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU disaksikan oleh YBhg. Dato' Hashim bin Hamzah, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia



Ketua Pengarah BHEUU menyampaikan cenderamata kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia sebagai simbol penyerahan projek rangkaian LAN kepada pihak mahkamah

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH BHEUU KE MAHKAMAH PETALING JAYA, SELANGOR

Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim telah mengadakan lawatan kerja ke Mahkamah Petaling Jaya, Selangor pada 20 Mac 2012. Turut hadir, Puan Azizah binti Mahamud, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Semasa sesi lawatan kerja, Ketua Pengarah BHEUU dapat melihat bagaimana *Court Recording and Transcription System (CRT)* beroperasi.

Di bawah peruntukan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Teknologi KBSE Sdn. Bhd. (KBSE) dianugerahkan tender Projek NKRA CRT Fasa III pada 13 Oktober 2011. KBSE berjaya menyiapkan projek yang melibatkan 21 buah lokasi mahkamah di Semenanjung Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.



Taklimat dan demonstrasi penggunaan CRT oleh KBSE

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK NKRA CRT FASA III

Selepas sesi lawatan kerja di Mahkamah Petaling Jaya pada 20 Mac 2012, Ketua Pengarah BHEUU telah merasmikan Majlis Penyerahan Projek NKRA CRT Fasa III di Hotel Hilton Petaling Jaya, Selangor. Encik Mohd Danial bin Ma'alip, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Pengurusan EG (BPPEG) MAMPU turut hadir di majlis ini.

Ketua Pengarah BHEUU dalam ucapan perasmianya berharap supaya kejayaan projek ini dapat memantapkan pelaksanaan Sistem e-Kehakiman di semua mahkamah serta membantu mahkamah terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan meningkatkan status badan kehakiman Negara. Projek ini penting sebagai asas dalam inisiatif mentransformasikan ICT Mahkamah bagi menyokong perkhidmatan teras mahkamah sejajar dengan kehendak kerajaan sepertimana yang diperlukan bagi mencapai sasaran NKRA.



YBhg. Dato' Hj. Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU menyampaikan cenderamata kepada Puan Azizah Mahamud, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia sebagai simbol penyerahan Projek NKRA CRT Fasa III kepada pihak mahkamah sambil disaksikan oleh Encik Mohd Nazri bin Muid, Pengarah Urusan Teknologi KBSE Sdn. Bhd



Antara jemputan yang hadir di Majlis Penyerahan Projek NKRA CRT Fasa III

LAWATAN KERJA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI KE MAHKAMAH TINGGI IPOH, PERAK

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz telah mengadakan lawatan kerja ke Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak pada 14 Mei 2012. Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Zulkefli bin Ahmad Makinudin, Hakim Besar Malaya, YBhg. Dato' Hashim bin Hamzah, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU turut hadir. Semasa sesi lawatan kerja tersebut, YB Menteri dapat melihat bagaimana Projek e-Kehakiman beroperasi.

Di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9, Formis Network Services Sdn. Bhd. (FORMIS) telah dianugerahkan tender Projek e-Kehakiman Semenanjung pada 29 Julai 2009 dan telah menyiapkan projek ini sepenuhnya pada Disember 2011.



Taklimat dan demonstrasi penggunaan Sistem e-Filing di kaunter pendaftaran dan Court Recording & Transcription System (CRT) oleh FORMIS



Sesi bergambar bersama YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz bertempat di Perkarangan Mahkamah Tinggi Ipoh

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK E-KEHAKIMAN SEMENANJUNG

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz telah merasmikan Majlis Penyerahan Projek e-Kehakiman Semenanjung di Hotel Impiana Ipoh, Perak pada 14 Mei 2012. Turut sama menyaksikan adalah Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Zulkefli bin Ahmad Makinudin, Hakim Besar Malaya.

Dalam ucapan perasmianya, YB Menteri memaklumkan bahawa Bank Dunia (laporan *Doing Business 2012*) telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang ke-18 paling mudah memulakan atau menjalankan urus niaga. Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan ini adalah penambahbaikan yang telah dilakukan kepada sistem pengkomputeran mahkamah melalui pelaksanaan Sistem e-Filing mulai tahun 2011. Beliau berharap supaya sistem ini akan terus berjalan lancar dan diperluaskan ke mahkamah-mahkamah lain dengan segera. Ini bagi memastikan kedudukan Malaysia di bawah topik *Enforcing Contract* pada laporan Bank Dunia akan terus meningkat.

Justeru itu, melalui komponen utama yang disediakan jelas menunjukkan kesungguhan Kerajaan dalam mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Ia juga bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat, memantapkan penyampaian perkhidmatan awam dan seterusnya telah meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan badan kehakiman Negara.



Sesi menandatangani plak penyerahan Projek e-Kehakiman Semenanjung disaksikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Zulkefli bin Ahmad Makinudin, Hakim Besar Malaya



Plak penyerahan Projek e-Kehakiman Semenanjung yang telah ditandatangani



Antara hadirin yang hadir ke Majlis Penyerahan Projek e-Kehakiman Semenanjung

LAWATAN KETUA PENGARAH BHEUU KE MAHKAMAH SANDAKAN, SABAH

Ketua Pengarah BHEUU telah mengadakan lawatan kerja ke Mahkamah Sandakan, Sabah pada 17 Oktober 2012. Semasa lawatan tersebut, Ketua Pengarah BHEUU meninjau pelaksanaan Projek e-Kehakiman disusuli taklimat daripada wakil Mahkamah Sandakan. Objektif utama pelaksanaan Projek e-Kehakiman adalah untuk memudahkan capaian kepada perkhidmatan kehakiman dan mempertingkatkan kesediaan dan kebolehcapaian terhadap maklumat mahkamah.



Ketua Pengarah BHEUU melawat pelaksanaan projek e-kehakimandi Mahkamah Sandakan, Sabah

PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN RANGKAIAN DAN ICT BHEUU

Pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan ICT yang juga dikenali sebagai *Security Posture Assessment (SPA)* di BHEUU bermula pada 6 Ogos 2012. Tempoh pelaksanaan selama 2 bulan. Skop SPA merangkumi penilaian kepada hos, aplikasi web dan pangkalan data serta ujian penembusan secara dalaman dan luaran ke atas rangkaian dan sistem ICT di BHEUU.



Aktiviti SPA merangkumi pengumpulan maklumat, penilaian keselamatan, cadangan penambahbaikan dan penghasilan laporan

Berdasarkan kepada penilaian ke atas semua skop, secara keseluruhan BHEUU dikategorikan berisiko rendah. Walau bagaimanapun, tindakan penambahbaikan yang dicadangkan perlu diambil tindakan segera bagi mengelakkan berlaku insiden keselamatan ICT pada masa hadapan.



PENGURUSAN KEWANGAN

Bajet Mengurus Tahun 2012 yang diluluskan untuk 3 aktiviti di bawah program BHEUU adalah berjumlah RM117,497,700.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2012 adalah sebanyak RM117,607,131.77 [100.10%]. Perbelanjaan ini turut melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM2,500,000.00 [2.13%] dan tiada AP58 yang direkodkan.

Bajet Pembangunan Tahun 2012 yang diluluskan adalah sebanyak RM45,351,519.00. Manakala jumlah pencapaian perbelanjaan sebenar adalah RM41,101,176.40 [90.63%]. Perbelanjaan projek bukan fizikal yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM9,250,950.76 [22.51%]. Manakala projek pembangunan fizikal melibatkan perbelanjaan sebanyak RM31,850,22.64 [77.49%].

Semua pembayaran bagi baucar tuntutan daripada peruntukan Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan telah diselesaikan dalam tempoh 14 hari.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

KEURUSETIAAN

Sepanjang tahun 2012, beberapa mesyuarat yang membincangkan perancangan program pengurusan Sumber Manusia telah diadakan seperti di bawah:

BIL.	MESYUARAT	PELAKSANAAN (BULAN/KEKERAPAN)
1.	Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)	Januari & Julai 2012
2.	Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji)	Mac 2012
3.	Panel Pembangunan Sumber Manusia (APC)	April 2012
4.	Panel Pembangunan Sumber Manusia (Anjakan Gaji)	Oktober 2012
5.	Mesyuarat Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU	Februari & Disember 2012
6.	Ketua-Ketua Jabatan (MKJ)	Setiap bulan/12 kali
7.	Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU)	Januari, April dan September 2012
8.	Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Mac, Jun, September dan Disember 2012
9.	Pengurusan	2 kali sebulan/24 kali
10.	Lembaga Tatatertib	Tertakluk kepada jumlah kes

KURSUS DAN LATIHAN

Sebanyak 33 kursus/latihan termasuk program ceramah keutuhan telah dianjurkan sepanjang tahun 2012 bagi pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Kumpulan Sokongan I & II. Kursus/latihan yang telah dianjurkan pada tahun 2012 memberi fokus kepada pemikiran kreatif dan inovatif serta peningkatan kemahiran untuk menjalankan tugas dengan lebih efektif di pejabat.

Prestasi Kehadiran Berkursus

Pada tahun 2012, BHEUU telah mencapai 100 % kehadiran berkursus sekurang-kurangnya 7 hari seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

HRMIS adalah satu Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam yang berobjektifkan perancangan tenaga kerja dan penentuan saiz perkhidmatan awam yang berkesan melalui maklumat pengurusan sumber manusia, mengautomatiskan proses operasi pengurusan sumber manusia, membangunkan maklumat sumber manusia yang bersepadu dan kemas kini untuk tujuan perancangan sumber manusia yang berkesan serta menyediakan satu sistem maklumat sumber manusia yang terbuka dan fleksibel serta terkini bagi memenuhi keperluan pengurusan di pelbagai peringkat agensi. Sehingga bulan Disember 2012, modul-modul HRMIS seperti di bawah telah dilaksanakan di BHEUU secara berperingkat mengikut arahan pihak JPA dari semasa ke semasa :

1.	Data Perjawatan
2.	Pengurusan Rekod Peribadi <ul style="list-style-type: none">■ Pengurusan Rekod Peribadi■ Perisytiharan Harta■ Profil Perkhidmatan
3.	Pengurusan Landasan Kerjaya
4.	Pengurusan Prestasi <ul style="list-style-type: none">■ Penilaian Prestasi
5.	Penamatan Perkhidmatan
6.	Pengurusan Persaraan, Faedah dan Ganjaran <ul style="list-style-type: none">■ Pengurusan Tuntutan dan Pendahuluan Diri■ Pengurusan Cuti■ Pengurusan Gaji
7.	Permohonan Pertukaran

Sehingga Disember 2012, BHEUU telah mencatatkan 100% bagi pengemaskinian Data Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan manakala bagi pengemaskinian Pengisytiharan Harta, BHEUU mencatatkan 98.98%. Pencapaian ini membolehkan BHEUU berada di senarai teratas agensi di bawah JPM yang berjaya mencapai KPI yang ditetapkan.

ASPEK KESELAMATAN

Aspek keselamatan juga diberi perhatian serius bagi memastikan insiden yang tidak diingini berlaku di Bangunan BHEUU. Langkah-langkah ini bagi memastikan keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan peribadi dan keselamatan sistem teknologi maklumat di bangunan BHEUU dilindungi. Selain itu, program ini juga dirangka agar warga BHEUU sentiasa berada dalam keadaan siap siaga menghadapi pelbagai kemungkinan.

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan

Sepanjang tahun 2012, Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU merangkap Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) telah bersidang sebanyak 2 kali. Mesyuarat ini membincangkan isu-isu berkaitan keselamatan perlindungan yang merangkumi keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan peribadi dan keselamatan sistem teknologi maklumat yang melibatkan BHEUU, JBG dan Mdl.

Latihan Asas Keselamatan Kebakaran oleh Pegawai Keselamatan Kebakaran di Balai Bomba Putrajaya

BHEUU dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menganjurkan Latihan Asas Keselamatan Kebakaran pada 26 Jun 2012 bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat, Putrajaya. Seramai 46 orang Pegawai Keselamatan Kebakaran dan Bencana (PKKB) dari BHEUU, Mdl dan JBG telah mengambil bahagian dalam latihan tersebut.

Latihan asas ini adalah sebagai langkah awal bagi memantapkan keupayaan Pasukan Keselamatan Kebakaran secara keseluruhannya mengenai aspek pencegahan kebakaran, memberikan pendedahan serta memahami tentang keperluan keselamatan di tempat kerja khususnya bahaya-bahaya kebakaran dan keselamatan.

Objektif latihan ini diadakan adalah untuk:

- Memberi pengetahuan tentang aspek keselamatan kebakaran di bangunan khususnya di tempat kerja;
- Kemahiran menggunakan peralatan kebombaian dan sistem menentang kebakaran yang terdapat di bangunan dan di tempat kerja;
- Memahami tugas dan tanggungjawab PKKB kepada jabatan dalam aspek keselamatan pencegahan kebakaran.





Latihan kawat hose oleh PKKKB



PKKB memadam api menggunakan alat pemadam api



Latihan pendedahan mengenai cara-cara menggunakan hose



Latihan Pengungsian Bangunan *Fire Drill* di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang

Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Drill*) di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang telah diadakan dengan jayanya pada 29 Jun 2012 dengan kerjasama Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (Cawangan Putrajaya) bermula jam 3.15 petang.

Latihan Pengungsian Bangunan bermula dengan loceng amaran dibunyikan dan semua warga bangunan diarahkan berkumpul di perkarangan padang di hadapan Masjid Tuanku Mizan, Presint 3. Sesi latihan ini mendapat kerjasama yang memuaskan daripada warga bangunan dengan bantuan Pasukan Keselamatan Kebakaran yang dilantik di kalangan pegawai BHEUU, Mdl dan JBG.



Warga bangunan mengosongkan bangunan dan bergerak ke tempat berkumpul



Ketua Insiden sedang mengumpulkan maklumat mengenai pengungsian bangunan



Warga bangunan sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai JBPM

PENYEWAAN RUANG PEJABAT & STOR

BHEUU bertanggungjawab dalam menyelaras kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor bagi cawangan-cawangan JBG dan Mdl di bangunan swasta. Sepanjang tahun 2012, BHEUU telah memproses perlanjutan serta penyewaan baru ruang pejabat JBG dan Mdl seperti berikut:

Perlanjutan Penyewaan Ruang Pejabat (3 Tahun)

Cawangan-cawangan JBG	Cawangan-cawangan MdI
<input type="checkbox"/> Gua Musang, Kelantan <input type="checkbox"/> Labuan <input type="checkbox"/> Kota Kinabalu <input type="checkbox"/> Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<input type="checkbox"/> Miri, Sarawak

Penyewaan Ruang Pejabat Baru

Cawangan-cawangan JBG	Cawangan-cawangan MdI
-	<input type="checkbox"/> Sandakan



Gambar pengubahsuaian ruang pejabat di Mdl Cawangan Sandakan, Sabah



PENGIKTIRAFAN

BHEUU meneruskan tradisi tahunan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warganya yang telah menunjukkan prestasi dan sahsiah yang cemerlang sepanjang tahun 2011 melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Penganugerahan tersebut berlangsung dalam satu majlis yang disambut meriah kerana turut meraikan warga BHEUU, Mdl dan JBG yang telah bersara pada tahun 2011 sehingga Jun 2012.

Majlis Jasamu Dikenang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 telah diadakan pada 25 April 2012 bertempat di Dewan Harmoni, Aras 2 Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Putrajaya dengan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Seramai 141 orang pegawai dari BHEUU, Mdl dan JBG telah menerima anugerah tersebut manakala seramai 18 orang pegawai yang telah bersara pada tahun 2011 dan 2012 turut menerima sijil dan cenderahati daripada Yang Berhormat Menteri.

PEMBUDAYAAN INOVASI DAN KREATIVITI

Tahun 2012 memperlihatkan BHEUU meneruskan dan mempergiatkan lagi agenda Inovasi, Kreativiti dan Pengurusan Kualiti.

MS ISO 9001:2008

Persijilan MS ISO 9001:2008 telah diperolehi BHEUU dengan Skop Pendaftaran dan Pemerbadanan Pemegang Amanah. Sijil MS ISO 9001:2008 diterima oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz bagi pihak BHEUU pada 19 Januari 2012 daripada Pengurus Besar Korporat SIRIM. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan kecemerlangan dan kelestarian Pengurusan Kualiti BHEUU termasuk Audit Dalam ISO dan Audit Pengawasan oleh pihak SIRIM. Usaha-usaha untuk memperluaskan skop pensijilan dengan penambahan Skop Pengurusan Pembangunan Mahkamah juga telah dimulakan pada tahun 2012. Perluasan skop dijangka dapat direalisasikan pada penghujung 2013.

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

BHEUU telah mengambil langkah menggerakkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dengan penubuhan 8 kumpulan KIK. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2012 bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan KIK kepada warga BHEUU. Ini termasuk sesi Diskusi Kreatif bersama Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Tengah (INTENGAH) dan pelbagai bengkel serta lawatan. Malah, sebuah jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Kerja KIK telah ditubuhkan bagi memastikan kelangsungan KIK di BHEUU. BHEUU mensasarkan penyertaan ke Konvensyen KIK Peringkat JPM pada tahun 2013.

Atas prinsip untuk memastikan agenda Inovasi, Kreativiti & Pengurusan Kualiti BHEUU sentiasa dititikberatkan, seiring dengan saranan Ketua Setiausaha Negara, BHEUU telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Inovasi (JPI) bagi merancang dan menyusun strategi untuk meningkatkan budaya inovasi, kreativiti dan pengurusan berkualiti Jabatan.

AMALAN 5S

BHEUU telah disijilkan dengan sijil Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S) daripada pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada penghujung 2011. Seperti mana usaha yang dilaksanakan terhadap Pengurusan Kualiti BHEUU, pelbagai langkah telah diambil bagi memastikan BHEUU terus kekal dalam suasana Persekitaran Berkualiti. Audit Dalam Amalan 5S telah diadakan sebanyak 3 sepanjang 2012, dan Sektor yang terbaik pada bulan Disember 2012 menerima Anugerah Sektor Terbaik Amalan 5S.

KEMPEN PENJIMATAN TENAGA

BHEUU telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Tenaga (JKPTEN) pada 22 Februari 2012 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Rosli bin Ramli, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) yang bertujuan menerapkan nilai-nilai murni amalan berjimat cermat dalam kalangan warga BHEUU, JBG dan Mdl. Kempen Penjimatan Tenaga di bangunan BHEUU telah dilancarkan pada 3 Mei 2012 dengan menetapkan sasaran penurunan 10% kadar penggunaan tenaga elektrik menjelang September 2012. BHEUU telah berjaya mencapai sasaran dan menjimatkan penggunaan tenaga dengan nilai RM90,496.82 (bersamaan 17.83%) bermula dari April 2012 hingga September 2012. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kempen ini:

- Lawatan ke bangunan Suruhanjaya Tenaga (*Diamond Building*);
- Kempen melalui sistem siar raya;
- Pertandingan Penjimatan Tenaga;
- Ceramah Keutuhan Penjimatan Tenaga;
- Lawatan ke Universiti Tun Hussin Onn (UTHM), Johor
- Lawatan ke School Of Art, Media & Design, Nanyang Technological University, Singapura
- Lawatan ke Marina Barrage, Singapore



Pelancaran Kempen Penjimatan Tenaga di BHEUU



Program Lawatan Sambil Belajar


HUBUNGAN MAJIKAN-PEKERJA

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) BHEUU telah berjaya menjadi medan perbincangan antara Pihak Pengurusan BHEUU, Mdl dan JBG serta Wakil Pekerja MBJ yang mewakili warga BHEUU, Mdl dan JBG termasuk di cawangan-cawangan. Perbincangan menjurus kepada mencapai kepentingan pembangunan organisasi melalui percambahan idea dan inovasi, pembangunan kerjaya dan latihan, kemudahan dan kebajikan, pengiktirafan dan memantapkan lagi semangat kekitaan di BHEUU, Mdl dan JBG.

Wakil Pekerja MBJ BHEUU bagi sesi Ogos 2012 hingga Julai 2014 menampilkan barisan Wakil Pekerja MBJ yang terdiri daripada 24 orang pegawai yang dipilih melalui kaedah pencalonan secara atas talian di mana Wakil Pekerja yang dilantik adalah mewakili Ibu Pejabat (mengikut Kumpulan Perkhidmatan) serta Cawangan Mdl dan JBG (mengikut Zon). Sepanjang tahun 2012, MBJ BHEUU telah berjaya melaksanakan 4 kali mesyuarat iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember 2012.

Sebanyak 33 isu telah dikemukakan oleh Wakil Pekerja MBJ sepanjang tahun 2012 dan sebahagian besar isu yang melibatkan keputusan Pihak Pengurusan BHEUU, Mdl dan JBG telah berjaya diselesaikan segera. Manakala bagi isu yang melibatkan dasar atau keputusan pihak luar seperti JPA dan Perbadanan Putrajaya, isu berkenaan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Pecahan usul yang dikemukakan oleh Wakil pekerja mengikut kategori adalah seperti di Rajah 1:



Senarai Anggota MBJ Yang Mewakili Pihak Pengurusan Dan Pekerja (Ogos 2012-Julai 2014)

Wakil Pihak Pengurusan

BIL.	NAMA	JAWATAN	CATATAN
BHEUU			
1.	YBhg. Dato' Ismail Bin Ibrahim	Ketua Pengarah	Pengerusi
2.	YBhg. Dato' Mohd Rosli Bin Ramli	Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan)	
3.	Tuan Haji Adnan Bin Ibon	Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)	
4.	Encik Muhamad Shaffie Bin Hassan	Pengarah (Pengurusan Sumber Manusia)	
5.	Puan Farah Nadilah Binti Rahmat	Penolong Pengarah	Setiausaha Bersama
Mdl			
6.	Puan Rohana Binti Abd Malek	Ketua Pengarah	
7.	Puan Haini Binti Hassan	Timbalan Ketua Pengarah	
8.	Encik Muhammad Ziyad Izdihar Bin Lim	Pengarah (Khidmat Pengurusan)	
JBG			
9.	Puan Siti Zawahir Binti Mohamed	Ketua Pengarah	
10.	Tuan Wan Jeffry Bin Kassim	Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)	
11.	Tuan Mohd Nadzri Bin Abdul Rahman	Timbalan Ketua Pengarah (Syariah)	
12.	Puan Mini Panggi	Penolong Pengarah Kanan (Khidmat Pengurusan)	

Wakil Pekerja

BIL.	NAMA	JAWATAN	CATATAN
BHEUU			
1.	Puan Suraya Binti Mohkilisan	Pekerja Kumpulan P&P	
2.	Encik Mohd Asri Bin Musa	Pekerja Kumpulan Sokongan I	
3.	Encik Norhisam Bin Mistar	Pekerja Kumpulan Sokongan I	
4.	Encik Sheikh Farhan Bin Ahmad	Pekerja Kumpulan Sokongan II	
JBG			
5.	Encik Anuar Bin Abdul Rahman	Pekerja Kumpulan P&P Ibu Pejabat	Pengerusi MBJ (Pekerja)
6.	Puan Rohayu Binti Jamal	Pekerja Kumpulan Sokongan I Ibu Pejabat	
7.	Encik Mohd Said Bin Omar	Pekerja Kumpulan Sokongan I Ibu Pejabat	
8.	Encik Mus Mohan Bin Ramlee	Pekerja Kumpulan Sokongan II Ibu Pejabat	
9.	Puan Norsabah Binti Dawud	Zon Tengah	
10.	Puan Tuan Rakiah Binti Tuan Muda	Zon Timur	
11.	Encik Muaz Bin Marzuki	Zon Utara	
12.	Puan Jumsah Binti Suratman	Zon Selatan	
13.	Encik Azizan Bin Jaini	Zon Sarawak	
14.	Encik Dzul Elmy Bin Yunus	Zon Sabah	
MDI			
15.	Puan Fatin Hanum Binti Abdul Hadi	Pekerja Kumpulan P&P Ibu Pejabat	Setiausaha Bersama (Pekerja)
16.	Puan Noor Aziliena Binti Abd Murad	Pekerja Kumpulan Sokongan I Ibu Pejabat	

Wakil Pekerja

BIL.	NAMA	JAWATAN	CATATAN
MDI			
18.	Puan Ruhil Hayat Binti Mohd Abid	Pekerja Kumpulan Sokongan I Ibu Pejabat	Setiausaha Bersama (Pekerja)
19.	Encik Mohd Asri Bin Pilus	Pekerja Kumpulan Sokongan II Ibu Pejabat	
20.	Puan Hasnah Binti Abdul Hamid	Zon Tengah	
21.	Puan Kamsah Binti A. Rahman	Zon Timur	
22.	Encik Thanabalan a/l Raju	Zon Utara	
23.	Puan Fatimah Binti Abdul Hamid	Zon Selatan	
24.	Puan Norhadizah Binti Hassan	Zon Sarawak	
25.	Puan Karen Vincent	Zon Sabah	

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK BHEUU)

Pada tahun 2012, KSK BHEUU meneruskan tradisi untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik dalam menjaga kebajikan Ahli KSK BHEUU keseluruhannya. Berkat kepimpinan Pengerusi iaitu YBhg Dato' Hj Ismail bin Ibrahim, Jawatankuasa Tadbir dan sokongan serta dorongan daripada semua Ahli KSK BHEUU, maka pada tahun 2012 KSK BHEUU yang telah melaksanakan penjenamaan semula apabila beberapa biro baru diwujudkan dan diselaraskan semula demi menjamin pelaksanaan program dan aktiviti yang lebih spesifik dan terbaik bagi faedah ahli KSK BHEUU.

Penjenamaan Semula Biro

- | | |
|------------------------|----------------------------------|
| 1. Biro Kesetiausahaan | 6. Biro Ekonomi |
| 2. Biro Kewangan | 7. Biro Sosial dan Rekreasi |
| 3. Biro Sukan | 8. Biro Pembangunan Diri |
| 4. Biro Kebajikan | 9. Biro Penerbitan dan Publisiti |
| 5. Biro Agama | |

Program dan Aktiviti KSK BHEUU 2012

AKTIVITI	TARIKH
Perarakan Maulidul Rasul Peringkat Kebangsaan	5 Februari 2012
Mesyuarat Agung Tahunan KSK BHEUU ke-24	23 Mac 2012
Pertandingan Karom Kelab Bukit Perdana	16 Jun 2012
Majlis Berbuka Puasa Anjuran Bersama BHEUU	1 Ogos 2012
Jamuan Hari Raya BHEUU Anjuran Bersama BHEUU	5 September 2012
Jamuan Hari Raya JPM Anjuran Bersama KSK BHEUU dan BHEUU	6 September 2012
Karnival Mini Sukan : Pertandingan Bola Sepak Dan Bola Jaring	29 September 2012
Pertandingan Boling Anjuran JPM	29 September 2012
Karnival Mini Sukan : Pertandingan Ping Pong	13 Oktober 2012
Karnival Mini Sukan : Karom Berpasukan	20 Oktober 2012
Karnival Mini Sukan : Pertandingan Boling	3 November 2012
Lawatan ke Universal Studio, Singapura	24 November 2012
Malam Gala KSK BHEUU 2012 : Pertandingan Pop Yeh Yeh	14 Disember 2012
Ceramah Kesedaran Pencegahan Jenayah	20 Disember 2012
Pertandingan Bola Sepak MAKSWIP di Perlis	30 November - 1 Disember 2012



Maulidur Rasul



Mesyuarat Agung KSK BHEUU ke-24



Karnival Mini Sukan



Malam Gala KSK BHEUU

PUSPANITA BHEUU

PUSPANITA BHEUU di bawah kepimpinan YBhg. Datin Hajah Che Kamariah binti Abdullah telah bergerak aktif sepanjang tahun 2012 dengan sokongan mantap ahli-ahli di bawahnya. Antara aktiviti yang telah diadakan oleh PUSPANITA sepanjang tahun 2012 adalah:

AKTIVITI	TARIKH
Taklimat mengenai kaedah Pengawalan Obesiti, Penjagaan Kesihatan dan Gaya Hidup Sihat melalui pengamalan Hidroterapi dari Syarikat D'Elegance Appliances	16 Februari 2012
Jualan PUSPANITA BHEUU di Lobi BHEUU	9 Mac 2012
Lawatan ke Studio 1, RTM Angkasapuri untuk rakaman rancangan Apa Kata Wanita	24 Mac 2012
Kelas Demonstrasi Membuat Muffin bertempat di Bilik Puspanita/Kelab Sukan & Kebajikan BHEUU	13 April 2012

AKTIVITI	TARIKH
Majlis Minum Petang PUSPANITA JPM bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya	20 Julai 2012
Kiosk PUSPANITA BHEUU	Mulai Julai 2012
Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Solat Tasbih	27 Julai 2012
Kelas Masakan Puding Roti Marble bertempat di Bilik PUSPANITA/Kelab Sukan & Kebajikan BHEUU	2 Ogos 2012
Pertandingan Ratu Muslimah bertempat di Dewan Harmoni, BHEUU	21 September 2012
Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Tazkirah	13 Disember 2012
Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Vantage, Petaling Jaya	21 Disember 2012



Program Apa Kata Wanita Bersama Zamzarina



Majlis Minum Petang PUSPANITA JPM



Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Vantage

PROMOSI DAN PUBLISITI

Sepanjang tahun 2012, BHEUU telah melaksanakan beberapa aktiviti bersama media bagi menyebarkan program BHEUU kepada orang ramai. Pelbagai kaedah promosi yang digunakan antaranya melalui TV, radio, akhbar, Portal BHEUU, Facebook BHEUU dan i-board BHEUU.

TARIKH	PERKARA / TEMPAT / MASA	VIP	SALURAN / SIARAN
24 Februari 2012	Slot: Temubual Tajuk: Bidang Kuasa Sivil dan Syariah, JBG Tempat: Ibu pejabat JBG	Tuan Wan Jeffry Kasim (<i>Timbalan Ketua Pengarah Sivil JBG</i>) dan Tuan Mohd Nadzri Abdul Rahman (<i>Timbalan Ketua Pengarah Syariah JBG</i>)	Akhbar : Harian Metro bertarikh 25 Februari 2012
13 Mac 2012	Slot: Temubual Tajuk: Fungsi Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Tempat: Ibu pejabat JBG	Puan Siti Zawahir Mohamed (<i>Ketua Pengarah JBG</i>)	Akhbar : Nanyang Siang Pau
2 April 2012	Pengumuman untuk siaran radio dan televisyen (<i>Crawlers</i>) Tajuk: YBGK		Radio, TV dan Akhbar
17 April 2012	Sidang Media: <i>Forum For You And Me, Computer Crimes Act 1997 Revisited</i> Tempat: BHEUU	YB Datuk Liew Vui Keong (<i>Timbalan Menteri di JPM</i>)	Radio, TV dan Akhbar
14 Mei 2012	Sidang Media: Majlis Penyerahan e-Kehakiman Semenanjung Tempat: Impiana Hotel Ipoh	YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abd Aziz (<i>Menteri di JPM</i>)	Radio, TV dan Akhbar
25 Mei 2012	Sidang Media: Seminar Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Tempat: IDFR, Kuala Lumpur	YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abd Aziz (<i>Menteri di JPM</i>)	Radio, TV dan Akhbar
10 Julai 2012	Slot: Temubual Tajuk: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Tempat: Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan Masa: 2.00 – 3.00 petang	Tuan Haji Muhammad Bukhari bin Ab Hamid (<i>Penasihat Undang-Undang BHEUU</i>)	Radio : Negeri Sembilan FM
4 Julai 2012	Maklumbalas kepada artikel berkaitan Isu Pembangunan Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah	Puan Mahani Haji Mohd. Yusoff (<i>Ketua Komunikasi Korporat BHEUU</i>)	<i>Borneo Post</i> pada 4 dan 11 Julai 2012 serta <i>Daily Express</i> pada 4 Julai 2012

TARIKH	PERKARA / TEMPAT / MASA	VIP	SALURAN / SIARAN
24 Oktober 2012	Slot: Temubual Tajuk: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Tempat: Jabatan Penyiaran Kelantan Masa: 12.30 tengahari –1.00 petang	YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim (Ketua Pengarah BHEUU)	Radio : Kelantan FM
26 November 2012	Slot: Temubual Tajuk: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Tempat: Jabatan Penyiaran Sabah, Kota Kinabalu Masa : 10.00 pagi	YB Datuk Liew Vui Keong (Timbalan Menteri di JPM)	Radio : Sabah FM
27 November 2012	Slot: Temubual Tajuk: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Tempat: Jabatan Penyiaran Sabah, Kota Kinabalu Masa : 10.00 pagi	YB Datuk Liew Vui Keong (Timbalan Menteri di JPM)	Radio : Sandakan FM



Sidang media *Forum For You And Me, Computer Crimes Act 1997*



Ketua Pengarah BHEUU dalam program temubual di RTM Kelantan membicarakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010



Sidang media Seminar Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia di IDFR, Kuala Lumpur

um 18-4-12 ms 6

NST 25 Mei 2012 PG 2

Human rights action pl

SYSTEMATIC: Move to ensure human rights tackled structurally

V. SHUMAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government wants to develop a national human rights action plan, to ensure human rights issues are tackled structurally.

NST

Minister in the Prime Minister's

Department Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz said the main goal of the plan was to establish the elements of human rights, are included in the implementation of existing government policies, as well as in the drafting of new ones.

"The development of this action plan will offer us an opportunity to systematically exploit our strengths as well as overcome

challenges in human rights in

"In upholding human rights, it should be within the boundaries of religion and the Constitution."
Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz

us also not forget that it should be within the boundaries of religion and the Constitution," said Nazri after launching a two-day seminar on the drafting of the plan at the Institute of Diplomacy and Foreign Relations here, yesterday.

The Legal Affairs Division of the Prime Minister's Department had been tasked with developing the plan. Yesterday's launch was attended by officials from various ministries, as well as government departments and agencies which

deal with human rights on a

quent basis. Foreign speakers sent to share their human rights, Na Meilan from the Office of the Commissioner for Human Rights and Dr Rosette Gil consultant to the Presidential Human Rights Committee of the Philippines.

Nazri said a steering committee would be established to draft the plan, subject to the approval of the cabinet.

"We are treating human rights as a matter as we are behind in having such a plan," Nazri, adding that it includes neighbouring

Kerajaan turut jadi mangsa jenayah siber

PUTRAJAYA 17 April - Jenayah siber di seluruh dunia termasuk Malaysia adalah membimbangkan apabila laman-laman sesawang kerajaan juga tidak terkecuali menjadi mangsa penjenayah alam maya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong (**gambar**) berkata, ancaman itu boleh melumpuhkan infrastruktur maklumat kritikal negara serta menjejaskan kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi.

"Penjenayah siber bukan sahaja menjadikan sektor kewangan dan pemiagaan dalam talian sebagai sasaran, malah beberapa laman kerajaan turut menjadi mangsa.

"Berikutan masalah ini, beberapa kerajaan seperti Amerika Syarikat dan Britain mengisytiharkan jenayah siber sebagai ancaman utama," katanya pada Forum Undang-undang Akta Jenayah Komputer 1997 di sini hari ini.

Forum itu bertujuan mengumpulkan maklumat mengenai ancaman siber dan cadangan pembaruan undang-undang yang terkandung dalam hasil kajian di bawah Jawaja



Present courthouse site to revert to State

KOTA KINABALU: The Prime Minister's complex.

Pembinaan Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu dilulus di bawah RMK10

KOTA KINABALU: Jabatan Perdana Menteri pada Khamis berkata, pembinaan Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu yang baharu telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10).

Mahani Mohd Yusoff, Ketua Komunikasi Korporat di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri, berkata, pembinaan kompleks itu akan dilaksanakan di bawah bajet pembangunan bahagian tersebut. Kerajaan negeri Sabah telah bersetuju untuk mengenal pasti tapak di Bukit Luyang," katanya dalam satu kenyataan. Katanya, pembinaan kompleks ini penting untuk menjamin kesejahteraan mereka yang berurusan di mahkamah. Mahani berkata, ia adalah sejarahnya slogan 1Malaysia yang memberi keteladanan untuk berkhidmat demi kepentingan rakyat. "Keadaan bekerja lebih selesa yang disediakan kompleks itu akan membekalkan kakitangan mahkamah menawarkan matan lebih cekap," katanya.

Mahani berkata, tapak Mahkamah Kota Kinabalu sekarang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah sebaik mahkamah itu berpindah ke lokasi baharunya. Cadangan untuk memindahkan mahkamah itu ke Bukit Punai mendapat banyak bantahan daripada orang ramai termasuk Persatuan Undang-Undang (SLA).

Menurutnya, lokasi baharu di Bukit Luyang itu mencetuskan isu-isu serius mengenai aksesibiliti dan kemudahan.

Orang ramai, katanya, akan mengalami kesukaran untuk pergi ke kawasan itu lebih lagi tapak itu tidak mesra pengangkutan.

Penduduk kampung yang pernah berurusan dengan mahkamah untuk urusan guaman atau tadbir ulu, katanya, akan mengalami kesukaran untuk berurusan dengan mahkamah baharu itu berbanding mahkamah lama.

Mencari tempat letak kereta juga akan menjadi masalah selain kesesakan lalu lintas terutamanya pada permulaan dan penutup waktu sekolah.

government has site in Bukit Luyang, a statement. The location of the new courthouse will have dealings with the court's priority to ensure efficient working conditions for staff and the public.

the court to Bukit Punai received objections from the public, with Sabah Law Association (SLA) among them.

It said the new location in Bukit Punai raises serious issues on accessibility and amenities. The public, it said, would be inconvenienced travelling to the area concerned not to mention the site as being non user-friendly.

Kampung folk attending court for legal and administrative purposes would also incur higher costs in travelling to the new courthouse compared to the present one, it claimed.

Daily Express

difficulty in traffic con-

KOSMO 18-4-12 MS 10

Jenayah siber dilaporkan meningkat 100 peratus

Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA
kamilah.mustapha@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Kes berkaitan jenayah siber yang dilaporkan kepada pusat bantuan Cybersecurity meningkat lebih 100 peratus pada tahun lepas iaitu sebanyak 13,173 berbanding 6,204 pada 2010.

Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, peningkatan sebanyak 112.3 peratus itu membuktikan bahawa jenayah dan ancaman siber semakin membimbangkan dan perlu dibendung.

"Kajian oleh Cybersecurity juga menunjukkan dari tahun 2005 hingga 2010, kerugian akibat jenayah siber telah mencecah RM2.75 bilion, ia satu angka yang besar dan meragukan," jelasnya ketika berucap merasmikan Forum Undang-Undang: Kajian Semula Akta Jenayah Komputer 1997 di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di sini semalam.

Tambah Vui Keong, penjenayah siber bukan sahaja menjadikan sektor kewangan dan perniagaan dalam talian sebagai sasaran malah kerajaan turut terjejas oleh ancaman.

Ujarnya, ancaman itu jika tidak dibendung boleh melumpuhkan komponen utama maklumat kritikal negara seterusnya



VUI KEONG (kiri) beramah mesra dengan sebahagian peserta forum mengenai jenayah komputer di Putrajaya semalam.

menjejaskan kesejahteraan sosial dan pembangunan ekonomi.

"Britain dan Amerika Syarikat telah mengisytiharkan jenayah siber sebagai ancaman utama kepada negara mereka," katanya.

Dalam hal berkaitan, Vui Keong menjelaskan, Akta Jenayah Komputer 1997 dikaji secara lebih mendalam dalam forum itu sebagai salah satu cara bertukar pendapat dengan badan bukan kerajaan bagi mengawal jenayah siber.

Borneo Post

Kosmo



LAPORAN TAHUNAN 2012

JABATAN BANTUAN GUAMAN



Visi

Untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran dan keadilan.

Misi

Memberikan perkhidmatan bantuan guaman dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan.

Objektif

Memberi bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkecukupan dengan cekap, tepat dan berkesan.

Piagam Pelanggan

Piagam pelanggan disediakan bagi memberi jaminan kepada pelanggan bahawa JBG akan menyampaikan perkhidmatan mengikut norma masa dan piawaian kualiti yang ditetapkan. Ia merupakan komitmen JBG untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan kepada masyarakat yang memerlukan dalam urusan yang berkaitan dengan masalah undang-undang. Piagam pelanggan JBG yang telah digariskan ialah:

1. Memastikan semua urusan di kaunter diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi lima belas (15) minit;
2. Memastikan nasihat undang-undang diberi dengan cepat, tepat dan berkesan;
3. Memastikan khidmat pengantaraan diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh persetujuan kedua-dua pihak untuk mendapatkan khidmat pengantaraan;
4. Memastikan pemfailan kes-kes ke Mahkamah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu selepas penerimaan dokumen-dokumen yang lengkap;
5. Memastikan perintah bersih diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh satu (1) minggu selepas diterima dari Mahkamah; dan
6. Memastikan nasihat undang-undang dan bantuan guaman diberikan secara efisien dan berkesan selaras dengan keperluan dan berasaskan prinsip kesamarataan di sisi undang-undang.



Profil Pengurusan Tertinggi JBG



Dari Kiri:


Tuan Wan Jeffry bin Kassim
Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)

Puan Siti Zawahir binti Mohamed
Ketua Pengarah Bantuan Guaman

Tuan Mohd Nadzri bin Abd Rahman
Timbalan Ketua Pengarah (Syariah)



Carta Organisasi Jabatan Bantuan Guaman (JBG)



PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang dinamik dan makmur yang menikmati peningkatan ekonomi dan kestabilan politik yang berterusan sejak mencapai kemerdekaan lebih 50 tahun yang lalu. Secara amnya, rakyat Malaysia pada hari ini adalah lebih berpendidikan dan mempunyai literasi undang-undang yang tinggi. Tahap pengetahuan undang-undang yang tinggi menjadikan rakyat Malaysia lebih peka terhadap hak mereka di sisi undang-undang. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dilihat semakin relevan dengan kehidupan rakyat yang memerlukan suatu perkhidmatan bantuan guaman yang lebih cekap, tepat dan berkesan selaras dengan objektif yang digariskan oleh JBG itu sendiri.

JBG telah ditubuhkan pada September 1970 bertempat di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Pada awal penubuhannya ia hanya mempunyai 8 orang pegawai dan kakitangan. JBG pada hari ini semakin berkembang dengan penubuhan 22 cawangan di seluruh Malaysia dan mempunyai 484 orang pegawai dan kakitangan. Jumlah kes yang telah dikendalikan oleh JBG juga meningkat daripada 150 kes pada 1970 kepada hampir 500,000 pada 2012.

Senarai Pengisian Dan Kekosongan Jawatan Di JBG Sehingga 31 Disember 2012
Dapat Dilihat Seperti Jadual Di Bawah:

Bil.	Jawatan	Jawatan	Isi	Kosong
1.	Pengurusan Tertinggi	2	2	0
2.	Pegawai Undang-Undang	45	33	12
3.	Pegawai Syariah	35	31	4
4.	Sokongan I (17-40)	332	317	15
5.	Sokongan II (1-16)	68	65	3
JUMLAH		484	450	34

PETUNJUK PRESTASI UTAMA JBG

1. Perkhidmatan Pelanggan

Prestasi JBG secara keseluruhannya bagi tahun 2012 adalah pada tahap melepasi sasaran yang merupakan integrasi pencapaian KPI-KPI yang terdapat dalam empat perkhidmatan teras seperti yang berikut:

Bil.	Aktiviti	KPI	Pencapaian
1.	Kes yang didaftarkan (kes Syariah, sivil dan jenayah)	16345	16438
2.	Khidmat Nasihat	33084	34457
3.	Pengantaraan	3931	4718
4.	Program Kesedaran Undang-Undang	868	1888

2. Pembelajaran Dan Pembangunan Latihan Modal Insan

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan bertujuan untuk memantapkan daya kerja dan meningkatkan tahap komitmen pekerja ke arah kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan cemerlang. Pada tahun 2012 JBG telah mencapai bilangan 100 peratus bilangan anggota yang hadir kursus 7 hari. Prestasi pencapaian pegawai yang menghadiri kursus dan kursus-kursus yang di hadiri oleh Pegawai JBG dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Prestasi Pencapaian Pegawai Yang Menghadiri Kursus

Bil.	Gred / Kumpulan	Kursus / Latihan						
		Bilangan Anggota	Bilangan Anggota Yang Hadir > 7 Hari		Bilangan Anggota Yang Hadir < 7 Hari		Bilangan Anggota Yang Belum Lengkap Sehari Berkursus	
			Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1	JUSA B dan C	2	2	100.00%				
2	Pengurusan dan Profesional Gred 54	1	1	100.00%				
3	Pengurusan dan Profesional Gred 52	8	8	100.00%				
4	Pengurusan dan Profesional Gred 48	7	7	100.00%				
5	Pengurusan dan Profesional Gred 44	19	19	100.00%				
6	Pengurusan dan Profesional Gred 41	29	29	100.00%				
7	Sokongan 1	315	315	100.00%				
8	Sokongan 2	65	65	100.00%				
	JUMLAH	446	446	100.00%				

Kursus Anjuran Jabatan

BIL.	NAMA KURSUS/TEMPAT	TARIKH KURSUS	KOS (RM)	BIL. HADIR
1.	KURSUS KHAS PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PENOLONG PEGAWAI SYARIAH JBG	26-28 SEPTEMBER 2012	17,220.00	35 ORANG
2.	KURSUS KHAS PEMBANTU TADBIR UNDANG-UNDANG L17, PEMBANTU SYARIAH LS17 DAN PEMBANTU TADBIR N17 JBG	6-8 NOVEMBER 2012	13,310.00	37 ORANG
3.	LATIHAN PENGURUSAN KEWANGAN JBG	28-29 NOVEMBER 2012	960.00	23 ORANG
JUMLAH KOS			31,490.00	

Peruntukan Dan Perbelanjaan Latihan Jabatan Bagi Tahun 2012

NAMA KURSUS/TEMPAT	TARIKH KURSUS	YURAN(RM)	BIL. HADIR
KURSUS -KURSUS ANJURAN KERAJAAN / SWASTA YANG TELAH DI KELUARKAN PESANAN KERAJAAN UNTUK BAYARAN YURAN KURSUS			
NAMA PROGRAM/KURSUS : BENGKEL TATACARA PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM			
1. Puan Wan Aizaa binti Wan Abdullah 2. Puan Nik Khazarita binti Md Khalib	4-5 Julai 2012	500.00	2
BENGKEL PRODUKSI MONTAJ VIDEO MENGGUNAKAN ADOBE AFTER EFFECTS			
1. Encik Mohd Shahidan bin Mokhtar	14-15 Mei 2012	790.00	1
KURSUS PRA PERSARAAN PERKHIDMATAN AWAM			
1. Puan Rohani binti Ismail 2. Puan Faridahanom binti Yan Ibrahim 3. Encik Harun bin Othman	25-27 April 2012	3,300.00	3
SEMINAR UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: KEDUDUKAN ISLAM SEBAGAI AGAMA BAGI PERSEKUTUAN			
1. Encik Mohd Nadzri bin Abdul Rahman 2. Encik Wan Hafizuddin bin Osman	7-8 November 2012	600.00	2
PROPERTY SEMINAR SERIES: LAND CONVEYANCING 2			
1. Encik Jailani bin Rahman	19 Julai 2012	320.00	1
NATIONAL CONFERENCE ON NURTURING PUBLIC SECTOR'S INNOVATION AND CREATIVITY FOR BETTER PERFORMANCE & RESPONSIVENESS			
1. Puan Fariza Milaqrshiah binti Mahmud	27 November 2012	990.00	1
KURSUS PENGURUSAN ADUAN BAGI PENJAWAT AWAM			
1. Puan Naziah binti Mohamed	17-18 Disember 2012	2,200.00	1
JUMLAH BAYARAN YURAN		8,700.00	11

Kursus Anjuran Agensi Luar

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	ANJURAN
1	BENGGEL PENGURUSAN FAIL (KUMPULAN SOKONGAN PERUNDANGAN)	20-22 FEBRUARI	ILKAP
2	KURSUS KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL	24-26 FEBRUARI	BHEUU
3	KURSUS KHAS PEGAWAI UNDANG-UNDANG	19-21 MAC	ILKAP
4	BENGGEL PENULISAN SURAT RASMI, MINIT MESYUARAT, LAPORAN DAN TEKS UCAPAN	27-28 MAC	BHEUU
5	KURSUS MEDIASI	2-4 APRIL	ILKAP
6	BENGGEL PENULISAN SURAT RASMI, MINIT MESYUARAT, LAPORAN DAN TEKS UCAPAN	17-18 APRIL	BHEUU
7	KURSUS PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG BERKUALITI	21 APRIL	BHEUU
8	KURSUS KHAS PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG	7-9 MEI	ILKAP
9	KURSUS KEPEGUAMAN JBG	9-11 MEI	JKSM
10	KURSUS PENGURUSAN ASET DAN STOR KERAJAAN	16-17 MEI	JPM, BHEUU
11	PROGRAM TEAM BUILDING	18-20 MEI	BHEUU
12	KURSUS KHAS PEGAWAI SYARIAH	4-7 JUN	ILKAP
13	KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD KERAJAAN	26-27 NOVEMBER	BHEUU
14	PROGRAM TEAM BUILDING	13-16 DISEMBER	BHEUU
15	TAKLIMAT PELAKSANAAN SPAA	21 DISEMBER	JPM

Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang di Selesa Beach Resort, Port Dickson, Pada 26 – 28 September 2012

Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang adalah bertujuan untuk -

- (a) mendedahkan etika kepeguaman kepada Penolong Pegawai Undang-Undang yang ditugaskan di JBG sebelum mengendalikan sesuatu perbicaraan di mahkamah.
- (b) memberikan pendedahan secara teori dan praktikal kepada Penolong Pegawai Undang-Undang di JBG dalam mengendalikan sesuatu kes di peringkat perbicaraan dan penghujahan.
- (c) melahirkan Penolong Pegawai Undang-Undang JBG yang mempunyai keyakinan diri dan berketerampilan sebagai seorang peguam yang sekurang-kurangnya setanding dengan peguam swasta.



Kursus Khas Pembantu Tadbir Undang-Undang L17 di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Pada 6 - 8 Nov 2012

Kursus ini bertujuan untuk -

- (a) memberi pengetahuan dan kefahaman kepada Pembantu Tadbir Undang-Undang, Pembantu Syariah dan Pembantu Tadbir (P/O) mengenai tatacara asas pengurusan dan pengendalian kes-kes sivil dan Syariah di JBG selaras dengan garis panduan yang diberikan dalam Akta Bantuan Guaman 1971, Peraturan-Peraturan Bantuan dan Nasihat Guaman 1970 dan Arahan Ketua Pengarah JBG.
- (b) menyediakan suatu *platform* untuk Pembantu Tadbir Undang-Undang, Pembantu Syariah dan Pembantu Tadbir (P/O) berbincang dan mencari penyelesaian untuk isu-isu semasa yang relevan dan berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian kes sivil dan Syariah dari segi prosedur, teknik, pemahaman tatacara dan undang-undang serta merumuskan penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan tersebut.



Kursus Pengurusan Kewangan Pada 28 Hingga 29 November 2012

Kursus Pengurusan Kewangan JBG telah berlangsung selama dua hari bermula pada 28 hingga 29 Disember 2012 bertempat di Ibu Pejabat JBG, Putrajaya. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pengetahuan peserta dalam pengurusan kewangan.

Taklimat dan syarahan yang disampaikan sepanjang kursus ini meliputi semua perkara utama dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Ini akan membolehkan semua kakitangan yang terlibat, menguruskan tatacara kewangan selaras dengan prosedur dan arahan semasa. Di samping itu, ia akan dapat mengelakkan kesilapan dalam pengurusan kewangan dan seterusnya mencapai 100 peratus pembayaran bil dalam tempoh 14 hari.



AKTIVITI UTAMA JBG

Penyelidikan Dan Dasar

a. Mengadakan Kajian Dan Cadangan Pindaan Kepada Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Bantuan Dan Nasihat Guaman 1970 Berhubung Dengan Bayaran Kepada Peguam Panel

Pada 2012, Bahagian Penyelidikan dan Dasar dengan kerjasama Bahagian Peguam Panel telah memberi taklimat kepada peguam panel di 6 zon bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan berhubung dengan cadangan JBG untuk meminda Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Bantuan dan Nasihat Guaman 1970. Taklimat ini telah diadakan bersama Dialog Peguam Panel melalui Projek Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kes JBG (SPK-JBG). Maklum balas yang diterima akan diteliti dan draf pindaan dijangka dapat dimuktamadkan pada tahun 2013.

b. Penyediaan Arahan Ketua Pengarah

Bagi menambah baik sistem pengumpulan data berhubung dengan maklum balas tahap kepuasan pelanggan JBG, Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah meminda Borang Maklum Balas Pelanggan dengan memasukkan pengumpulan data berkaitan dengan maklumat "bagaimanakah pelanggan mengetahui tentang JBG" bagi memudahkan kajian tentang aktiviti promosi Jabatan. Selain itu, Bahagian Penyelidikan dan Dasar juga telah membantu Bahagian Litigasi dan Nasihat (Syariah) menyediakan Arahan Ketua Pengarah berhubung dengan pengendalian kes JBG. Kedua-dua Arahan yang terbabit adalah seperti yang berikut:

- (a) Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil. 1 Tahun 2012 Pindaan Kepada Borang Maklum Balas Pelanggan Jabatan Bantuan Guaman
- (b) Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil. 2 Tahun 2012 Pengurusan dan Pengendalian Kes di Jabatan Bantuan Guaman

c. Jawatankuasa Analisis Statistik Jabatan Bantuan Guaman

Pada 2012, Ibu Pejabat JBG telah menubuhkan satu Jawatankuasa Analisis Statistik JBG bagi membolehkan pemantauan dan pelaporan secara berkala dapat disediakan bagi menilai prestasi setiap Cawangan JBG dari segi fungsi utama Jabatan, pencapaian piagam pelanggan, aduan dan tahap kepuasan pelanggan berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh JBG. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Sivil). Keahlian Jawatankuasa tersebut adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)
Ahli : Timbalan Ketua Pengarah (Syariah)
Pengarah Penyelidikan dan Dasar
Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil)
Pengarah Litigasi dan Nasihat (Syariah)
Pengarah Pengantaraan (Sivil)
Pengarah Pengantaraan (Syariah)
Pengarah Peguam Panel
Penolong Pengarah Kanan (Pengantaraan)
Penolong Pengarah Kanan (Penyelidikan dan Dasar)
Penolong Pegawai Undang-Undang II

Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah dilantik untuk menjadi urus setia Jawatankuasa ini. Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan untuk memastikan bahawa prestasi pencapaian JBG dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan secara berkala bagi memudahkan pemantauan dan cadangan penambahbaikan. Selain itu, Bahagian yang bertanggungjawab tentang sesuatu bidang tugas akan menyediakan laporan bagi memudahkan pemantauan dan penilaian dibuat oleh Ibu Pejabat terhadap prestasi Cawangan.

Pada 2012, Jawatankuasa ini telah menyediakan 2 laporan iaitu Laporan Analisis Statistik JBG Bagi Setengah Tahun (Januari hingga Jun) 2012 dan Laporan Analisis Statistik JBG Bagi tahun 2012.

d. Penyediaan Tatacara Kendalian Piawaian (SOP) Jabatan Bantuan Guaman

Sejak 2010, Ibu Pejabat JBG telah mengadakan naziran kes di Cawangan JBG dan berdasarkan naziran pada 2010, 2011 dan 2012 didapati bahawa Cawangan JBG mempunyai pelbagai amalan dalam menjalankan proses kerja harian masing-masing. Berikutan daripada itu, Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah mengadakan Mesyuarat Penyediaan SOP JBG di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya pada 4 dan 5 Disember 2012. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) dan dihadiri oleh Pengarah JBG Johor, Pengarah JBG Selangor, Pengarah JBG Kedah, Pengarah JBG Sabah, Penolong Pengarah JBG Sarawak, manakala Ibu Pejabat pula diwakili oleh Pengarah Penyelidikan dan Dasar, Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil) dan Pengarah Pengantaraan (Syariah).

Mesyuarat tersebut telah membincangkan tiga SOP yang meliputi ujian kemampuan, bidang kuasa JBG dan pengantaraan. Draf SOP tersebut akan diedarkan kepada semua Cawangan JBG bagi mendapatkan ulasan dan maklum balas sebelum dimuktamadkan dan diguna pakai di Cawangan JBG.

**Mesyuarat Penyediaan SOP JBG Di Hotel
Crystal Crown, Petaling Jaya
Pada 4 Dan 5 Disember 2012**

**e. Penyediaan Maklum Balas dan Kertas
Kerja Berkaitan Dengan Dasar Dan
Perundangan Jabatan**

- Kumpulan Kerja Antara Kerajaan Mengenai Isu-Isu Hak Untuk Pembangunan (*The Right To Development*);
- Mesyuarat *Pre-National Summit Of Execution Strategy (Pre-NSES)*;
- Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2011;
- Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara Bagi Tahun 2012;
- Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Negara Bagi Tahun 2012;
- Laporan *Round Table Discussion From The Syariah Perspective On:*
 - a) *The Convention On The Service Abroad Of Judicial And Extrajudicial Documents In Civil Or Commercial Matters 1965 (Service Convention); and*
 - b) *The Convention On The Taking Of Evidence Abroad In Civil Or Commercial Matters 1970 (Evidence Convention)*

yang dijalankan oleh Bahagian Syariah, Jabatan Peguam Negara;

- *Singapore Maintenance Orders (Facilities For Enforcement) Act Cap 168 (Mofea)* dan *Singapore Maintenance Orders (Reciprocal Arrangement) Act Cap 169 (Morea)* yang dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara; dan
- maklumat berhubung dengan *Right Sizing Project* oleh Jabatan Peguam Negara.




PRESTASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2012

Prestasi JBG dilaporkan berdasarkan program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan serta pengendalian dan penyelesaian kes bagi litigasi dan nasihat serta pengantaraan sepanjang tahun 2012. JBG sentiasa berusaha untuk memantapkan pengurusan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan bagi mencapai matlamat Jabatan. Sehubungan dengan itu, program-program yang menekankan aspek kualiti sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa bagi membentuk budaya kerja berprestasi tinggi yang berasaskan nilai-nilai murni dan etika dan seterusnya memberi impak yang signifikan kepada pelanggan dan masyarakat.

Peningkatan dan pencapaian JBG dalam melaksanakan fungsi serta peranan Jabatan dapat dinilai berdasarkan perkhidmatan teras yang diberikan kepada masyarakat iaitu memberi khidmat nasihat undang-undang, khidmat pengantaraan dan mewakili anak guam di mahkamah. Pengendalian serta pengurusan perkhidmatan teras JBG dapat dilihat seperti rajah di bawah:

a. Litigasi Dan Nasihat Sivil




Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes sivil bagi 2012 adalah sebanyak 14808 berbanding 11,840 bagi tempoh yang sama pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 2968. Berdasarkan Rajah 1, peningkatan tertinggi dicatatkan oleh JBG Selangor 1103 khidmat nasihat, diikuti Kedah 727 khidmat nasihat dan Perak dengan 699 khidmat nasihat. Penurunan dicatatkan oleh JBG Miri dengan penurunan 191 khidmat nasihat, Kelantan 163 khidmat nasihat dan Terengganu dengan penurunan 54 khidmat nasihat. Cawangan yang mencatatkan jumlah khidmat nasihat sivil tertinggi bagi tahun 2012 ialah Cawangan Johor dengan jumlah 2048 khidmat nasihat dan Cawangan yang paling sedikit bilangan khidmat nasihat sivil ialah Langkawi, Raub dengan jumlah 107 khidmat nasihat dan Ibu Pejabat dengan 71 khidmat nasihat.

b. Litigasi Dan Nasihat Syariah

Khidmat Nasihat Syariah


KHIDMAT NASIHAT KES KEKELUARGAAN SYARIAH TAHUN 2012



Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes kekeluargaan Syariah JBG di seluruh Malaysia bagi tahun 2012 adalah sebanyak 19,669 khidmat nasihat. Cawangan JBG yang mencatatkan jumlah khidmat nasihat tertinggi bagi tahun 2012 ialah JBG Johor (2,229 khidmat nasihat), diikuti dengan JBG Selangor (2,007 khidmat nasihat) dan JBG Kelantan (1,950 khidmat nasihat) manakala cawangan yang paling sedikit bilangan khidmat nasihat ialah JBG Sibul (179 khidmat nasihat) diikuti dengan JBG Labuan (203 khidmat nasihat) dan JBG Langkawi (205 khidmat nasihat).

Litigasi Syariah

STATISTIK KES KEKELUARGAAN SYARIAH YANG DIDAFTARKAN DI JABATAN BANTUAN GUAMAN TAHUN 2012




Pendaftaran kes Syariah bagi tahun 2012 adalah sebanyak 9,600 kes. Cawangan yang mencatatkan jumlah pendaftaran kes tertinggi bagi tahun 2012 ialah JBG Sarawak dengan jumlah 910 kes diikuti dengan JBG Selangor sebanyak 860 kes dan JBG Pahang sebanyak 812 kes, manakala cawangan yang paling sedikit jumlah pendaftaran kes ialah JBG Labuan sebanyak 73 kes, diikuti dengan JBG Sibu sebanyak 104 kes dan JBG Gua Musang sebanyak 106 kes.

c. Pengantaraan


Cawangan JBG yang paling tinggi pendaftaran kes pengantaraan ialah JBG Pahang (514 kes), JBG Johor (491 kes) dan JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (360 kes). Manakala cawangan yang paling rendah pendaftaran kes pengantaraan ialah JBG Labuan (16 kes), JBG Langkawi (34 kes) dan JBG Gua Musang (55 kes). Perbandingan jumlah pendaftaran kes pengantaraan 2012 bagi setiap cawangan dapat dilihat daripada jadual di bawah:

Jumlah Pendaftaran Kes Pengantaraan JBG Bagi Tahun 2012



Jumlah pendaftaran kes pengantaraan bagi seluruh cawangan JBG bagi tahun 2012 adalah rendah sekiranya dibandingkan dengan jumlah pendaftaran kes di JBG secara keseluruhannya. Kes yang dirujuk kepada pegawai pengantara hanya mewakili 28.7 % daripada 16,388 jumlah pendaftaran kes baru di seluruh cawangan bagi tahun 2012. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan sebanyak 3.2% untuk kes yang dirujuk kepada pegawai pengantara pada tahun ini berbanding tahun 2011 (25.47%). Ini menunjukkan suatu peningkatan kesedaran yang positif terhadap keyakinan dan keberkesanan fungsi pengantaraan oleh cawangan JBG.


Perbandingan jumlah kes pendaftaran kes pengantaraan dan jumlah daftar kes keseluruhan bagi setiap cawangan dapat dilihat daripada jadual di bawah:



Pendaftaran Kes Pengantaraan Mengikut Kategori Kes


Secara keseluruhannya, bagi 2012 kes keluarga Syariah merupakan kes yang paling tinggi dirujuk untuk pengantaraan iaitu sebanyak 79.5%, diikuti oleh kes keluarga sivil sebanyak 20% dan kes sivil pelbagai sebanyak 0.7%.

Kebanyakan kes pengantaraan yang dikendalikan di cawangan JBG mencatatkan jumlah kes pengantaraan Syariah yang lebih tinggi berbanding dengan kes pengantaraan sivil kecuali di JBG Kuala Lumpur dan JBG Sabah, kes pengantaraan sivil adalah lebih tinggi berbanding dengan kes pengantaraan Syariah dengan masing-masing mencatatkan 227 kes dan 81 kes. JBG Kuala Lumpur mencatatkan kes pengantaraan sivil (kes keluarga sivil dan kes sivil) tertinggi iaitu sebanyak 227 kes, JBG Johor (114 kes) dan JBG Sabah (81 kes). Rajah di bawah menunjukkan jumlah pengendalian kes pengantaraan Syariah dan sivil bagi setiap cawangan bagi tahun 2012.




Kadar Penyelesaian

Penyelesaian kes pengantaraan diambil kira daripada tiga aspek iaitu selesai melalui perjanjian, selesai tanpa perjanjian dan selesai tanpa kehadiran pihak-pihak. Kadar penyelesaian pengantaraan secara keseluruhan bagi tahun 2012 adalah seperti carta di bawah:




Peratusan Kes Pengantaraan Yang Selesai Dengan kehadiran Pihak-Pihak Bagi Tahun 2012



Bagi tahun 2012, kejayaan penyelesaian kes pengantaraan dapat dilihat daripada kejayaan sidang pengantaraan menyelesaikan kes dengan termeterainya perjanjian persetujuan antara pihak-pihak daripada 2,186 pengendalian sidang pengantaraan dengan kehadiran pihak-pihak, 75% daripadanya berjaya diselesaikan melalui perjanjian, hanya 25% sahaja gagal disebabkan pihak-pihak gagal mencapai persetujuan. Rajah di bawah menunjukkan peratusan kejayaan penyelesaian kes pengantaraan melalui perjanjian bagi setiap cawangan JBG pada tahun 2012.



Jika dibandingkan dengan tahun 2011, kadar penyelesaian sidang pengantaraan juga telah meningkat sebanyak 7% di mana pada tahun 2011, daripada 1,563 pengendalian sidang pengantaraan dengan kehadiran pihak-pihak, 68% daripadanya berjaya diselesaikan melalui perjanjian dan 32% gagal disebabkan oleh pihak-pihak gagal mencapai persetujuan. Merujuk kepada rajah di bawah, dapat dilihat terdapat tren perkembangan positif terhadap peningkatan kes yang dapat diselesaikan melalui perjanjian dari tahun 2010. Rajah di bawah menunjukkan perbandingan jumlah penyelesaian kes pengantaraan 2010 sehingga 2012.



d. Peguam Panel

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, jumlah keseluruhan kes yang dikendalikan oleh Peguam Panel JBG adalah sebanyak 83 fail yang meliputi 81 fail Syariah dan 2 fail sivil. Kesemua kes yang diserahkan untuk dikendalikan oleh peguam panel adalah merupakan kes yang kedua-dua pihak layak dibantu. Pecahan kes mengikut tahun dapat dilihat seperti Jadual di bawah:

Jadual

TAHUN	SIVIL	SYARIAH	JUMLAH
2011	21	210	231
2012	2	81	83


Cawangan yang paling tinggi jumlah penyerahan kes kepada peguam panel bagi tahun 2012 ialah JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak 31 fail diikuti oleh JBG Melaka 13 fail, JBG Kedah 10 fail, JBG Putrajaya 8 fail, JBG Perlis 6 fail, JBG Selangor dan Terengganu masing-masing 5 fail, JBG Pahang dan Kelantan 2 fail dan JBG Perak 1 fail. Manakala cawangan JBG yang lain tidak merekodkan penyerahan fail untuk dikendalikan oleh peguam panel.

Jumlah fail yang dikendalikan oleh peguam panel bagi tahun 2011 ialah sebanyak 231 fail berbanding 83 fail bagi tahun 2012 yang menunjukkan perbezaan sebanyak 148 fail. Faktor penurunan fail yang dikendalikan oleh peguam panel pada tahun 2012 disebabkan kejayaan sidang pengantaraan yang dilakukan oleh unit pengantaraan di setiap cawangan menyebabkan kes tidak perlu diserahkan ke unit litigasi dan seterusnya mengurangkan jumlah kes untuk diserahkan kepada peguam panel. Salah satu faktor lagi ialah dasar yang dibuat oleh Ibu Pejabat untuk mengurangkan penyerahan kes kepada Peguam Panel dengan mengeluarkan arahan supaya cawangan hanya membuka fail setelah sidang pengantaraan gagal dilaksanakan dan bagi kes yang bermerit sahaja. Rajah di bawah menunjukkan perbandingan jumlah penyerahan kes antara tahun 2011 dengan tahun 2012 dan perbandingan bilangan penyerahan kes kepada peguam panel antara setiap cawangan JBG.

Rajah




Sepanjang tahun 2012, bilangan kes yang dikendalikan oleh peguam panel JBG mengikut kategori kes dapat dilihat sebagaimana Jadual yang berikut:



Hampir keseluruhan kes yang dikendalikan oleh peguam panel merupakan kes kekeluargaan Syariah iaitu sebanyak 81 kes dan kes kekeluargaan sivil sebanyak 2 kes yang meliputi kes mutuah sebanyak 20 kes, jagaan 16 kes, kuat kuasa perintah nafkah 8 kes, nafkah idah 10 kes, cerai fasakh 8 kes, nafkah anak 8 kes, kuat kuasa perintah jagaan 1 kes, harta sepencarian 8 kes, cerai taklik 2 kes dan 2 kes kekeluargaan sivil iaitu kes cerai.




Rajah



Bayaran Kepada Peguam Panel

Bagi tahun 2012, sebanyak 148 fail Syariah telah dapat diselesaikan oleh peguam panel yang melibatkan bayaran berjumlah RM186,291.70 dan 16 fail sivil yang berjumlah RM30,935.60. Bagi tahun 2011, 119 fail Syariah telah dibuat bayaran yang berjumlah RM156,674.43 dan 20 kes sivil yang berjumlah RM23,705.20 dapat diselesaikan pada tahun tersebut. Perbandingan bayaran 2011 dan 2012 dapat dilihat sebagaimana rajah di bawah.

Rajah



Sesi Dialog Bersama Peguam Panel

Sesi dialog bersama peguam panel telah diadakan di 6 zon sepanjang tahun 2012. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan penerangan berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kes (SPK) JBG kepada Peguam Panel serta bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan berhubung dengan cadangan JBG untuk meminda Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Bantuan dan Nasihat Guaman 1970. Program ini juga bertujuan untuk memupuk dan menjalin hubungan kerjasama dua hala antara JBG dengan Peguam Panel serta memberi peluang kepada peguam panel mengemukakan pandangan, pendapat serta berbincang mengenai masalah yang dihadapi dan cadangan penyelesaiannya. Di samping itu ia juga dapat menanamkan rasa tanggungjawab sosial di kalangan peguam panel dalam memberikan perkhidmatan perundangan kepada masyarakat yang memerlukannya.


Sesi Dialog Bersama Peguam Panel Tahun 2012

Zon	Tarikh	Tempat
Utara	6 Oktober 2012	De'Garden Hotel, Butterworth
Timur	11 Oktober 2012	Batu Buruk Beach Resort, Terengganu
Tengah	13 Oktober 2012	Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur
Sabah	19 Oktober 2012	Hotel Promenade, Kota Kinabalu
Sarawak	20 Oktober 2012	Four Points by Sheraton, Kuching
Selatan	2 November 2012	Hotel Equatorial, Melaka

e. Aktiviti Promosi


Aktiviti promosi JBG terbahagi kepada 4 kategori utama iaitu Klinik Bantuan Guaman, Ceramah/Penerangan Undang-Undang, Klinik Bantuan Guaman ke Penjara dan Pusat Khidmat Setempat.

JUMLAH PROMOSI JBG BAGI TAHUN 2012
MENGIKUT CAWANGAN



Jumlah keseluruhan aktiviti promosi yang telah dijalankan oleh JBG bagi tahun 2012 adalah sebanyak 1,964. JBG Kedah mencatatkan jumlah aktiviti promosi yang tertinggi iaitu sebanyak 362. Cawangan kedua tertinggi yang menjalankan aktiviti promosi ialah JBG W.P Kuala Lumpur iaitu sebanyak 315 dan diikuti JBG Pulau Pinang yang mencatatkan jumlah aktiviti promosi sebanyak 295.

PERBANDINGAN JUMLAH PROMOSI JBG BAGI TAHUN 2011 DAN 2012 MENGIKUT CAWANGAN




Berdasarkan kepada jumlah aktiviti promosi JBG yang telah dijalankan di seluruh Cawangan bagi tahun 2011 dan 2012 mendapati bahawa 16 Cawangan (69.6%) telah mencatatkan peningkatan jumlah promosi yang dijalankan dari tahun 2011 ke tahun 2012. Sebanyak 7 Cawangan (30.4%) telah mencatatkan penurunan.

JBG Langkawi telah mencatatkan peningkatan jumlah aktiviti promosi tertinggi iaitu sebanyak 10 aktiviti promosi pada tahun 2011 dan 35 pada tahun 2012 (peningkatan sebanyak 250%). Manakala JBG Johor telah mencatatkan jumlah peningkatan kedua tertinggi iaitu aktiviti promosi sebanyak 50 pada tahun 2011 dan 136 pada tahun 2012 (peningkatan sebanyak 172%). Diikuti JBG SibU yang telah mencatatkan peningkatan ketiga tertinggi iaitu aktiviti promosi sebanyak 13 pada tahun 2011 dan 31 pada tahun 2012 (peningkatan sebanyak 138.5%).


Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Cawangan JBG yang telah mencatatkan penurunan jumlah aktiviti promosi bagi tahun 2011 dan tahun 2012. JBG Muar telah mencatatkan penurunan jumlah promosi tertinggi iaitu sebanyak 56 aktiviti promosi pada tahun 2011 dan 10 pada tahun 2012 (penurunan sebanyak 82%).

Jumlah Promosi Mengikut Kategori


Bagi tahun 2012, aktiviti promosi bagi kategori Klinik Bantuan Guaman mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 1191 (63%) aktiviti yang telah diadakan di seluruh Malaysia. Pusat Khidmat Setempat mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu sebanyak 361 (19%) aktiviti promosi. Diikuti dengan Klinik Bantuan Guaman ke Penjara yang mencatatkan jumlah aktiviti promosi sebanyak 239 (13%). Ceramah/Penerangan Undang-undang mencatatkan jumlah aktiviti promosi terendah iaitu sebanyak 93 (5%) aktiviti telah diadakan di seluruh Malaysia bagi setengah tahun pertama 2012.



**JUMLAH AKTIVITI PROMOSI BAGI TAHUN 2012
MENGIKUT KATEGORI**




**PERBANDINGAN JUMLAH AKTIVITI PROMOSI JBG
MENGIKUT KATEGORI
BAGI TAHUN 2011 DAN 2012**



Secara keseluruhan, semua kategori aktiviti promosi mencatatkan peningkatan dari tahun 2011 kepada 2012 bagi jumlah promosi yang telah dijalankan oleh JBG di seluruh Malaysia. Ceramah/Penerangan Undang-Undang mencatatkan peratusan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 215% (peningkatan sebanyak 114 aktiviti). Klinik Bantuan Guaman ke Penjara mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu 91.06% (peningkatan sebanyak 152 aktiviti). Seterusnya Pusat Khidmat Setempat telah mencatatkan peningkatan sebanyak 25.8% (peningkatan sebanyak 73 aktiviti). Manakala Klinik Bantuan Guaman telah mencatatkan peratusan peningkatan terendah iaitu sebanyak 10.1% (peningkatan sebanyak 103 aktiviti).

Peningkatan setiap kategori promosi adalah selari dengan peningkatan jumlah aktiviti promosi secara keseluruhan yang telah diadakan di seluruh Malaysia.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PENCAPAIAN SEBENAR AKTIVITI PROMOSI JBG BAGI TAHUN 2012



Berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2012, JBG Johor telah mencatatkan pencapaian KPI tertinggi bagi jumlah aktiviti promosi yang telah dijalankan iaitu sebanyak 242%. Pencapaian kedua tertinggi telah dicatatkan oleh JBG Sabah iaitu sebanyak 163% dan diikuti oleh JBG Sarawak mencatatkan pencapaian sebanyak 150%. Secara keseluruhannya, sebanyak 16 Cawangan (69.6%) telah berjaya mencapai sasaran jumlah aktiviti promosi yang telah disasarkan berdasarkan KPI promosi bagi tahun 2012. Manakala 7 Cawangan (30.4%) sahaja yang tidak berjaya mencapai KPI tersebut iaitu JBG Negeri Sembilan, JBG Melaka, JBG Cawangan Muar, JBG Cawangan Raub, JBG Kelantan, JBG Cawangan Taiping dan JBG Cawangan Miri.

Perbandingan Antara Jumlah Aktiviti Promosi Dengan Jumlah Pengunjung, Khidmat Nasihat Dan Buka Fail Bagi Aktiviti Promosi 2012.

BIL	CAWANGAN	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH KHIDMAT NASIHAT	JUMLAH BUKA FAIL	JUMLAH PROMOSI
1	IBU PEJABAT	2,500	89		26
2	KUALA LUMPUR	91	129		315
3	SELANGOR	424	343	117	30
4	NEGERI SEMBILAN	313	279		28
5	MELAKA	148	52		4
6	JOHOR	878	762	160	136
7	MUAR	565	55	23	10
8	PAHANG	572	131	136	48
9	RAUB	141	27	32	11
10	TERENGGANU	526	310	279	86
11	KELANTAN	494	376	119	62
12	GUA MUSANG	1,028	95		64
13	PERLIS	164	14		59
14	KEDAH	1,220	816	404	362

BIL	CAWANGAN	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH KHIDMAT NASIHAT	JUMLAH BUKA FAIL	JUMLAH PROMOSI
15	LANGKAWI	285	86		35
16	PERAK	240	512	238	59
17	TAIPING	171	47	30	34
18	PULAU PINANG	1,227	1,458		295
19	SABAH	1,662	253	132	165
20	LABUAN	50	23		52
21	SARAWAK	638	16		48
22	MIRI	45	29	38	4
23	SIBU	1,124	11		31
	JUMLAH	14,506	5,913	1,708	1,964

**Petunjuk : □ jumlah tertinggi

Jadual di atas menunjukkan jumlah pengunjung, khidmat nasihat dan buka fail bagi semua aktiviti promosi yang telah dijalankan di seluruh Malaysia. Berdasarkan kepada jadual, jumlah pengunjung bagi semua aktiviti promosi tahun 2012 adalah berjumlah 14,506 orang pengunjung. Manakala jumlah khidmat nasihat yang telah diberikan adalah sebanyak 5,913 dan jumlah buka fail adalah sebanyak 1,708. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Cawangan, terdapat Cawangan yang tidak membuka fail sewaktu menjalankan aktiviti promosi. Hanya khidmat nasihat sahaja yang diberikan. Oleh sebab itu, jumlah buka fail mencatatkan bilangan yang agak rendah berbanding jumlah khidmat nasihat yang diberikan.

JBG Ibu Pejabat mencatatkan jumlah pengunjung tertinggi iaitu 2,500 orang. JBG Pulau Pinang mencatatkan jumlah khidmat nasihat tertinggi iaitu sebanyak 1,458. JBG Kedah mencatatkan jumlah buka fail tertinggi iaitu sebanyak 404.

AKTIVITI PROMOSI IBU PEJABAT

Pameran Sempena “Hari Sejuta Belia” Pada Mei 2012 Bertempat Di Presint 2, Putrajaya.

Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil) dan Penolong Pegawai Undang-Undang sedang memberi khidmat nasihat kepada para pelanggan yang hadir ke *booth* JBG.



AKTIVITI PROMOSI IBU PEJABAT

Pameran Sempena “Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2012” Pada 19 Disember 2012 Bertempat Di Dewan Perdana, UNITEN.

Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah sedang memberi khidmat nasihat kepada para pelanggan yang hadir ke booth JBG.



Para pengunjung yang datang mengunjungi booth pameran JBG.



AKTIVITI PROMOSI CAWANGAN JBG

Ceramah kesedaran Undang-Undang di Pejabat Daerah Song pada 28 Februari 2012 oleh JBG Sibul



JBG Sabah pada 9 Mac 2012 di Pejabat Daerah Kinabatangan, Sabah



Promosi sempena "Program Jelajah Informasi" JKSM di Hospital Ampang Pada 31 Mei 2012 dengan kerjasama JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Bahagian Syariah Ibu Pejabat



Ceramah/Penerangan Undang-Undang oleh JBG Johor Pada 2 Julai 2012



Klinik Bantuan Guaman oleh JBG Sibul Sempena Pesta Dabai 2012 di Dewan Suarah, Kapit, Sarawak Pada 13 November dan 14 November 2012



Mahkamah Majistret Gua Musang pada 12 Disember 2012



Klinik Guaman di Pusat Penjara Sibul Pada 13 Disember 2012



Dewan Orang Ramai, Kampung Paya Laut Langkawi pada 27 Disember 2012



Ceramah Kesedaran Undang-Undang di surau Kg. Baru, Gua Musang pada 30 Disember 2012 oleh JBG Gua Musang



Klinik Bantuan Guaman oleh JBG Sarawak di Pejabat Daerah Samarahan



Seminar undang-undang di Hotel Bustani, Jitra, Kedah



JBG BERSIARAN SECARA LANGSUNG DI KONTRI RADIO

JBG Terengganu



JBG Johor



JBG Kedah



f. Bahagian Khidmat Pengurusan

Perancangan dan pembangunan sumber manusia di JBG merupakan tanggungjawab Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dan peranan BKP adalah memastikan JBG mempunyai struktur organisasi yang sempurna dan penggunaan sumber manusia secara optimum dan efektif.

Peruntukan Kewangan

Pada tahun 2012, JBG telah diluluskan peruntukan belanjawan mengurus sebanyak RM19,488,800.00. Agihan peruntukan kewangan telah dibuat kepada semua cawangan JBG berdasarkan peruntukan kewangan yang telah diluluskan. Perincian agihan peruntukan dan prestasi perbelanjaan yang dilaksanakan di JBG pada tahun 2012 adalah seperti Jadual:

KOD DAN JENIS PERBELANJAAN	Peruntukan Termasuk Tambahan 2011	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2011	Peruntukan asal Tahun 2012	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2012
EMOLUMEN	15,775,900.00	15,708,982.44	17,513,640.00	17,487,182.80
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	3,646,300.00	3,595,596.64	3,965,700.00	3,856,123.44
ASET	-	-	261,328.85	261,101.60
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	24,660.00	24,579.84	6,000.00	4,920.12
PERBELANJAAN LAIN	-	-	10,799.97	9,663.69
JUMLAH	19,446,860.00	19,329,158.92	21,757,468.82	21,618,991.65

Jadual Perbelanjaan Mengurus JBG Bagi Tahun 2012

Ringkasan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna Bagi Tempoh 1 Januari 2012 Hingga 31 Disember 2012

Tempoh	Bil Didaftarkan		Bil Telah Sempurna Bayaran				
	Bilangan	Nilai(RM)	Hari	Bilangan	%	Nilai(RM)	%
1.1.2012-31.12.2012			≤7	4605	99.80	3,057,181.48	99.85
	4614	3,061,836.38	8-14	9	0.20	4,654.90	0.15
			>14	0	0.00	0.00	0.00

Maklumat Terperinci Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna

Hari	0	1	2	3	4
Bilangan	625	1519	910	600	434
Jumlah	343,677.15	908,740.48	527,415.66	583,365.13	266,721.84

Hari	5	6	7	Jumlah Kecil
Bilangan	340	118	59	4605
Jumlah	289,073.26	96,120.65	42,067.31	3,057,181.48

Dalam Tempoh < = 7 Hari

Hari	8	9	10	11	12
Bilangan	6	0	3	0	0
Jumlah	3,421.50	0.00	1,233.40	0.00	0.00

Hari	13	14	Jumlah Kecil
Bilangan	0	0	9
Jumlah	0.00	0.00	4,654.90

Dalam Tempoh 8 - 14 Hari

Hari	>14	Jumlah Kecil
Bilangan	0	0
Jumlah	0.00	0.00

Dalam Tempoh >14 Hari

Senarai warga JBG yang bersara wajib/pilihan 2012 dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Bil.	Nama	Cawangan	Tarikh Bersara	Jenis Persaraan
1.	Rafeah binti Arshad	Taiping	10 Jan 2012	Pilihan
2.	Zainon binti Ahmad	Ibu Pejabat	1 Feb 2012	Wajib
3.	Hasnah binti Muhamad	Selangor	15 Mac 2012	Pilihan
4.	Harun bin Othman	Kedah	21 Mei 2012	Pilihan
5.	Mariah binti Othman	Melaka	19 Jul 2012	Wajib
6.	Faridahanom binti Yan Ibrahim	Ibu Pejabat	1 Nov 2012	Pilihan
7.	Siti Zubaidah binti Sakor	Selangor	15 Nov 2012	Wajib

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Penarafan 5 Bintang Dan 'Strategic Achiever' Bagi Portal JBG 2012



Tahun 2012 mencatatkan sekali lagi detik bersejarah buat warga JBG atas kejayaan memperoleh penarafan 5 bintang bagi Portal Rasmi JBG. Kali pertama Portal JBG menerima penarafan LIMA BINTANG adalah pada tahun 2011. Penarafan ini telah diterima daripada *Multimedia Development Corporation (MDeC)* melalui Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan (MGPWA) 2012. Jabatan ini juga turut mendapat pengiktirafan *Strategic Achiever* bagi portalnya. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan di IOI Marriot, Putrajaya pada 12 Disember 2012. JBG merupakan salah satu daripada 28 agensi yang mendapat pengiktirafan tersebut daripada 114 agensi yang terpilih.

AKTIVITI PENINGKATAN PROFESIONALISME



Taklimat *Key Performance Indicator (KPI)* oleh MAMPU di Ibu Pejabat JBG – 27 Januari 2012

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Rizal bin Mohd Rosli, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Transformasi Sektor Awam, MAMPU. Ia dihadiri oleh pengurusan atasan dan semua Pengarah Bahagian bagi memberi kefahaman dan pengetahuan mengenai konsep dan kepentingan KPI kepada Jabatan.



Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 1/2012
Hotel Corus Paradise Resort, Port Dickson, 27-29 Februari 2012



Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Bil. 2/2012
Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur, 10-13 Julai 2012

Mesyuarat ini dihadiri oleh pengurusan atasan, semua Pengarah Bahagian di Ibu Pejabat, semua Pengarah Negeri dan Pegawai Syariah Negeri. Ia berperanan sebagai *platform* utama untuk membincangkan dan mengusulkan penyelesaian ke atas isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran Jabatan secara keseluruhan.

Taklimat Keselamatan

Taklimat Keselamatan telah diadakan pada 4 Mei 2012 di Bilik Mesyuarat Utama JBG kepada warga JBG Ibu Pejabat. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohamad Foudzli bin Abdullah, Pengarah Inspektorat, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Taklimat ini diharap dapat memberikan kesedaran dan meningkatkan kepekaan warga JBG dalam aspek keselamatan.

Taklimat sebegini akan diteruskan dari masa kesemasa bagi memastikan aspek keselamatan sentiasa dititikberatkan dan dijadikan amalan dalam kehidupan seharian warga JBG.

ADUAN YANG DITERIMA BAGI JANUARI - DISEMBER 2012

Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2012, JBG telah mencatatkan sebanyak 40 aduan berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam. Aduan yang diterima adalah melalui Biro Pengaduan Awam, surat khabar, Integrated Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (i-SPAAA), e-mel, telefon dan surat. Bilangan aduan yang diterima mengikut sumber penerimaan aduan dapat dilihat dalam Jadual. Melalui iSPAAA dan e-mel juga, JBG telah menerima tiga (3) penghargaan daripada pelanggan JBG berkaitan dengan khidmat bantuan guaman dan nasihat guaman yang telah diberikan oleh Ibu Pejabat dan Cawangan JBG sepanjang 2012.

Perbandingan Jumlah Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Bagi Tahun 2011 dan 2012

Tahun	Jumlah Aduan
2012	40
2011	27

JADUAL
Sumber Penerimaan Aduan Bagi 2012

Sumber	Jumlah Aduan	Peratusan Aduan (%)
E-mel	16	40.0
Surat /Faks	5	12.5
SMS	-	-
Telefon	2	5.0
Biro Pengaduan Awam	10	25.0
i-SPAAA	4	10.0
Surat khabar	1	2.5
JKSM	2	5.0
Jumlah	40	100%

Aduan mengikut kategori sepanjang 2012 terdiri daripada 8 aduan melibatkan prosedur mendapatkan bantuan guaman, 26 aduan pula membabitkan pengendalian kes oleh pegawai JBG yang sebahagian besarnya melibatkan ketidakpuasan hati terhadap layanan pegawai yang mengendalikan kes atau memberi khidmat nasihat dan kelewatan oleh JBG, 1 aduan mengenai peguam panel dan 5 aduan lain membabitkan ketidakpuasan hati dengan pengurusan pegawai atasan di Cawangan, kes tidak berasas, kes berulang yang telah dijawab sebelum ini dan kes di luar bidang kuasa JBG. Perincian aduan mengikut kategori boleh dilihat dalam Jadual.

Jadual Aduan Mengikut Kategori

KATEGORI ADUAN	BIL ADUAN YANG DITERIMA
PROSEDUR MENDAPATKAN BANTUAN GUAMAN	
Ketidakpuasan hati terhadap had kelayakan mendapatkan bantuan guaman	2
Ketidakpuasan hati terhadap bidang kuasa JBG sebagaimana peruntukan Akta Bantuan Guaman 1971	
Ketidakpuasan hati terhadap nasihat / penolakan kes	3
Ketidakpuasan hati terhadap proses kerja / layanan telefon	3
Jumlah	8
PENGENDALIAN KES OLEH PEGAWAI JBG	
Kelewatan/tiada tindakan	8
Pegawai tidak hadir ke Mahkamah	1
Pegawai menangguhkan kes tanpa alasan munasabah	
Layanan Pegawai yang mengendalikan kes/khidmat nasihat yang tidak memuaskan	15
Layanan Pegawai kaunter yang tidak memuaskan	1
Salah laku	1
Jumlah	26

KATEGORI ADUAN	BIL ADUAN YANG DITERIMA
PENGENDALIAN KES OLEH PEGUAM PANEL	
Kelewatan/tiada tindakan	
Peguam tidak hadir ke Mahkamah	
Peguam menangguhkan kes tanpa alasan munasabah	
Layanan Peguam yang tidak memuaskan	1
Jumlah	1
KES PENGECCUALIAN MENTERI	
Tiada tindakan/maklum balas	
Lewat mengambil tindakan	
Ketidakpuasan hati terhadap prosedur permohonan	
Jumlah	0
PENGANTARAAN	
Tiada tindakan/maklum balas	
Lewat mengambil tindakan	
Layanan Pegawai yang tidak memuaskan	
Jumlah	0
LAIN-LAIN	
Aduan Kelakuan Pegawai	2
Kes tidak berasas/tiada kaitan	1
Kes di luar bidang kuasa JBG	1
Kes berulang	1
Jumlah	5
JUMLAH KESELURUHAN	40

TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN

JBG telah mengambil tindakan sewajarnya untuk menjawab aduan berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA). Tempoh masa yang biasa diambil untuk Ibu Pejabat menjawab aduan yang diterima adalah antara 2 hingga 10 hari kerana banyak melibatkan aduan daripada Cawangan JBG. Siasatan dan kronologi kes biasanya perlu disediakan oleh Cawangan yang diadu bagi memastikan perkara sebenar yang berlaku bagi membolehkan jawapan yang adil dan telus diberikan kepada pengadu. Tempoh penyelesaian aduan dapat dilihat dalam Jadual di bawah:

Jadual Tempoh Penyelesaian Aduan

Tempoh	Jumlah Selesai	Jumlah Selesai (%)
1 hari	7	17.5
2-5 hari	18	45.0
6-10 hari	14	35.0
11-15 hari	1	2.5
16-20 hari	-	-
21-30 hari	-	-
31-60 hari	-	-
>60 hari	-	-
Jumlah	40	100%

DIARI JBG

6 Januari 2012

Lawatan Ketua Pengarah BHEUU
ke Ibu Pejabat JBG



3 Februari 2012

Temu ramah *International Centre For
Law and Legal Studies – Malaysian
Criminal Justice Reform Project –
Justice Audit*



24 Februari 2012

Sesi *User Requirement Spesification*
Sistem Pengurusan Kes JBG



13 Mac 2012

Temu ramah bersama wartawan
Nan Yang Siang Pau



DIARI JBG

Lawatan pelajar undang-undang Universiti Hunan, China ke JBG sempena program pertukaran pelajar antara Universiti Malaya dan Universiti Hunan pada 3 November 2012



DIARI JBG

Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke JBG Pahang



Lawatan Ketua Pengarah BHEUU ke JBG Terengganu pada 22 November 2012



JBG DI DADA AKHBAR

Daftar RM2 hak terbela

tan Bantuan Guaman bantu dalam bidang sivil, syariah dengan kenaikan kos paling murah

Dalam tempahan
Daftar RM2 hak terbela
tan Bantuan Guaman bantu dalam bidang sivil, syariah dengan kenaikan kos paling murah

per RM2 sama ada dalam bentuk tunai berbentuk permohonan sehingga RM200,000. Herti merupakan jawapan kepada RM2 di bawah Bantuan Guaman (JBG) dengan syarat permohonan dibuat sebelum 15 Jun 2010 dan permohonan dibuat oleh individu yang layak untuk menerima bantuan. Herti merupakan jawapan kepada RM2 di bawah Bantuan Guaman (JBG) dengan syarat permohonan dibuat sebelum 15 Jun 2010 dan permohonan dibuat oleh individu yang layak untuk menerima bantuan.

"Bidang kuasa JBG merangkumi kes-kes sivil dan syariah, kes sivil dan kes syariah"
- Wan Jeffrey

"Sejak ditubuhkan pada 1976, 458,350 kes telah selesai dengan JBG"
- Mohd Nazri

kes-kes sivil dan syariah, kes sivil dan kes syariah. Sejak ditubuhkan pada 1976, 458,350 kes telah selesai dengan JBG. Mohd Nazri berkata, selain permohonan sivil dan syariah, JBG juga boleh menguruskan kes-kes sivil dan syariah. Sejak ditubuhkan pada 1976, 458,350 kes telah selesai dengan JBG.

JBG tidak lewat selesai kes

PUTRAJAYA: Persepsi negatif mengenai Biro Bantuan Guaman yang kini di sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG) bersebabnya kes-kes sivil dan syariah yang tidak selesai dengan cepat telah dinaikkan kepada tahap yang lebih tinggi. Menteri Kanan Putrajaya, Mohd Nazri, berkata, JBG tidak pernah lewat selesai kes. Beliau berkata, kes-kes sivil dan syariah yang tidak selesai dengan cepat telah dinaikkan kepada tahap yang lebih tinggi. Menteri Kanan Putrajaya, Mohd Nazri, berkata, JBG tidak pernah lewat selesai kes.

WAN JEFFRY...kini paling rendah
MOHD NAZRI...tidak banyak kes

Wan Jeffrey berkata, JBG tidak pernah lewat selesai kes. Beliau berkata, kes-kes sivil dan syariah yang tidak selesai dengan cepat telah dinaikkan kepada tahap yang lebih tinggi. Menteri Kanan Putrajaya, Mohd Nazri, berkata, JBG tidak pernah lewat selesai kes.

Legal aid for civil and syariah from Jan 1

The Borneo Post 20-1-2012 pg 17
PUTRAJAYA: As of Jan 1, the Legal Aid Bureau would expand its scope to civil and syariah matters, following a high demand from those who could not afford legal representation, said Minister in Prime Minister's Department Datuk Seri Nazri Abdul Aziz.

He said the expansion into syariah would cover proceedings on engagement losses, marriage debt and alimony.

"It would also cover proceedings in relation to living bequests and wills which are linked to family cases," he said at a press conference after the Legal Affairs Division monthly gathering here, yesterday.

Nazri said the widening of the bureau's jurisdiction to civil matters in Sabah and Sarawak included application for maintenance, adoption and estate administration, which

Rebut 200,000 peluang untuk jadi pekerja mahir

Rebut 200,000 peluang untuk jadi pekerja mahir
la tersedia melalui pembangunan SCORE dalam tempoh tiga tahun akan datang bermula sekarang

Dalam merencanakan dan untuk rebut 200,000 peluang yang ada, JBG akan menyediakan latihan dan latihan teknikal. JBG akan menyediakan latihan dan latihan teknikal. JBG akan menyediakan latihan dan latihan teknikal.



Bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman diperluas

PUTRAJAYA 15 Jan - Jabatan Bantuan Guaman (JBG) memperluas bidang kuasa sivil dan syariah bagi memperkembangkan lagi perkhidmatan kepada rakyat yang memerlukan bantuan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, langkah yang dilaksanakan awal tahun ini membolehkan perkhidmatan bantuan kepada rakyat yang memerlukan bantuan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, langkah yang dilaksanakan awal tahun ini membolehkan perkhidmatan bantuan kepada rakyat yang memerlukan bantuan.

bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman diperluas. Bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman diperluas. Bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman diperluas.

2012



BAHAGIAN

INSOLVENSI MALAYSIA (Mdi)

www.insolvency.gov.my

BERKAITAN (SEKATAN)

Mdi

INSOLVENSI
MALAYSIA




Kandungan

Pengenalan	117
Analisa Statistik Utama Mdl 2012	119
Mentadbir Aset dan Hal Ehwal Insolvensi dengan Cepak dan Berkesan	124
Mempertingkatkan Pematuhan Bankrap dan Syarikat di bawah Perundangan Insolvensi	129
Menyiasat dan Mendakwa Kesalahan di bawah Akta Kebankrapan/ Perundangan Insolvensi	136
Pembaharuan Undang-Undang yang Menyokong Keperluan Persekitaran Ekonomi dan Perniagaan	143
Pemantauan dan Pengawal Seliaan Pelikuidasi yang Diluluskan dengan Cepak dan Berkesan	145
Mempertingkatkan Kemudahan Perkhidmatan Secara Atas Talian	147
Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan Sumber Manusia	149
Promosi dan Penjenamaan Semula Mdl	157
Wawasan Mdl	164



Carta Organisasi Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)



Pengurusan Tertinggi Mdl

Ketua Pengarah Insolvensi



Datuk Abdul Karim Abdul Jalil
(Sehingga 1 Ogos 2012)



Puan Rohana Abd. Malek
(Berkuatkuasa 1 Oktober 2012)

Timbalan Ketua Pengarah



Puan Haini Hassan
Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi (Operasi)



Dato' Mat Aron Deraman
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)



PENGENALAN


Tahun 2012 merupakan satu tahun yang mencabar bagi Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) bagi merealisasikan aspirasi kerajaan ke arah memberi kesedaran, mendidik dan menyampaikan maklumat mengenai insolvensi serta meningkatkan prestasi pencapaian perkhidmatan kepada masyarakat melalui kecemerlangan operasi. Sehubungan itu, Mdl memilih Kecemerlangan Operasi sebagai tema bagi tahun 2012. Berdasarkan tema ini sudah tentu Mdl perlu bekerja keras bagi mencapai perancangan strategik yang telah ditetapkan. Terdapat lapan strategik tahunan yang telah ditetapkan oleh Mdl bagi tahun 2012 iaitu:

- (a) Melaksanakan satu sistem insolvensi korporat yang berkeupayaan menyelamatkan syarikat yang masih berdaya maju dan memaksimumkan pulangan kepada pemiutang selaras dengan amalan terbaik dalam pematuhan piawaian *Insolvency and Creditor Rights (ICR)*;
- (b) Perekayasaan pentadbiran insolvensi dijalankan secara proaktif bagi meningkatkan perkhidmatan dalam pentadbiran kebangkrupan;
- (c) Menjalankan penyiasatan dan pendakwaan dalam tempoh yang ditetapkan dalam memastikan kualiti penguatkuasaan kearah budaya pematuhan sukarela dan meningkatkan keyakinan masyarakat;
- (d) Melaksanakan pembaharuan undang-undang insolvensi dalam membangunkan ekosistem insolvensi yang mampan;
- (e) Menyediakan perkhidmatan sokongan secara menyeluruh bagi memastikan kecemerlangan organisasi yang berterusan;
- (f) Meningkatkan imej korporat secara berterusan melalui inisiatif penjenamaan strategik yang berkesan;
- (g) Memupuk budaya inovasi ke arah peningkatan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan cemerlang; dan
- (h) Menggiatkan usaha pengkorporatan ke arah merealisasikan aspirasi Mdl untuk menjadi sebuah agensi autonomi.

Bagi mencapai kecemerlangan operasi ini, terdapat beberapa aktiviti teras yang perlu dilaksanakan oleh Mdl. Aktiviti teras bermula daripada pencarian harta sehinggalah pengisytiharan dividen kepada pihak pemiutang. Ini merupakan tugas yang rumit dan memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua warga Mdl.

Peningkatan dari segi jumlah bankrap yang dilepaskan dapat dilihat dalam tahun 2012. Jumlah bankrap yang dilepaskan melalui Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi meningkat pada kadar 73.3 peratus iaitu seramai 14,536 orang dilepaskan berbanding 8,485 orang pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, seramai 968 bankrap yang dilepaskan merupakan penjamin sosial. Ini menunjukkan bahawa bankrap yang memberi kerjasama sentiasa mempunyai ruang bagi dipertimbangkan untuk pelepasan sekiranya mereka menepati syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kebangkrupan.

Dari segi hasil, Mdl berjaya meningkatkan pencapaian hasil kutipan keseluruhan yang diperolehi dalam tahun 2012. Hasil Mdl meningkat sebanyak RM1 juta iaitu RM47.5 juta dalam tahun 2012 berbanding RM46.5 juta tahun sebelumnya.



Bagi memantapkan lagi undang-undang kebangkrutan, kajian semula undang-undang kebangkrutan sedang giat dilaksanakan bagi mewujudkan regim baru insolvensi di Malaysia. Undang-undang ini masih di peringkat akhir perbincangan bersama pihak-pihak yang terlibat. Undang-undang baru ini akan dapat menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan serta meningkatkan kecekapan operasi.

Bukan mudah bagi sebuah jabatan yang menguruskan hal ehwal insolvensi untuk mendekati masyarakat sekiranya masyarakat tidak benar-benar faham tentang peranan yang dimainkan oleh jabatan ini. Oleh itu, bagi memastikan maklumat disampaikan kepada masyarakat, Mdl telah melaksanakan program turun padang bertemu orang ramai. Sepanjang tahun 2012 sebanyak 101 program turun padang telah dijalankan. Kerjasama dengan media elektronik dan media cetak dijadikan sebagai landasan untuk mendekati rakyat. Sebanyak 64 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

Selain itu, Mdl juga telah mengeluarkan treler insolvensi yang mula ditayangkan menerusi saluran televisyen dan *Internet Protocol Television* tempatan mulai bulan Ogos 2012 bertujuan memberi maklumat kepada orang ramai supaya tidak takut atau malu untuk berurusan dengan jabatan ini. Hasil daripada program yang dijalankan, jumlah kehadiran bankrap di Mdl telah meningkat pada kadar 19.8 peratus iaitu seramai 39,894 orang bagi tahun 2012 berbanding 33,299 orang bagi tahun 2011. Pematuhan bankrap untuk memfailkan PHE juga meningkat pada kadar 18.5 peratus iaitu seramai 11,179 orang berbanding 9,432 orang. Dari segi jumlah bankrap yang membuat bayaran ansuran bulanan juga meningkat pada kadar 27.5 peratus daripada 127,455 orang kepada 162,566 orang. Peningkatan ini merupakan petunjuk kepada keberkesanan program yang telah dijalankan dan orang ramai semakin bersikap terbuka untuk berurusan dengan jabatan ini.

Dari segi Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*), Mdl telah bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam usaha menjalankan program pendidikan kewangan kepada masyarakat. Program bersepadu ini boleh memberi pendidikan bagi mengelakkan kegagalan pengurusan kewangan. Bagi bankrap yang telah dilepaskan melalui Sijil Perakuan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI), mereka berpeluang mengikuti program khas anjuran kedua-dua organisasi ini ke arah pengurusan kewangan yang berhemah supaya tidak kembali menjadi bankrap.

Jika dilihat kepada penglibatan di peringkat yang lebih tinggi, Mdl telah mendapat perhatian agensi insolvensi di peringkat antarabangsa yang mana pihak-pihak seperti *Insolvency and Trustee Service Australia* dan *Legal Execution Department Thailand* telah membuat lawatan ke Mdl untuk mempelajari pentadbiran insolvensi di Malaysia.


Selain itu Mdl juga bekerjasama dengan Bank Dunia dalam penilaian kestabilan sektor kewangan dan aspek pembangunan yang dikenali sebagai *Financial Sector Assessment Programme*. Program ini bertujuan untuk membuat penilaian mengenai keberkesanan perundangan serta amalan terbaik yang berkaitan dengan hak-hak pemiutang dan penghutang dalam pentadbiran insolvensi.

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan, Mdl telah menyediakan kemudahan bayaran ansuran bulanan kebangkrutan secara atas talian melalui portal MyBayar. Dengan kemudahan ini, kadar pematuhan oleh bankrap bagi membuat bayaran ansuran bulanan kebangkrutan dengan cepat dan teratur dapat ditingkatkan.

ANALISA STATISTIK UTAMA Mdi 2012

A. KEBANKRAPAN

Sebelum sesuatu Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman dibuat terhadap seseorang individu, pihak pemiutang akan memfailkan permohonan melalui satu permohonan melalui petisyen pemiutang. Pada tahun 2012 sebanyak 82,711 kes telah difailkan berbanding 85,092 kes pada tahun 2011. Penurunan sebanyak 2,381 kes antara lain disebabkan, peningkatan kesedaran penghutang dengan mengadakan rundingan bersama pihak pemiutang dalam mengatur cara penyelesaian hutang supaya keberhutangannya tidak dijadikan kebangkrutan. Manakala Perintah Penerimaan dan Penghukuman (PP & PP) yang telah didaftarkan bagi tahun 2012 ialah sebanyak 19,575 dan tahun 2011 sebanyak 19,767 kes. Kadar penurunan yang ditunjukkan adalah pada kadar satu peratus. Ini ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Jumlah Petisyen Pemiutang dan Perintah Penerimaan & Penghukuman dari Tahun 2008 hingga 2012


Kategori Sebab Kebankrapan

Bagi tempoh 2008 hingga 2012 sebanyak 86,944 kes telah didaftarkan dengan sebab-sebab kebangkrutan yang tertentu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

SEBAB KEBANKRAPAN	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH	PERATUS
Sewabeli Kenderaan	3,085	3,678	5,639	5,137	5,242	22,781	26.20
Pinjaman Perumahan	985	1,056	3,230	4,576	5,341	15,188	17.97
Pinjaman Peribadi	1,506	2,806	2,805	3,168	3,251	13,536	15.06
Pinjaman Perniagaan	1,541	1,596	2,048	2,301	2,978	10,464	12.04
Penjamin Korporat	741	556	907	1,038	654	3,896	4.48
Penjamin Sosial	445	786	1,141	1,364	892	4,628	5.32
Hutang Kad Kredit	647	570	641	665	888	3,411	3.92
Hutang Cukai Pendapatan	179	93	169	177	127	745	0.86
Biasiswa / Pinjaman Pelajaran	54	22	17	27	33	153	0.18
Keberhutangan Yang Lain	4,672	5,065	1,522	714	169	12,142	13.97
JUMLAH	13,855	16,228	18,119	19,167	19,575	86,944	100.00

Jadual 1: Jumlah Kebankrapan Mengikut Sebab Dari Tahun 2008 Hingga 2012

Merujuk kepada Jadual 1, sebab utama kebangkrutan bagi kes yang didaftarkan pada tahun 2012 adalah pinjaman perumahan iaitu sebanyak 5,341 kes, diikuti dengan sewa beli kenderaan sebanyak 5,242 kes. Manakala pinjaman peribadi melibatkan sebanyak 3,251 kes dan pinjaman perniagaan sebanyak 2,978 kes. Pecahan mengikut kategori sebab kebangkrutan bagi tahun 2012 ditunjukkan dalam Carta 1 di bawah:



Carta 1: Sebab-Sebab Kebankrapan Bagi Tahun 2012

Sebab Kegagalan Menjelaskan Hutang

Tujuh sebab utama kegagalan bankrap untuk menjelaskan hutang telah dikenalpasti. Pengurusan kewangan yang lemah merupakan sebab utama kegagalan menjelaskan hutang iaitu sebanyak 2,586 kes (27.53 peratus) diikuti oleh krisis ekonomi sebanyak 2,175 kes (23.15 peratus). Maklumat mengenai sebab kegagalan bankrap untuk membayar hutang sehingga diisytiharkan bankrap ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

SEBAB-SEBAB GAGAL MEMBAYAR HUTANG	JUMLAH	PERATUS
PENGURUSAN KEWANGAN YANG LEMAH	2,586	27.53
KRISIS EKONOMI	2,175	23.15
TIDAK MENGETAHUI MENGENAI HUTANG	1,898	20.20
MENGGANGGUR	1,351	14.38
DITIPU	993	10.57
TIDAK MENGAKU BERHUTANG	230	2.45
SENGAJA TIDAK MAHU MEMBAYAR	161	1.71
JUMLAH	9,394	100.00

Jadual 2: Sebab Dan Alasan Kegagalan Bankrap Untuk Menjelaskan Hutang Bagi Tahun 2012

Jumlah Bankrap Mengikut Jenis Pekerjaan


Bagi tahun 2012, klasifikasi bankrap mengikut jenis pekerjaan menunjukkan pekerja sektor swasta mencatatkan jumlah tertinggi seramai 6,839 orang (28.13 peratus) diikuti dengan peniaga seramai 2,779 orang (13.34 peratus). Walau bagaimanapun, masih terdapat 5,541 orang bankrap yang masih belum dikenalpasti jenis pekerjaan mereka kerana mereka belum melaporkan diri di MdI. Jumlah bankrap mengikut kategori pekerjaan ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah:

JENIS PEKERJAAN	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH	PERATUS
SEKTOR SWASTA	2,194	1,538	6,590	7,295	6,839	24,456	28.13
BERNIAGA	1,033	1,808	3,246	2,729	2,779	11,595	13.34
BEKERJA SENDIRI	1,367	1,739	1,656	1,145	1,823	7,730	8.89
PROFESIONAL	708	202	372	864	1,320	3,466	3.99
SEKTOR AWAM	607	430	277	442	450	2,206	2.54
TIDAK BEKERJA	529	363	258	336	595	2,081	2.39
PESARA KERAJAAN	127	82	27	100	107	443	0.51
SEKTOR HIBURAN	20	5	1	60	2	88	0.10
PELAJAR	28	10	1	30	119	188	0.22
AHLI SUKAN	14	4	0	1	0	19	0.02
TIADA MAKLUMAT	7,228	10,047	5,691	6,165	5,541	34,672	39.88
JUMLAH	13,855	16,228	18,119	19,167	19,575	86,944	100.00

Jadual 3: Jumlah Kebankrapan Mengikut Jenis Pekerjaan Bagi Tahun 2008 Dan 2012

Jumlah Bankrap Mengikut Jantina Dan Umur

Dalam tahun 2012, nisbah antara bankrap lelaki dan perempuan menunjukkan 70:30. Perbandingan ini dapat dilihat dalam Carta 2 di bawah:



Carta 2: Jumlah Bankrap Mengikut Jantina Pada Tahun 2012

Pola yang sama juga dapat dilihat dari tempoh 2008 hingga 2012 seperti dalam jadual 4 di bawah. Keadaan ini disebabkan kaum lelaki lebih terdedah kepada penglibatan dalam kegiatan komersial dan secara langsung lebih cenderung mengalami krisis kewangan berbanding kaum wanita. Melihat dari sudut sosial pula, lelaki merupakan teraju utama kepada keluarga di mana pelbagai jenis perbelanjaan ditanggung oleh lelaki berbanding wanita.

JANTINA	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH	PERATUS
LELAKI	9,421	11,680	13,088	13,436	13,613	61,238	70.43
PEREMPUAN	4,434	4,548	5,031	5,731	5,962	25,706	29.57
JUMLAH	13,855	16,228	18,119	19,167	19,575	86,944	100.00

Jadual 4: Jumlah Kes Kebankrapan Berdasarkan Jantina Dari Tahun 2008 Hingga 2012


Bagi tahun 2012, bankrap yang berumur antara 35-44 tahun merupakan golongan yang paling ramai iaitu 7,164 orang (34.51 peratus). Ini diikuti dengan mereka yang berumur 45-54 iaitu 5,698 orang (26.40 peratus). Maklumat terperinci mengenai bankrap mengikut umur bagi tahun 2012 ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah:

GOLONGAN UMUR	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH	PERATUS
25 TAHUN KE BAWAH	123	306	304	171	130	1,034	1.19
25-34 TAHUN	2,071	3,176	3,959	4,217	3,970	17,393	20.00
35-44 TAHUN	4,406	5,165	6,417	6,854	7,164	30,006	34.51
45-54 TAHUN	3,069	3,812	5,047	5,325	5,698	22,951	26.40
55 TAHUN DAN KE ATAS	963	1,543	2,079	2,385	2,499	9,469	10.89
TIADA MAKLUMAT	3,223	2,226	313	215	114	6,091	7.01
JUMLAH	13,855	16,228	18,119	19,167	19,575	86,944	100.00

Jadual 5: Jumlah Kebankrapan Mengikut Peringkat Umur Bagi Tahun 2008 hingga 2012

B. PENGGULUNGAN SYARIKAT/INSOLVENSI KORPORAT


Di Malaysia, penggulungan syarikat dilaksanakan melalui 2 cara iaitu secara terpaksa melalui mahkamah atas permohonan pemiutang dan secara sukarela melalui resolusi pemegang saham atau pemiutang. Bagi tahun 2012 kes penggulungan syarikat secara terpaksa telah meningkat daripada 1,540 kes kepada 1,550 kes iaitu peningkatan pada kadar 0.7 peratus. Manakala penggulungan syarikat secara sukarela telah meningkat daripada 683 kes kepada 1,445 kes iaitu peningkatan pada kadar 111.6 peratus. Jumlah kes penggulungan syarikat secara terpaksa dan sukarela ditunjukkan dalam Rajah 2 seperti di bawah:



Rajah 2: Statistik Kes Penggulungan Syarikat Secara Terpaksa Didaftarkan Daripada Tahun 2008 Hingga 2012

Syarikat Yang Digulungkan Mengikut Sektor


Merujuk kepada Rajah 2, daripada jumlah 1,550 tersebut, sektor perdagangan, borong dan runcit mencatatkan jumlah kes penggulungan yang tertinggi iaitu sebanyak 25 peratus diikuti dengan sektor perkhidmatan kewangan, insuran, harta pelaburan dan perniagaan iaitu 24 peratus. Jumlah kes penggulungan syarikat secara terpaksa mengikut sektor ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Sektor Perniagaan Syarikat Yang Digulungkan Bagi Tahun 2012

C. PRESTASI PERTUBUHAN & KESATUAN SEKERJA YANG TELAH DIBATALKAN PENDAFTARANNYA

Mdl juga mengendalikan kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan perdaftarannya. Pada tahun 2012 sebanyak 839 kes pertubuhan dikendalikan oleh Mdl berbanding 608 kes pada tahun 2011, manakala bagi kesatuan sekerja sebanyak 20 kes. Maklumat terperinci bagi bilangan pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan perdaftarannya ditunjukkan dalam Rajah 4 di bawah.



Rajah 4: Bilangan Kes Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya Pada Tahun 2008 Hingga 2012

MENTADBIR ASET DAN HAL EHWAL INSOLVENSI DENGAN CEKAP DAN BERKESAN

Pada tahun 2012, Mdl terus memberi perhatian untuk memenuhi piawaian prestasi dan meningkatkan amalan yang konsisten serta mengenal pasti cara yang lebih baik untuk menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Mdl telah mengenal pasti bidang-bidang utama yang dapat meningkatkan kecekapan dan memantapkan lagi peranan serta fungsi Mdl. Kajian semula proses kerja dan aktiviti yang lebih berinovasi dilakukan dari semasa ke semasa untuk memberi impak jangka masa panjang kepada pelanggan dan pihak berkepentingan serta rakyat secara amnya.

Aktiviti teras Mdl bermula daripada peringkat penzahiran harta, penghasilan harta, penentuan hutang dan pengisytiharan serta pembayaran dividen. Bagi tahun 2012 sebanyak 15,408 kes telah diisytiharkan dividen dengan bayaran berjumlah RM221.7 juta. Jumlah pengisytiharan dan pembayaran dividen bagi tahun 2011 dan 2012 ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah:

KEBANKRAPAN	2011	2012
Bilangan Pengisytiharan Dividen	13,145	15,010
Bilangan Pembayaran Dividen	7,224	9,458
Jumlah Pengagihan Dividen (RM) JUTA	148.7	175.9
LIKUIDASI	2011	2012
Bilangan Pengisytiharan Dividen	106	398
Bilangan Pembayaran Dividen	304	901
Jumlah Pengagihan Dividen (RM) JUTA	31.5	45.8

Jadual 6: Pengisytiharan Dan Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2011 dan 2012

Penghasilan Aset

Faktor penting yang menyumbang kepada pengisytiharan dividen kepada pemiutang dapat disegerakan merupakan prestasi penzahiran dan penghasilan aset. Sepanjang tahun 2012 Mdl telah berjaya menzahirkan aset yang diperolehi daripada 169 kes kebangkrutan serta kes syarikat yang digulungkan dengan jumlah penghasilan keseluruhan sebanyak RM12.5 juta. Maklumat mengenai penghasilan aset bagi tahun 2012 ditunjukkan dalam Jadual 7 seperti di bawah:

Jenis Aset Yang Dihakikan Sepanjang Tahun 2012	Bil Kes	Harga Jualan (RM)
Aset Tetap/ Hartanah	43	10,527,972
Aset Alih	126	2,002,526
Jumlah	169	12,530,498

Jadual 7: Penghasilan Aset Kebankrutan dan Syarikat Bagi Tahun 2012

PENYELESAIAN KES INSOLVENSII

A. KEBANKRAPAN

Terdapat 3 jenis kaedah penyelesaian kebangkrutan yang ditetapkan dalam Akta Kebankrutan 1967 iaitu:

- (a) Pembatalan melalui mahkamah (Seksyen 105);
- (b) Pelepasan melalui mahkamah (Seksyen 33); dan
- (c) Pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (Seksyen 33A).

Pada tahun 2012 sebanyak 17,175 kes pelepasan kebangkrutan telah diselesaikan melalui ketiga-tiga kaedah di atas. Jumlah penyelesaian kes pada tahun 2012 meningkat pada kadar 56.7 peratus berbanding tahun 2011. Pencapaian prestasi penyelesaian kes kebangkrutan bagi tahun 2011 dan 2012 ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah:


KATEGORI PENYELESAIAN	2011	2012	JUMLAH
Pembatalan Mahkamah (S105)	2,039	2,279	4,318
Pelepasan Melalui Mahkamah (S33)	438	360	798
Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (S33A)	8,485	14,536	23,021
Jumlah Keseluruhan	10,962	17,175	28,137

Jadual 8: Jumlah Pelepasan Bankrap Mengikut Kategori Pada Tahun 2011 dan 2012

Sijil Perakuan Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi merupakan faktor utama pencapaian ketara penyelesaian kes kebangkrutan bagi tahun 2012. Sebanyak 14,536 individu bankrap telah dilepaskan melalui kaedah tersebut. Pencapaian ini disebabkan oleh usaha-usaha yang ditunjukkan oleh Mdl termasuk mengadakan projek *bankruptcy clearance* dan projek *new leaf for social guarantor*. Selain itu Mdl juga telah menjalankan 33 naziran di cawangan Mdl.

B. PENGGULUNGAN SYARIKAT


Pada tahun 2012, Mdl meneruskan dua projek bagi menyelesaikan kes-kes penggulungan syarikat iaitu, Projek *Monthly Performance Report (MPR)* dan *Aged Files (AF)* yang telah dimulakan semenjak tahun 2010. Melalui pelaksanaan projek tersebut, Mdl berjaya menyelesaikan 3,858 kes bagi tempoh 2010 hingga 2012 yang ditunjukkan dalam rajah 5 di bawah:



Rajah 5 : Pencapaian Penyelesaian Kes Penggulungan Syarikat Dari Tahun 2008 Hingga 2012

C. PERTUBUHAN DAN KESATUAN SEKERJA YANG DIBATALKAN PENDAFTARAN

Pada tahun 2012, penyelesaian kes pertubuhan yang dibatalkan pendaftarannya mencatatkan penurunan pada kadar 35.5 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2011. Bagi penyelesaian kes kesatuan sekerja juga mencatatkan penurunan pada kadar 10.1 peratus berbanding dengan tahun 2011. Ini adalah kerana fokus diberikan kepada kes-kes penggulungan syarikat. Rajah 6 di bawah menunjukkan maklumat mengenai kadar penyelesaian kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya dari tahun 2008 hingga 2012.



Rajah 6 : Pencapaian Penyelesaian Kes Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja Dari Tahun 2008 Hingga 2012

Prestasi Hasil Mdl


Mdl telah berjaya memperoleh kutipan hasil sebanyak RM47.5 juta bagi tahun 2012 berbanding RM46.5 juta pada tahun 2011. Pencapaian kutipan hasil bagi tahun 2012 meningkat pada kadar 2.0 peratus jika dibandingkan dengan kutipan hasil pada tahun 2011. Pecahan kutipan hasil Mdl yang diperoleh bagi tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti Jadual 9 di bawah:

JENIS HASIL	KUTIPAN	KUTIPAN	PERBEZAAN	PENCAPAIAN
	TAHUN 2011 (RM)	TAHUN 2012 (RM)	(RM)	(%)
CARIAN	14,231,240	13,837,260	(393,980)	97.23
FI PENGHASILAN DAN FI PEMBAHAGIAN	30,209,641	31,577,155	1,367,514	104.53
BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN	2,104,232	2,095,874	(8,358)	99.60
JUMLAH (JUTA)	46,545,113	47,510,289	965,176	102.07

Jadual 9: Pecahan Kutipan Hasil Mdl Yang Diperoleh Bagi Tahun 2011 Dan 2012

Hasil Carian Mdl pada tahun 2012 telah menurun pada kadar 2.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti bagi hasil carian tidak dapat dikawal oleh Jabatan untuk menentukan kenaikan atau penurunan kutipan hasil berkenaan. Bagaimanapun pihak Jabatan sentiasa aktif menjalankan aktiviti promosi bagi mendedahkan kepada umum untuk mengenali fungsi dan perkhidmatan di Mdl. Daripada jumlah kutipan ini, carian e-Insolvensi telah menyumbang pada kadar 96.7 peratus berbanding carian melalui kaunter iaitu 3.3 peratus .

Kutipan hasil Fi Penghasilan dan Pembahagian telah meningkat pada kadar 4.5 peratus. Faktor utama kenaikan ini disebabkan jumlah pembayaran dividen yang meningkat pada kadar 23.3 peratus iaitu RM41.5 juta berbanding tahun 2011 (rujuk Jadual 6: Pengisytiharan Dan Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2011 dan 2012). Kutipan hasil bagi bayaran perkhidmatan yang lain pula menunjukkan penurunan yang kecil berbanding tahun 2011 iaitu pada kadar 0.4 peratus.




Rajah 7: Prestasi Kutipan Hasil Mdl Daripada Tahun 2008 Sehingga Tahun 2012

Rajah 7 di atas menunjukkan kutipan hasil Mdl bagi tempoh 2008 sehingga 2012. Kutipan hasil keseluruhan Mdl telah meningkat pada kadar 109.9 peratus bagi tahun 2012 berbanding tahun 2008. Hasil Carian meningkat pada kadar 20.4 peratus, manakala Fi penghasilan dan pembahagian telah menyumbang kenaikan tertinggi pada kadar 204.9 peratus dengan jumlah RM21.2 juta dan kutipan perkhidmatan lain meningkat pada kadar 165.6 peratus. Faktor utama yang menyumbang pencapaian kutipan hasil Mdl merupakan pelaksanaan aktiviti teras dengan serius oleh semua warga Mdl. Kenaikan pendapatan Mdl ini juga menunjukkan Jabatan telah merealisasikan Program Tranformasi Organisasi (OTP) mulai tahun 2009 sehingga kini dengan berkesan.

Pematuhan Piagam Pelanggan

Salah satu pengukuran prestasi utama yang dapat menyumbang kepada kecekapan Mdl dalam mentadbir kes insolvensi ialah pematuhan piagam pelanggan. Pada tahun 2012 Mdl berjaya mencapai 98.8 peratus kadar pematuhan piagam pelanggan. Prestasi pematuhan piagam pelanggan sepanjang tahun 2012 ditunjukkan seperti Rajah 8 di bawah:



Rajah 8: Prestasi Pematuhan Piagam Pelanggan Bagi Tahun 2012

MEMPERTINGKATKAN PEMATUHAN BANKRAP DAN SYARIKAT DI BAWAH PERUNDANGAN INSOLVENSI

A. PENGENDALIAN KES DI MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2012, Mdl telah mengendalikan sebanyak 353 kes secara keseluruhannya. Daripada jumlah tersebut, 15 kes merupakan kes-kes yang dikendalikan di peringkat Mahkamah Persekutuan, 293 kes lagi di peringkat Mahkamah Rayuan manakala baki 45 kes lagi merupakan kes-kes yang dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Perusahaan.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah 220 kes telah selesai. Jadual 10 menunjukkan jumlah pengendalian dan penyelesaian kes mengikut mahkamah bagi tahun 2012.

Peringkat Mahkamah	Jumlah Kes Dikendalikan	Jumlah Kes Selesai
Mahkamah Persekutuan	15	9
Mahkamah Rayuan	293	184
Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Perusahaan	45	27
Keseluruhan	353	220

Jadual 10: Jumlah Pengendalian dan Penyelesaian Kes Mengikut Peringkat Mahkamah

B. PENYEDIAAN PANDANGAN UNDANG-UNDANG (PUU) BERTULIS DAN LISAN

Sepanjang tahun 2012, Bahagian Perundangan Mdl telah menerima 365 kes, sebanyak 323 kuiru telah selesai di mana 158 pandangan undang-undang secara bertulis berjaya disediakan dan 165 pandangan undang-undang secara lisan telah diberikan. Jumlah PUU yang diterima dan selesai ditunjuk dalam Jadual 11 di bawah:

	PUU Diterima	PUU Selesai
PUU Bertulis	200	158
PUU Lisan	165	165
Keseluruhan	365	323

Jadual 11: Jumlah Penerimaan dan Penyelesaian Kuiru

C. KOMENTAR PERUNDANGAN


Satu Komentari Perundangan Insolvensi telah dikeluarkan pada 6 Disember 2012 bertujuan memaklumkan kepada warga Mdl isu-isu yang telah diputuskan oleh Mahkamah serta impaknya kepada pentadbiran Mdl. Komentari tersebut dikeluarkan berhubung 1 kes di Mahkamah Rayuan antara Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia (KPI) lawan Dwitasik Sdn. Bhd (Responden).

Responden merupakan salah seorang pemiutang yang memfailkan tuntutannya terhadap seorang bankrap. Seterusnya Responden tidak berpuas hati dengan tindakan KPI menolak Borang Bukti Hutang (POD). POD 2 yang difailkan olehnya. Ekoran itu, pada 29.11.2004, Responden yang tidak puas hati dengan keputusan KPI menolak POD 2 memfailkan Writ Saman terhadap KPI.

Pada 15.1.2010, Mahkamah Tinggi telah membenarkan tuntutan Responden bagi jumlah sebanyak RM890,650.56 bersama dengan faedah. Walaubagaimanapun, tuntutan Responden bagi gantirugi dan gantirugi teladan ditolak.

Seterusnya, pada 10.2.2010 KPI telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan dengan mempertikaikan isu-isu seperti berikut:

- (a) sama ada mahkamah mengetepikan POD 1 berdasarkan alasan teknikal atau merit POD 1 telah ditolak oleh mahkamah berdasarkan merit dan bukannya atas alasan teknikal. Jadi, Responden sepatutnya memfailkan rayuan terhadap keputusan mahkamah menolak POD 1 ke Mahkamah Rayuan dan bukannya memfailkan POD 2 yang baru kepada KPI;
- (b) sama ada Responden betul dalam memfailkan POD 2 dan sama ada KPI mempunyai tugas statutori untuk memeriksa dan menerima POD 2 KPI tiada tugas statutori untuk memeriksa POD 2 kerana POD 2 salah di sisi undang-undang;
- (c) sama ada KPI mempunyai tugas untuk memfailkan rayuan terhadap perintah pembatalan PP&PP dan memaklumkan Responden tentang permohonan Bankrap untuk membatalkan PP&PP atau keputusan KPI untuk melepaskan baki wang dalam estet kepada Bankrap KPI tiada tugas statutori untuk memaklumkan Responden tentang permohonan Bankrap untuk membatalkan PP&PP kerana Responden bukan salah seorang pemiutang yang membuktikan hutangnya dalam estet kebangkrapan Bankrap;
- (d) sama ada Responden layak untuk menerima ganti rugi; dan Responden sepatutnya merayu terhadap perintah pembatalan PP&PP jika tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah membatalkan PP&PP
- (e) sama ada tuntutan balas Responden patut dibenarkan Responden sepatutnya merayu terhadap perintah pembatalan PP&PP jika tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah membatalkan PP&PP
- (f) Responden gagal untuk mengemukakan sebarang bukti berkenaan kewujudan kecuaiian atau kelakuan secara '*mala fide*' di pihak KPI membuktikan hutangnya dalam estet kebangkrapan Bankrap;




Responden telah menjawab kepada isu yang dipertikaikan oleh KPI seperti berikut:

- (a) POD 1 tidak diketepikan berdasarkan merit tetapi berdasarkan isu teknikal;
- (b) POD 2 yang difailkan adalah betul di bawah undang-undang;
- (c) KPI telah melanggar tugas statutori dengan gagal untuk memeriksa POD 2;
- (d) KPI telah melanggar tugas statutori kerana gagal untuk memaklumkan Responden tentang permohonan pembatalan PP&PP oleh Bankrap dan niat KPI untuk melepaskan baki wang dalam estet kepada Bankrap; dan
- (e) Terdapat kecuaiian dan niat 'mala fide' di pihak KPI dalam melanggar tugas statutori sehingga menyebabkan kerugian kepada Responden.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan membenarkan permohonan KPI dengan kos sebanyak RM 10,000.00 dan tuntutan balas Responden di tolak atas alasan:

- (a) Penolakan POD 2 oleh KPI tidak memberikan apa-apa kesan kerana PP & PP telah dibatalkan pada 20.7.2004 dan meletakkan pihak-pihak seolah-olah tiada perintah kebangkrapan;
- (b) Obligasi KPI untuk melaporkan kepada mahkamah tentang kewujudan POD 2 semasa pendengaran pembatalan PP&PP tidak dinyatakan secara nyata dalam Akta 360. Ia merupakan satu obligasi secara tidak langsung. Sekiranya ia dinyatakan secara langsung sekalipun, apa-apa ketidakpatuhan kaedah tidak akan menjadikan prosiding tersebut tidak sah atau terbatal di bawah Kaedah 274 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 ("Kaedah-Kaedah Kebankrapan").
- (c) Responden sepatutnya membuat permohonan mencelah (*intervene*) atau meminda perintah pembatalan PP&PP supaya Bankrap membayar balik RM886,638.55 kepada KPI memandangkan prosiding tersebut masih boleh diketepikan secara keseluruhan atau sebahagian atau dipinda atau dikendalikan secara lain;
- (d) Responden gagal berbuat demikian dan telah memfailkan saman ini terhadap KPI untuk mendapatkan jumlah terhutang oleh Bankrap bersama dengan ganti rugi. Responden dianggap menerima perintah pembatalan PP&PP memandangkan Responden gagal untuk menggunakan cara yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk mencelah bagi mengetepikan atau meminda terma-terma perintah pembatalan PP&PP;
- (e) Walaupun perintah pembatalan PP&PP diberikan dan KPI tidak memaklumkan mahkamah tentang kewujudan POD 2, Responden tidak boleh menuntut terhadap KPI kerana Responden telah menerima perintah pembatalan dan bertanggungjawab atas kegagalan untuk membuktikan kerugiannya.



Berdasarkan keputusan kes tersebut, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan dijadikan sebagai pengajaran untuk dijadikan sebagai iktibar;

- (a) KPI hendaklah tidak membuat sebarang keputusan berkenaan pentadbiran kebangkrapan sekiranya apa-apa perkara yang perlu dibuat atau diputuskan sedang menjadi perkara pertikaian di mahkamah. Ini kerana keputusan KPI mungkin boleh menyebabkan prejudis kepada pihak-pihak dalam pertikaian.
- (b) KPI telah diberikan kuasa dan tanggungjawab untuk memeriksa dan memperakukan POD yang difailkan oleh pemiutang. Jadi, apabila KPI memperakukan sesuatu POD, KPI perlu berhati-hati dan membuat kiraan hutang secara betul. Setelah memperakukan hutang, KPI perlu yakin dengan keputusan KPI dan seharusnya mampu untuk menjelaskan justifikasi kepada mahkamah atau pihak berkepentingan tentang keputusan KPI.
- (c) Cawangan pula hendaklah memastikan setiap POD yang difailkan oleh pemiutang dimasukkan ke dalam fail dengan serta merta dan Pegawai Insolvensi yang ditugaskan hendaklah memperakukan POD dalam tempoh yang ditetapkan. Setelah diperakukan, notis yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada pemiutang yang telah memfailkan POD.
- (d) Seterusnya, apa sahaja laporan yang disediakan oleh KPI kepada mahkamah tidak boleh secara spesifik terhad kepada permohonan tersebut sahaja, malahan perlu melaporkan secara keseluruhannya supaya Mahkamah dapat membuat keputusan dengan betul. Ini kerana KPI sahaja mempunyai akses dan pengetahuan sepenuhnya berkenaan kes kebangkrapan yang ditadbir. Jika perkara material tidak dilaporkan, keputusan mahkamah mungkin akan memprejudiskan pihak lain yang berkepentingan.
- (e) Pegawai Insolvensi hendaklah sentiasa memastikan semua surat atau dokumen yang diterima dimasukkan dan dikandungkan dalam fail sebaik sahaja diterima supaya tidak tercacir atau terlepas pandang.

D. PERMOHONAN BANKRAP UNTUK MENDAPATKAN KEBENARAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI TERHADAP SEKATAN YANG DIKENAKAN

Ketua Pengarah Insolvensi diberi kuasa budi bicara di bawah Akta Kebankrapan 1967 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan untuk memberi pelepasan kepada bankrap melepasi sekatan yang dikenakan. Sekatan yang dikenakan adalah sekatan ke luar negara, sekatan menjalankan perniagaan atau menjadi pengarah syarikat, sekatan bekerja di syarikat milik keluarga dan sekatan meneruskan tindakan di Mahkamah (Sanksi KPI). Pada tahun 2012, MdI telah menerima sebanyak 9,193 permohonan berbanding 8,290 pada tahun 2011, iaitu meningkat pada kadar 10.89 peratus. Maklumat mengenai jenis dan jumlah permohonan berdasarkan kategori sekatan ditunjukkan dalam Jadual 12 di bawah:

BIL	JENIS PERMOHONAN	2011	2012	JUMLAH
1	Permohonan Bankrap Ke luar Negara	7,106	8,245	15,351
2	Permohonan Bankrap Untuk Menjalankan Perniagaan Atau Menjadi Pengarah Syarikat	545	435	980
3	Permohonan Bankrap Untuk Bekerja Di Syarikat Milik Keluarga	484	299	783
4	Permohonan Bankrap untuk meneruskan tindakan di mahkamah (Sanksi KPI)	155	214	369
JUMLAH KESELURUHAN		8,290	9,193	17,491

Jadual 12: Jenis Permohonan Bankrap Untuk Mendapatkan Kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi Terhadap Sekatan Yang Dikenakan Bagi Tahun 2011 Dan 2012


Maklumat mengenai permohonan tersebut diterangkan secara terperinci seperti yang berikut:

a. Permohonan Bankrap Untuk Ke Luar Negara

Pada tahun 2012, Mdl telah menerima sebanyak 8,245 permohonan bankrap untuk ke luar Negara. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 16 peratus berbanding tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, 5,711 merupakan permohonan bagi tujuan untuk bekerja. Kebenaran yang diberikan dapat membantu bankrap menjana pendapatan untuk kesejahteraan hidup dan sekaligus dapat memberi sumbangan dan pendapatan terhadap peningkatan jumlah aset kebangkrutan beliau. Jumlah dan tujuan permohonan bankrap ke luar Negara bagi tahun 2011 dan 2012 dinyatakan seperti Jadual 13 di bawah:

TUJUAN BANKRAP KE LUAR NEGARA	2011	2012	JUMLAH
BEKERJA	4,446	5,711	10,157
KEAGAMAAN	343	182	525
UMRAH	319	508	827
RAWATAN PERUBATAN	239	209	448
HAJI	152	117	269
MENEMANI ISTERI/SUAMI	83	123	206
ZIARAH ATAS SEBAB SAKIT/KEMATIAN	66	129	195
PERKAHWINAN	192	138	330
MELAWAT ANAK	173	188	361
MELAWAT KELUARGA	289	251	540
LAWATAN	91	51	142
KURSUS / SEMINAR / PAMERAN / LATIHAN	131	103	234
URUSAN PERIBADI	122	93	215
URUSAN KELUARGA	153	161	314
KONVOKESYEN	73	57	130
TINGGAL DI LUAR NEGARA	93	110	203
LAIN-LAIN	72	57	129
TEMUDUGA	27	10	37
MELANCONG	25	14	39
RAKYAT ASING/ PULANG NEGARA ASAL	14	30	44
MISI NEGARA	3	3	6
JUMLAH	7,106	8,245	15,351

Jadual 13: Jumlah Dan Tujuan Permohonan Keluar Negara Mengikut Tujuan Permohonan



Bagi memudahkan proses kelulusan, bankrap yang ingin membuat permohonan ke luar negara dikehendaki mengemukakan surat permohonan serta dokumen lengkap sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh ke luar negara. Mdl akan memproses permohonan yang diterima dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

Walau bagaimanapun, bukan semua permohonan yang diterima akan diluluskan. Antara alasan-alasan penolakan adalah seperti berikut:

- (i) Lawatan bertujuan sosial / melancong yang tidak mendatangkan faedah kepada estet kebangkrapan;
- (ii) Alasan ke luar Negara yang berulang kali;
- (iii) Kurang memberikan kerjasama apabila gagal memastikan bayaran ansuran bulanan yang kemaskini;
- (iv) Tujuan keagamaan lebih daripada sekali;
- (v) Terdapat tunggakan dalam bayaran ansuran bulanan yang telah ditetapkan;
- (vi) Tiada kerjasama daripada bankrap sepanjang pentadbiran kes; dan
- (vii) Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan seperti yang diminta.

b. Permohonan Untuk Menjalankan Perniagaan Atau Menjadi Pengarah Syarikat

Pada tahun 2012 Mdl telah menerima sebanyak 435 permohonan untuk menjalankan perniagaan atau menjadi Pengarah Syarikat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 427 permohonan yang diterima telah diluluskan dan 8 permohonan bankrap telah ditolak dengan alasan-alasan seperti berikut:

- (i) Di luar bidang kuasa KPI sebagai contoh permohonan untuk memegang jawatan dalam pertubuhan;
- (ii) Bankrap mempunyai tunggakan ansuran bulanan yang tinggi;
- (iii) Dokumen permohonan yang dikemukakan tidak lengkap;
- (iv) Tiada kerjasama dari bankrap terutamanya bankrap yang tidak mematuhi syarat kelulusan yang lepas; dan
- (v) Terdapat kes bankrap yang sedang dalam siasatan Mdl.

c. Permohonan Untuk Bekerja di Syarikat Milik Keluarga

Pada tahun 2012 sebanyak 299 permohonan bankrap untuk bekerja dengan syarikat milik keluarga telah diterima. Permohonan tersebut merangkumi permohonan daripada bankrap yang memohon untuk bekerja dengan pasangan, ibu bapa, adik-beradik, menantu, saudara-mara dan anak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 298 permohonan telah diluluskan dan hanya satu permohonan sahaja telah ditolak.

d. Permohonan Bankrap Untuk Meneruskan Tindakan Mahkamah (Sanksi)

Mdl telah menerima sebanyak 214 permohonan daripada bankrap untuk meneruskan tindakan di Mahkamah. Dalam membuat pertimbangan mengenai permohonan ini, KPI perlu mempertimbangkan sama ada tindakan mahkamah yang ingin diteruskan atau disenggarakan oleh bankrap mempunyai merit dan akan memberikan faedah kepada estet bankrap. Rasional kelulusan ini diperlukan ialah supaya bankrap tidak akan menanggung bebanan yang tinggi sekiranya prosiding tersebut tidak memihak kepada bankrap dan juga supaya tiada sebarang kos yang akan ditanggung oleh KPI selaku pentadbir hal ehwal bankrap. Daripada jumlah permohonan tersebut hanya 206 permohonan diluluskan dan 8 permohonan lagi telah ditolak kerana:

- (i) Terdapat prosiding yang tidak memerlukan kebenaran daripada KPI seperti kes syariah;
- (ii) Kes tiada merit; dan
- (iii) Dokumen permohonan tidak lengkap

e. Lain-lain Permohonan

Selain daripada permohonan di atas, Mdl turut menerima lain-lain permohonan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 14 di bawah:

PERMOHONAN UNTUK :	JUMLAH PERMOHONAN	DILULUSKAN	DITOLAK
Membuka akaun ASB	19	14	5
Pengeluaran wang KWSP	138	131	7
Membuka akaun simpanan	46	24	21
Pengeluaran wang estet	106	58	48
Pengeluaran wang tabung haji	8	6	2
Mengurangkan kos dan fi kpi	15	4	11
Mengaktifkan akaun	15	7	8
Mengurangkan ansuran bulanan	20	3	17
Insurans / Perkeso	40	32	8
Wang Ganjaran	10	8	2
Rayuan	40	7	33
Buka / Aktif Akaun Tabung Haji	17	15	2
Lain-lain	14	5	10
JUMLAH	488	314	174

Jadual 14: Permohonan Lain Yang Diterima Oleh Mdl Pada Tahun 2012

MENYIASAT DAN MENDAKWA KESALAHAN DI BAWAH AKTA KEBANKRAPAN/ PERUNDANGAN INSOLVENSI

Mdl bertanggungjawab untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem pentadbiran insolvency di Malaysia. Sehubungan itu Mdl akan menyiasat dan mendakwa kesalahan-kesalahan yang berkaitan di bawah undang-undang Insolvency khususnya di bawah Akta Kebankrapan 1967.

Strategi-strategi berikut digunakan untuk memastikan kelancaran Mdl untuk menyiasat dan mendakwa kesalahan-kesalahan yang berkaitan di bawah undang-undang insolvency khususnya di bawah Akta Kebankrapan 1967 seperti berikut:

- (a) Menenal pasti dan menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan mana-mana perundangan insolvency yang terlibat;
- (b) Merampas dan menyita aset bankrap dan syarikat;
- (c) Menjalankan pendakwaan terhadap pesalah bankrap di mahkamah;
- (d) Mengadakan kerjasama dengan agensi penguatkuasa;
- (e) Memberi penekanan kepada "*high risk insolvency cases*"; dan
- (f) Kesedaran awam tentang undang-undang insolvency.


A. SIASATAN

Kertas Siasatan Baharu Yang Dibuka Dan Siasatan Yang Selesai

Dalam tahun 2012, sejumlah 561 kertas siasatan baru telah dibuka dan disiasat atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 353 kertas siasatan telah disiasat dan diselesaikan. Ini menunjukkan penurunan pada kadar 1.9 peratus bagi kertas siasatan yang dibuka berbanding tahun 2011 iaitu sebanyak 572 kes. Ini disebabkan oleh kesedaran bankrap untuk datang ke pejabat untuk bekerjasama dalam pentadbiran kebangkrutan. Pecahan mengikut bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat dan selesai bagi tahun 2011 dan 2012 ditunjukkan dalam Jadual 15 dan Rajah 9 seperti di bawah:

Bil	Seksyen	Butir-butir kesalahan	2011		2012	
			IP Buka	IP Selesai	IP Buka	IP Selesai
1	S.16 AK 1967	Gagal Fail PHE	117	139	66	24
2	S.38 AK 1967	Komitral	101	105	40	8
3	S.91 (2) AK 1967	Tunggakan Ansuran Bulanan	302	448	431	319
4	S.109 AK 1967	Fraud	52	23	23	2
5	S. 115 AK 1967	Fraud (Pemiutang)	-	-	1	-
JUMLAH			572	715	561	353

Jadual 15: Pecahan Mengikut Bilangan Kes Dan Jenis Kesalahan Yang Disiasat Dan Selesai Bagi Tahun 2011 Dan 2012



Rajah 9: Perbandingan IP Buka & IP Tutup Tahun 2011-2012

Jadual 16 di atas menunjukkan senarai aset/harta yang telah dirampas/disita bagi tahun 2011 dan 2012. Harta/aset yang dirampas/disita adalah pelbagai jenis meliputi aset alih/tidak alih, haiwan ternakan, bahan makanan mentah dan lain-lain.

NO	CAWANGAN Mdi	HARTA YANG DIRAMPAS/ DISITA BAGI TUJUAN PENGHASILAN	
		2011	2012
1.	Sibu	1 kereta	4 buah kereta
		2 motorsikal	2 buah motorsikal
2.	Ipoh	2 jip (termasuk 4x4)	3 buah kereta
		2 kereta	
		1 motorsikal	
		8 lori (Termasuk <i>forklift</i> dan <i>crewcab</i>)	
		7 kontena	
		4 Hartanah(Termasuk ladang dan Lot kediaman persendirian)	
		RM 49,666.38 wang simpanan dalam akaun bank	
		44 tangki serbaguna	

NO	CAWANGAN MdI	HARTA YANG DIRAMPAS/ DISITA BAGI TUJUAN PENGHASILAN	
		2011	2012
		85 barangan kilang	
3.	Terengganu	4 buah kereta	4 buah kereta 2 buah motorsikal 1 buah lori 4 buah kontena
4.	Muar	1 buah kereta	3 buah kereta 1 kali rampasan perabot-perabot syarikat 1 buah motorsikal
5.	Kota Kinabalu	2 buah kereta	1 kali rampasan alat-alat ganti kenderaan 1 kali rampasan perabot syarikat 2 buah bas 1 buah kereta
6.	Tawau	3 buah jip 2 buah lori 30 mesin kilang 2,981 kg ikan Kayu kayan pelbagai saiz	2 buah kereta
7.	Johor Bharu	-	3 buah kereta
8.	Melaka	5 kereta 1 jip (Perodua Kembara) 2 van 2 motorsikal 3 lori (termasuk lori rigid dan traktor <i>Excavator</i>)	1 buah kereta
9.	Sandakan	4 buah kereta 2 buah motorsikal	1 buah kereta
10.	Kuching	1 kereta 1 jip (Perodua Kembara)	1 buah kereta
11.	Kelantan	1 kereta 1 enjin kereta	1 buah lori
12.	Pulau Pinang	1 kereta 115 kelengkapan perabot	1 kali rampasan barang- barang percetakan elektronik
13.	Selangor	4 kereta 1 motorsikal (skuter) 309 kelengkapan pejabat	1 buah van

NO	CAWANGAN MdI	HARTA YANG DIRAMPAS/ DISITA BAGI TUJUAN PENGHASILAN	
		2011	2012
14.	WPKL	263 kambing	1 buah kereta
		86 lembu	
15.	Kuantan	6 kereta	1 buah kereta
		1 lori (Lori rigid kargo)	
		1 van	
		1 motorsikal	
		30 kelengkapan pejabat	
16.	Temerloh	1 buah kereta	-
17.	Kedah	1 buah kereta	-

Jadual 16: Jumlah Harta Yang Dirampas/Disita Bagi Tujuan Penghasilan Mengikut Cawangan.

B. PENDAKWAAN

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 204 kes telah didakwa di mahkamah berbanding 66 kes pada tahun sebelumnya dan angka ini menunjukkan peningkatan pada kadar 209 peratus jumlah pendakwaan pada tahun 2012. Kes-kes yang difailkan di mahkamah ini melibatkan beberapa kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967.

Sementara itu sejumlah 424 kes komital telah dibicarakan pada tahun 2012 berbanding 939 kes yang dibicarakan pada tahun 2011. Terdapat penurunan kes perbicaraan yang diputuskan di mahkamah iaitu sebanyak 178 kes bagi tahun 2012 berbanding 304 kes yang diputuskan di mahkamah pada tahun 2011. Statistik berkaitan pendakwaan Insolvensi dapat dilihat dalam Jadual 16 hingga Jadual 18 seperti di bawah:

BIL.	PERKARA JENIS KESALAHAN	TAHUN	
		2011	2012
1.	16(3) AKTA 360	17	55
2.	27(4) AKTA 360	-	1
3.	38(1)(b) AKTA 360	-	3
4.	38(1)(bb) AKTA 360	-	3

BIL.	PERKARA JENIS KESALAHAN	TAHUN	
		2011	2012
5.	38(1)(d) AKTA 360	-	5
6.	91(2) AKTA 360	49	137
JUMLAH		66	204

Jadual 17: Jumlah Kes Pendakwaan Yang Difaikkan Di Mahkamah Bagi Tahun 2011 Dan 2012

BIL	JENIS KESALAHAN	TAHUN	
		2011	2012
1.	16(3) Akta 360 - Bankrap gagal memfailkan Pernyataan Hal Ehwal	220	39
2.	91(2) Akta 360 - Bankrap ingkar mematuhi apa-apa perintah atau arahan yang diberi oleh Mahkamah atau Ketua Pengarah Insolvensi	708	385
3.	109(1)(f) Akta 360 - Secara fraud membuat apa-apa peninggalan material dalam mana-mana pernyataan berhubung dengan pernyataan hal-ehwalnya	-	-
4.	38(1)(b) Akta 360 - Gagal menyerahkan penyata 6 bulan pendapatan dan perbelanjaan kepada KPI	1	-
5.	38(1)(bb) Akta 360 - Bankrap tidak memaklumkan KPI tentang perubahan alamat rumah	1	-
6.	38(1)(c) Akta 360 - Bankrap tidak boleh keluar negara tanpa kebenaran Mahkamah atau KPI	3	-

BIL	JENIS KESALAHAN	TAHUN	
		2011	2012
7.	38(1)(d) Akta 360 - Bankrap menjalankan perniagaan atau menjadi pengarah mana-mana syarikat atau secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian dalam pengurusan mana-mana syarikat	6	-
8.	38(1)(e) Akta 360 - Bankrap bertugas dalam pengurusan mana-mana perniagaan yang dijalankan oleh ahli keluarga Bankrap	-	-
9.	27(4) Akta 360 - Bankrap gagal menyerahkan milikan mana-mana bahagian hartanya kepada KPI	-	-
10.	56 Akta 360 - Permohonan penyitaan harta Sibankrap	-	-
JUMLAH		939	424

Jadual 18: Jumlah Perbicaraan Kes Komital Bagi Bagi Tahun 2011 Hingga 2012

BIL.	SEKSYEN	KEPUTUSAN MAHKAMAH	TAHUN	
			2011	2012
1.	91(2) Akta 360	Amaran	110	44
		Tarik Balik	18	11
		Batal	126	16
		Denda	13	8
		Perintah Bayar	-	71
		Penjara	10	3

BIL.	SEKSYEN	KEPUTUSAN MAHKAMAH	TAHUN	
			2011	2012
2.	16(3) Akta 360	Penjara	2	-
		Amaran	9	16
		Tarik Balik	5	-
		Denda	6	6
		Batal		2
3.	38(1)(b) Akta 360	Penjara	2	-
4.	38(1)(b) Akta 360	Batal	-	1
5.	38(1)(d) Akta 360	Denda	1	-
		Batal	2	-
		JUMLAH	304	178

Jadual 19: Statistik Kes Perbicaraan Yang Telah Diputuskan Bagi Tahun 2011 Hingga 2012



PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG YANG MENYOKONG KEPERLUAN PERSEKITARAN EKONOMI DAN PERNIAGAAN

A. KEDUDUKAN MALAYSIA BAGI KATEGORI 'RESOLVING INSOLVENCY' DALAM LAPORAN BANK DUNIA 2012

Laporan "DOING BUSINESS 2012" (DB 2012) telah diterbitkan pada bulan Oktober 2012 oleh Bank Dunia. Malaysia berada pada kedudukan 49 daripada 185 negara. Dalam laporan tersebut, 10 indikator telah ditetapkan sebagai kayu pengukur untuk menilai kedudukan sesebuah negara iaitu:

- (a) Mendapatkan Pinjaman;
- (b) Pelindungan ke atas pelabur;
- (c) Pembayaran Cukai;
- (d) Perdagangan Rentas Sempadan;
- (e) Penyelesaian Insolvensi;
- (f) Penguatkuasaan Kontrak;
- (g) Pendaftaran hartanah;
- (h) Memulakan Perniagaan; dan
- (i) Urusan Permit Pembinaan.

Sejak tahun 2010 Mdl telah dilantik sebagai *focal point* dalam memastikan kedudukan Malaysia bagi kategori penyelesaian insolvensi diperbaiki kedudukannya. Mdl dengan kerjasama yang padu dengan: Kumpulan Petugas Utama bagi Kategori Penyelesaian Insolvensi (yang ditubuhkan oleh PEMUDAH); Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); pengamal insolvensi di Malaysia seperti E&Y, BDO; Mahkamah; firma peguam, dan Majlis Peguam telah berusaha dengan gigih dalam usaha meningkatkan kedudukan Malaysia. Hasil kerjasama dinamik yang dilaksanakan sepanjang suku tahun pertama dan kedua 2011, kedudukan Malaysia telah melonjak dari tangga 55 pada tahun 2011 ke tangga 47 daripada 183 pada tahun 2012. Secara relatifnya Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan walaupun berada pada tangga ke 49 berdasarkan pertambahan bilangan negara yang dinilai.


B. PENYERTAAN DALAM PROGRAM ANTARABANGSA

Penyertaan dalam program antarabangsa merupakan salah satu agenda Mdl. Sebagai agensi utama yang mentadbir hal ehwal insolvensi yang sedang dalam proses memantapkan lagi perundangan sedia ada agar sama taraf dengan piawaian dan amalan baik insolvensi di peringkat antarabangsa, Mdl telah menggiatkan diri dan menjalinkan hubungan rapat dengan pengamal insolvensi di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini penting untuk Mdl terus mempelajari dengan mengambil iktibar daripada pengalaman dan kepakaran Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan para pengamal insolvensi antarabangsa lain terutamanya apabila amalan insolvensi rentas sempadan telah dibangunkan sepenuhnya dan diamalkan secara meluas di Negara luar.

Sepanjang tahun 2012, Mdl telah menyertai 2 mesyuarat dan program antarabangsa mengenai insolvensi dan program lain di luar Negara yang secara tidak langsung telah memberikan impak terhadap imej jabatan. Maklumat mengenai penglibatan dan aktiviti Mdl bersama pengamal insolvensi antarabangsa dijelaskan seperti berikut:

Persidangan GOV CFO Summit, pada 12-13 Julai 2012 di Chiang Mai, Thailand

Pada tahun 2012, Mdl telah dipilih untuk menghadiri Persidangan GOV CFO Summit 2012 pada 12 dan 13 Julai 2012 bertempat di Shang Ri La Hotel, Chiang Mai, Thailand. Persidangan ini dianjurkan oleh



Future Gov Asia Pacific Magazine yang merupakan majalah yang melaporkan aktiviti pemodenan sektor awam di rantau asia. Puan Haini Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi (Operasi) telah menghadiri Persidangan ini. Persidangan ini menyentuh aspek-aspek pentadbiran yang berkesan dan efisien dalam bidang tadbir urus (*governance*), pengurusan belanjawan, perolehan dan pembahagian peruntukan dalam organisasi. Hasil daripada persidangan ini juga memberi peluang kepada Mdl untuk bertukar-tukar pendapat dan mempeleajari pengurusan kewangan yang berkesan dengan pakar-pakar kewangan dari seluruh dunia. Sesi persidangan GovCFO 2012 ini membincangkan isu-isu semasa dalam pengurusan pentadbiran sektor awam seperti berikut:

- (i) *Identifying and cutting waste;*
- (ii) *Moving toward outcome based budgeting;*
- (iii) *Building a culture of excellence: Incentivizing and measuring government performance;*
- (iv) *Strategic financial planning: Supporting organisational agility;*
- (v) *Budgeting in a time of financial stress;*
- (vi) *Operational excellence: Benchmarking against high performance Government;*
- (vii) *Best practice financial management information systems;*
- (viii) *Enterprise Risk and Compliance;*
- (ix) *Internal control, auditing and fraud prevention; dan*
- (x) *Government Governance: Building Internal Oversight and Control.*

Penyertaan Mdl ke Persidangan ini juga dilihat sangat sesuai dan bertepatan pada masanya kerana salah satu topik yang telah dibincangkan iaitu '*Moving Toward Outcome Based Budgeting*'. Kaedah *Outcome Based Budgeting (OBB)* ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh semua agensi kerajaan di Malaysia mulai daripada tahun 2014.

Mesyuarat ke-41 Kumpulan Kerja V (Undang-Undang Insolvensi) Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL) (New York, 30 April- 4 Mei 2012)

Mdl telah menghantar dua orang pegawai undang-undang sebagai ahli delegasi Malaysia dalam mesyuarat sesi ke-41 Kumpulan Kerja V Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Undang- Undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL) berhubung Undang-undang Insolvensi yang telah diadakan pada 30 April hingga 4 Mei 2012 di New York, Amerika Syarikat. Berikutan penerimaan "*Practice Guide on Cross-Border Insolvency Cooperation*" yang telah disiapkan oleh UNCITRAL, Kumpulan Kerja V telah diberi mandat baru oleh UNCITRAL untuk membangun dan menyediakan satu panduan tentang tajuk-tajuk baru insolvensi seperti berikut:

- (i) tafsiran dan penggunaan beberapa konsep terpilih dalam Panduan Perundangan mengenai Insolvensi Rentas Sempadan ("*UNCITRAL Model Law on Cross-Border Insolvency*") yang berkaitan pusat utama kepentingan ("*Centre of Main Interest*") (*COMI*);
- (ii) tanggungjawab dan tanggungan pengarah dalam kes-kes insolvensi dan pra-insolvensi; dan
- (iii) isu-isu kehakiman dalam Model Undang- Undang mengenai Insolvensi Rentas Sempadan UNCITRAL.

Peningkatan perdagangan dan pelaburan merentasi sempadan telah menunjukkan bahawa perniagaan kini dijalankan secara global. Ini telah membawa kepada banyak kes yang melibatkan syarikat yang mempunyai aset melebihi daripada satu Negara yang menjadi subjek kepada prosiding insolvensi. Keadaan ini memerlukan satu mekanisma kerjasama dan penyelarasan rentas sempadan untuk mengawasi serta mentadbir aset-aset syarikat yang terlibat dalam prosiding insolvensi ini. Usaha ini mampu menyelamatkan sesebuah syarikat yang menghadapi masalah kewangan. Penglibatan Mdl dalam mesyuarat ke-41 Kumpulan Kerja V (Kumpulan Insolvensi) UNCITRAL menandakan usaha berterusan Mdl yang menyokong penglibatan Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur perundangan moden yang berkesan dan mudah dalam bidang insolvensi bagi memastikan penamatan perniagaan dan penyusunan semula mekanisma perniagaan di Malaysia agar setaraf piawai antarabangsa.



PEMANTAUAN DAN PENGAWAL SELIAAN PELIKUIDASI YANG DILULUSKAN DENGAN CEKAP DAN BERKESAN

Dalam mengendalikan pentadbiran kes penggulungan syarikat Ketua Pengarah Insolvency menjalankan tugas sebagai Pegawai Penerima Malaysia (PPM). Tugas utama PPM ialah untuk mengawal selia pelikuidasi yang diluluskan (PYD). PYD merupakan pelikuidasi swasta yang dilantik dengan kebenaran Mahkamah untuk mentadbir kes penggulungan syarikat.

Bahagian Likuidasi Mdl berperanan sebagai pemantau kepada PYD. Strategi yang digunakan untuk memenuhi peranan ini adalah seperti berikut:

- (a) Memantau dan mengawal selia PYD yang mentadbir kes penggulungan syarikat mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965;
- (b) Memastikan PYD menjalankan tugas-tugas selaras dengan peruntukan undang-undang;
- (c) Memantau pemberian dan pembaharuan lesen PYD oleh Kementerian Kewangan; dan
- (d) Mengambil tindakan segera dan menjalankan siasatan terhadap PYD sekiranya aduan diterima.

A. PROGRAM PENGAWAL SELIAAN PENGAMAL INSOLVENSIS

Pada tahun 2011, sebanyak 22 aduan telah diterima dan 14 daripada aduan tersebut dapat diselesaikan. Bagi tahun 2012 pula sebanyak 12 aduan telah diterima dan 8 aduan berjaya diselesaikan. Jumlah Aduan Yang Diterima Terhadap PYD Pada Tahun 2011 Dan Tahun 2012 ditunjukkan dalam jadual 20 di bawah.

Pengukuran Prestasi	2011	2012
Bil Aduan yang diterima	22	20
Bil aduan yang selesai	14	8
Peratus penyelesaian aduan dalam masa 30 hari [standard 70%]	100	100

Jadual 20 : Jumlah Aduan Yang Diterima Terhadap PYD Pada Tahun 2011 Dan Tahun 2012

Aduan yang diterima	Peratus(%) aduan
Kelewatan dalam pentadbiran atau ketiadaan tindakan dalam memulihkan projek perumahan terbengkalai yang melibatkan pemaju perumahan yang digulungkan	20%
Kelewatan permohonan atau ketiadaan hak milik strata	35%
Salah laku, <i>conflict of interest</i> dan fi pentadbiran	45%

Jadual 21 : Jenis Aduan Yang Diterima Terhadap PYD Pada Tahun 2012

Bagi tahun 2012, sebanyak 14 aduan tidak dapat diselesaikan. Ini kerana kes-kes ini melibatkan strata, fi dan projek perumahan terbengkalai yang mana proses untuk penyelesaian memerlukan agensi-agensi lain untuk turut terlibat seperti Jabatan Perumahan Negara (JPN) Jabatan Tanah dan Galian, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Mahkamah. Walau bagaimanapun, Mdl akan terus berusaha untuk menyelesaikan isu-isu terbabit dengan memperbanyakkan kerjasama dengan agensi-agensi terlibat bagi tahun 2013 melalui Program Kerjasama Pintar. Jenis Aduan Yang Diterima Terhadap PYD Pada Tahun 2012 ditunjukkan seperti Jadual 21 di atas.

B. PEREKAYASAAN PENTADBIRAN LIKUIDASI

Mdl sentiasa memandang serius mengenai kecemerlangan operasi dalam mentadbir kes-kes likuidasi. Bagi memantapkan pentadbiran likuidasi, Mdl telah mengeluarkan lima Arahan Jabatan sepanjang tahun 2012 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 22 di bawah:

BIL.	ARAHAN-ARAHAN JABATAN YANG DIKELUARKAN	TARIKH DIKELUARKAN
1	Arahan Jabatan Bil.1/2012: <i>Projek Asset Management</i>	23/5/2012
2	Arahan Jabatan Bil.2/2012: <i>Aged Filed</i>	26/6/2012
3	Arahan Jabatan (Bahagian Likuidasi) Bil.1/2012 Per: <i>Project Comprehensive Insolvency Data</i>	26/6/2012
4	Arahan Jabatan (Bahagian Likuidasi) Bil.2/2012 Per: Format Untuk Borang Temubual Pengarah Syarikat/Setiausaha/Pegawai Syarikat	28/9/2012
5	Arahan Jabatan (Bahagian Likuidasi) Bil.3 /2012 Per: Penggunaan Borang Aduan Penerimaan/Penyerahan Aset Dan Dokumen Syarikat Yang Digulung	28/9/2012

Jadual 22 : Arahan Jabatan (Likuidasi) Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2012


MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN PERKHIDMATAN SECARA ATAS TALIAN

Seiring dengan pembangunan teknologi masa kini dan kepentingan pelanggan diutamakan Mdl dalam usaha untuk mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan secara atas talian. Buat masa ini Mdl telah menyediakan perkhidmatan carian status kebangkrapan dan penggulungan syarikat secara atas talian iaitu sistem E-Insolvensi. Berikut merupakan strategi-strategi yang telah dirancang untuk memenuhi keperluan di atas iaitu:

- (a) Memantapkan lagi promosi perkhidmatan carian melalui e-Insolvensi;
- (b) Membangunkan Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) - satu sistem baru yang lebih efisien dan berteknologi tinggi serta memudahkan integrasi sistem dilaksanakan bersama agensi-agensi yang berkaitan; dan
- (c) Menyediakan produk baru untuk kemudahan pelanggan dan *stakeholders* Mdl.

A. PERKHIDMATAN CARIAN E-INSOLVENSIS

Berdasarkan statistik, perkhidmatan e-Insolvensi menjadi pilihan pelanggan iaitu mencapai 97 peratus tahap penggunaannya bagi tahun 2012 berbanding dengan perkhidmatan carian kaunter yang secara purata hanya tiga peratus tahap penggunaannya. Ini kerana perkhidmatan atas talian lebih mudah dan menjimatkan masa serta kos. Perbandingan tahap penggunaan carian secara atas talian dan kaunter sepanjang tahun 2012 ditunjukkan seperti Rajah 10 di bawah:



Rajah 10: Prestasi Perkhidmatan Carian e-Insolvensi Bagi Tahun 2012

B. SISTEM INSOLVENSİ BERSEPADU (INSIST)

Mdl akan memastikan projek INSIST dilaksanakan sepenuhnya supaya perkhidmatan atas talian dan produk baru Mdl dapat diperluaskan kepada pelanggan dan orang awam dengan kadar segera. Bagaimanapun, INSIST akan hanya sepenuhnya beroperasi pada tahun 2014 (mula digunakan pada pertengahan Julai 2013). Oleh itu, Mdl buat masa ini sedang menjalankan kajian dan perancangan untuk menawarkan perkhidmatan carian Insolvensi secara pukal kepada pelanggan seperti pejabat peguam, pihak bank, LHDN, SME dan lain-lain agensi.

C. SISTEM PENGURUSAN KES (CMS-Mdl)

- (a) Merupakan satu sistem berbentuk intranet yang boleh dicapai terus dari cawangan dan mula dibangunkan pada tahun 2011
- (b) Sistem Pengurusan Kes (CMS) adalah sistem yang merekodkan segala maklumat mengenai kes kebangkrutan individu dan penggulangan syarikat bermula dari penerimaan deposit untuk failkan petisyen kepada proses diberi pelepasan bagi individu atau perintah penggantungan bagi penggulangan syarikat
- (c) Cetakan Keputusan Carian Rasmi (KCR) yang dikeluarkan melalui sistem CMS mendapat perhatian masyarakat kerana Mdl telah merupakan satu-satu agensi kerajaan yang boleh mengesahkan status kebangkrutan seseorang
- (d) Pihak BTM Mdl memantau pelaksanaan aplikasi CMS dengan memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada cawangan termasuklah dengan mengadakan naziran ke semua cawangan

Hasil dan manfaat pelaksanaan sistem ini ialah pelaksanaan sistem CMS telah mengubah corak kerja Jabatan Insolvensi (dahulu dikenali sebagai Jabatan Pemegang Harta) daripada manual kerja sistem berkomputer dan pembangunan INSIST yang dijadualkan siap pada Julai 2013 dijangka akan mempertingkatkan kecemerlangan Jabatan.

D. INISIATIF BAHARU-MYBAYAR MEMUDAHKAN BAYARAN ANSURAN BULANAN KEBANKRAPAN SECARA ATAS TALIAN

Mdl telah menambah baik perkhidmatan kepada para pelanggan dengan memperkenalkan dan melaksanakan system MyBayar. Para pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan ini dengan menggunakan portal *myGovernment*. Sistem ini memberi kemudahan kepada pelanggan (bankrap) untuk membuat bayaran ansuran bulanan tanpa perlu beratur di kaunter. Kemudahan ini telah dilaksanakan mulai Oktober 2012.

PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN SUMBER MANUSIA

A. PRESTASI LATIHAN PENJAWAT Mdl

Mdl amat menitik beratkan pembangunan sumber manusia selaras dengan ketetapan kerajaan supaya semua penjawat awam menghadiri 7 (tujuh) hari berkursus dalam setahun. Bagi tahun 2012 semua penjawat Mdl iaitu seramai 1,089 (100 peratus) telah berjaya menghadiri kursus. Daripada jumlah tersebut seramai 1,078 (99.9 peratus) orang telah menghadiri kursus cukup atau melebihi 7 hari dan hanya seramai 11 orang (0.1 peratus) sahaja yang masih belum mencukupi 7 hari berkursus yang terdiri daripada pegawai yang baru berkhidmat dengan Mdl.

Prestasi kehadiran kursus mengikut pecahan gred/kumpulan ditunjukkan di Jadual 23 seperti di bawah:

Bil	Gred/ Kumpulan	Bilangan Anggota	Kursus Pendek			Bilangan Anggota Yang Hadir Kursus Panjang > 3 Bulan
			Bilangan Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus	
1.	JUSA	4	4			
2.	Pengurusan & Professional L41 - L54 M41 - M48 W41 - W54 F41 - F44	45 2 7 1	45 2 7 1			
3.	Sokongan 1	929	920	9		
4.	Sokongan 2	101	99	2		
Jumlah		1089	1078	11		
Peratusan			99.9%			

Jadual 23: Prestasi Keseluruhan Latihan/Kursus Bagi Tahun 2011

Selain daripada pematuhan dasar kerajaan, Mdl memberi lebih tumpuan kepada peningkatan tahap kompetensi para penjawat Mdl terutamanya dalam bidang spesifik mengenai insolvensi, *leadership skills* dan ekonomi. Tumpuan juga diberikan kepada objektif untuk melahirkan ramai pegawai pakar dalam Mdl. Mdl telah menjalinkan kerjasama dengan pihak ILKAP dalam mengendalikan kursus-kursus khas yang bersesuaian dengan penjawat Mdl. Mdl juga menjalinkan kerjasama dengan pihak Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) dalam memantapkan lagi kompetensi para pegawai dalam bidang perundangan insolvensi khususnya undang-undang syarikat dan perakaunan.

Bagi tahun 2012 Mdl telah menganjurkan beberapa kursus yang dapat meningkatkan kompetensi pegawai dalam mentadbir hal ehwal insolvensi serta program yang dapat memupuk budaya inovasi pegawai seperti berikut:

Kursus Pengurusan dan Pengendalian Kertas Siasatan bagi Pegawai Penyiasat Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)

Kursus Pengurusan dan Pengendalian Kertas Siasatan telah diadakan pada 21 hingga 24 Oktober 2012 bertempat di Hotel Naza Talya, Melaka. Kursus ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan memantapkan kemahiran mengendalikan siasatan dan penguatkuasaan di kalangan pegawai-pegawai penyiasat yang dilantik.

Seramai 37 orang pegawai penyiasat Mdl dari semua cawangan Mdl telah menghadiri kursus ini. Kursus ini merangkumi dua aspek iaitu Pengenalan kepada Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 dan Kanun Keseksan serta aspek struktur Kertas Siasatan dan latihan amal.



Sistem MyIMMS

Antara latihan yang dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat ialah pelaksanaan sistem MyIMMS. Latihan ini dijalankan pada 28.8.2012 dan 3.9.2012. Seramai 10 orang kakitangan Mdl yang menyertai latihan tersebut. Pihak Mdl telah mendapat bantuan dan sokongan dari pihak Imigresen untuk menggunakan sistem tersebut.

Bagi meningkatkan lagi portal Jabatan Insolvensi Malaysia, beberapa pegawai IT telah menyertai latihan perisian Joomla yang telah diadakan pada 21.11.2012 hingga 23.11.12. Hasilnya ialah Portal Mdl akan berwajah baru menjelang Mac 2013.

Program Bicara Integriti

UDI telah mengadakan sebanyak 5 kali Program Bicara Integriti di Mdl Cawangan Selangor Bil.1/2012 (19 Januari 2012), Mdl Cawangan Wilayah Bil.2/2012 (20 Januari 2012), Mdl Cawangan Ipoh Bil.3/2012 (19 Mac 2012), Mdl Cawangan Johor Bahru Bil.4/2012 (7 Mei 2012) dan Mdl Cawangan Melaka Bil.5/2012. Ketua Unit juga telah dijemput untuk menyampaikan ceramah berhubung pengurusan integriti pada 19 Julai 2012 bersempena Ceramah Keutuhan Bil.6/2012 yang telah dihadiri oleh pegawai-pegawai di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Insolvency Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman.

Kursus Pemantapan Pentadbiran Hal Ehwal Kebankrapan

Bahagian Kebankrapan telah mengadakan kursus pemantapan pentadbiran hal ehwal kebangkrapan pada 18 hingga 19 Jun 2012 bertempat di Pearl International Hotel, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 35 orang peserta. Objektif kursus ini ialah agar peserta dapat memahami konsep saham, insurans, sewa beli dan perkara berkaitan dengan tanah serta meningkatkan pemahaman dan kemahiran untuk mengurus pentadbiran kes di cawangan yang kini berjumlah 241,740 setakat bulan April 2012.

Selain itu, pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat meningkatkan mutu kerja pegawai dan pegawai dapat mempelajari tatacara penyelesaian bagi isu-isu penting yang berkaitan agar pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih cekap. Mereka juga akan dapat memimpin dengan berkesan para pegawai di bawah seliaan mereka di cawangan.



Kursus Intensif Pentadbiran Hal Ehwal Kebankrapan

Bahagian Kebankrapan juga telah mengadakan satu kursus pada 16-19 Oktober 2012 bertempat di Hotel Sri Petaling, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 35 orang peserta. Objektif kursus ini ialah untuk memberi kefahaman mengenai konsep saham, insurans, sewa beli dan perkara berkaitan dengan tanah serta meningkatkan pemahaman dan kemahiran untuk mengurus pentadbiran kes di cawangan yang kini berjumlah 24,425 setakat bulan Ogos 2012 selain Dapat meningkatkan mutu kerja pegawai dan pegawai dapat mempelajari tatacara penyelesaian bagi isu-isu penting yang berkaitan agar pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih cekap. Mereka juga akan dapat memimpin dengan berkesan para pegawai di bawah seliaan mereka di cawangan.



Bengkel Modul Pendakwaan Bil. 1/2012

Bahagian Pendakwaan telah mengadakan satu Bengkel Modul Pendakwaan Bil. 1/2012 bertempat di Hotel Dynasty, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Bengkel tersebut telah diadakan selama 4 hari mulai dari 23 hingga 26 September 2012. Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 22 orang Pegawai Pendakwa dari seluruh Unit Pendakwaan Cawangan (UPC) yang terdiri daripada Pegawai Gred L29, L32 dan L38. Objektif bengkel ialah seperti berikut:

- a) Memahami peranan dan tanggungjawab sebagai pegawai pendakwa;
- b) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta berhubung teknik-teknik pendakwaan dan prosedur di mahkamah;
- c) Memberi keyakinan kepada para peserta supaya dapat mengendalikan perbicaraan dengan lebih berkualiti dan berkesan;
- d) Mengetahui teknik-teknik menyoal saksi di mahkamah dan mencabar kebolehpercayaan saksi/tertuduh;
- e) Meningkatkan pengetahuan peserta mengenai Pendapat Undang-undang dalam kes-kes jenayah; dan
- f) Meningkatkan seni kepeguaman.





Bengkel Perakaunan Insolvensi

Bengkel berlangsung pada tarikh 14 hingga 16 Mei 2012 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang. Seramai 25 orang peserta dari semua Cawangan iaitu wakil dari Unit Akaun Dan Kewangan membuat pembentangan penemuan audit sepanjang tahun 2011 dan Q1 2012, taklimat terimaan, bayaran, amanah dan deposit oleh wakil Bahagian Audit Dalam JPM serta perbincangan Kumpulan berhubung isu terimaan, bayaran, amanah dan deposit serta cadangan penyelesaian oleh peserta.



Kursus Memahami Laporan Kewangan Tahunan

Kursus berlangsung pada tarikh 25 hingga 27 September 2012 di Ayer Keroh Resort, Melaka. Disertai oleh 32 orang peserta yang terdiri daripada wakil Bahagian Likuidasi Ibu Pejabat dan dari Unit Likuidasi Cawangan. Objektif Kursus ialah bagi menambah kemahiran memahami transaksi saham syarikat; mengenal pasti aset tetap, aset alih, loji, jentera dan mesin syarikat; memahami aset ketara dan aset tak ketara syarikat; memahami liabiliti syarikat tentang nilai tanggungan dan hutang kepada syarikat lain; pendedahan yang merangkumi proses pemeriksaan/pemerhatian/pengauditan laporan kewangan tahunan; dan memberi kefahaman tentang modal, transaksi kewangan, pengurusan kewangan dan maklumat korporat syarikat.



Mesyuarat Khas Rang Undang-Undang Insolvensi

Mesyuarat Khas Rang Undang-Undang Insolvensi telah diadakan pada 13 Mac 2012 sehingga 16 Mac 2012. Mesyuarat ini bertempat di Quality Hotel, Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh semua Pengarah di Ibu Pejabat.

Kursus Khas Perundangan Bil. 1/2012

Kursus Khas Perundangan Bil. 1/2012 telah diadakan pada 29 Oktober 2012 sehingga 31 Oktober 2012. Mesyuarat ini bertempat di Dewan Harmoni, Aras 2 Utara, Bangunan BHEUU, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan telah disertai oleh 35 orang peserta.

Mesyuarat/Kursus Khas Yang Dikendalikan oleh Bahagian Perundangan

Bahagian Perundangan juga telah berjaya menganjurkan 1 mesyuarat serta 1 kursus khas di peringkat Jabatan.

(a) Mesyuarat Khas Rang Undang-undang Insolvensi

Mesyuarat Khas Rang Undang-undang Insolvensi telah diadakan pada 13-16 Mac 2012 lalu di Quality Hotel Kuala Lumpur yang melibatkan Pengarah-Pengarah Bahagian di Mdl. Mesyuarat tersebut diadakan bertujuan membincangkan rangka draf Rang Undang-Undang Insolvensi 2012. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh semua Pengarah Bahagian di Mdl.



(b) Kursus Khas Perundangan Bil 1/2012

Bahagian Perundangan juga telah menganjurkan satu Kursus Khas Perundangan Bil 1/2012 pada 29-31 Oktober 2012 bertempat di Dewan Harmoni Aras 2 BHEUU. Seramai 35 penyertaan terdiri daripada Pegawai Insolvensi daripada Ibu Pejabat dan 21 cawangan telah diterima.

Kursus ini dirangka bertujuan melengkapkan diri pegawai-pegawai dengan kemahiran semasa menghadiri Mahkamah. Bagi tujuan menganjurkan kursus ini, Bahagian Perundangan telah mengenalpasti isu-isu terkini berkaitan operasi dan pentadbiran, silibus-silibus relevan yang ingin diketengahkan serta mengenalpasti kelemahan pegawai-pegawai bagi memastikan setiap peserta beroleh manfaat daripada penganjuran kursus.

Antara program yang dirangka ialah :

- Pengucapan Awam oleh para peserta;
- Slot Ceramah yang terdiri daripada topik-topik berikut:
 - Petisyen Kebankrapan/Penggulungan;
 - Etika Mahkamah Dan Kemahiran Kepeguaman;
 - Bicara Permohonan Saman Dalam Kamar/Saman Pemula;
 - Penyediaan Afidavit;
- Perbincangan dan Latih Amal; dan
- Mahkamah Moot.

B. DISIPLIN & INTEGRITI PENJAWAT Mdl

Aspek disiplin dan integriti amat ditekankan dalam kalangan warga Mdl. Sebarang pelanggaran peraturan atau undang-undang berhubung kelakuan dan tatatertib akan diambil tindakan punitif dengan tegas dan adil. Secara keseluruhan, sebanyak 138 kes telah dikendalikan oleh Unit Disiplin & Integriti (UDI) Mdl sepanjang tahun 2012 seperti di Jadual 24 di bawah:

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KES	%
1	Tidak hadir bertugas	54	39.13%
2	Lewat hadir bertugas	26	18.84%
3	Tiada di <i>workstation</i>	15	10.86%
4	Mengemukakan sijil cuti sakit palsu	10	7.24%
5	Tidak bertanggungjawab	7	5.07%
6	Terlibat dengan kes jenayah	5	3.62%
7	Pecah amanah	4	2.89%
8	Tidak mengetik kad perakam waktu	3	2.17%
9	Mengambil cuti rehat melebihi kelayakan	2	1.44%
10	Mengetip kad perakam waktu pegawai lain	2	1.44%
11	Meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan	2	1.44%
12	Menjalankan tugas luar tanpa kebenaran	2	1.44%
13	Mengemukakan tuntutan palsu	1	0.72%
14	Keluar makan dan minum pada waktu pejabat	1	0.72%
15	Ponteng kerja	1	0.72%
16	Mengambil cuti sakit swasta melebihi 15 hari	1	0.72%
17	Memburukkan imej Jabatan	1	0.72%
18	Mengemukakan sijil akademik palsu	1	0.72%
Jumlah keseluruhan		138	99.9%

Jadual 24 : Statistik Kes Disiplin & Integriti Yang Dikendalikan Pada 2012 Oleh Unit Disiplin & Integriti

Berdasarkan statistik kes disiplin & integriti yang dikendalikan oleh Unit Disiplin & Integriti, terdapat 18 jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh penjawat awam di Mdl. Kesalahan paling banyak yang dilakukan oleh penjawat awam ialah tidak hadir bertugas iaitu sebanyak 54 kes atau 39.13 peratus, manakala, kesalahan yang kurang yang dilakukan ialah mengemukakan tuntutan palsu, keluar makan dan minum pada waktu Pejabat, ponteng kerja, mengambil cuti sakit swasta melebihi 15 hari dan memburukkan imej Jabatan masing-masing sebanyak 1 kes atau 0.72 peratus.

Mdl memandang serius terhadap salah laku pegawainya. Berikutan itu, 5 penjawat awam telah dibuang kerja 2 ditahan kerja, 2 dilucutkan emolumen, 9 diberi amaran secara lisan dan bakinya dikenakan tindakan lain.

PENGURUSAN PERTANYAAN DAN ADUAN INSOLVENSI

Pengurusan aduan secara berpusat yang dilaksanakan oleh Mdl telah menjadikan pentadbiran pertanyaan dan aduan lebih cekap dan berkesan. Unit Aduan Mdl menerima dan mengendalikan maklum balas daripada pelanggan berhubung pertanyaan, cadangan atau aduan tentang penyampaian perkhidmatan, prosedur, perihal pembayaran dan juga kualiti layan oleh pegawai. Sepanjang tahun 2012, Mdl menerima sebanyak 4,418 pertanyaan berbanding 3,462 pada tahun 2011 iaitu kenaikan sebanyak 27.6 peratus.

Sepanjang tahun 2012, Mdl telah menerima sebanyak 395 aduan dari cawangan seluruh Malaysia. Berdasarkan statistik aduan yang diterima sepanjang tahun 2012, kategori aduan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Pengurusan, Kebankrapan dan Likuidasi. Kategori Pengurusan menerima 109 aduan kualiti perkhidmatan dan 45 aduan carian rasmi. Selain itu, bahagian Kebankrapan menerima 36 aduan perundangan, 56 aduan status kes kebangkrapan, 25 pembayaran dividen, 20 aduan ansuran bulanan dan 24 aduan penjualan aset. Bagi kategori likuidasi, sebanyak 37 kes diterima seperti yang ditunjukkan dalam jadual 26 di bawah:

KATEGORI ADUAN	JUMLAH
Pengurusan	
Kualiti Perkhidmatan	109
Carian Rasmi	45
Kebankrapan	
Perundangan	36
Status Kes Kebankrapan	56
Pelepasan	53
Permohonan Seksyen 38	0
Pembayaran Dividen	25
Ansuran Bulanan	20
Sanksi	0
Borang Bukti Hutang	0
Penjualan Aset	24
Likuidasi	
Status Kes Syarikat	6
Pembayaran Dividen	10
Pelikuidasi Yang Diluluskan	6
Aset	5

Jadual 26 : Statistik Aduan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2012

Mdl menerima aduan melalui pelbagai saluran. Jumlah aduan yang diterima telah dibahagikan mengikut saluran aduan iaitu 253 aduan melalui emel, 20 aduan yang dihantar melalui surat, 50 aduan melalui panggilan telefon, 43 aduan di kaunter aduan, 22 aduan melalui rujukan agensi lain dan 3 melalui 1MOCC. Maklumat aduan yang diterima mengikut saluran ditunjukkan di dalam jadual 27 di bawah:

Saluran aduan	Jumlah yang diterima
Emel	253
Surat	20
Telefon	54
Kaunter	43
Rujukan agensi lain	22
1MOCC	3

Jadual 27 : Jumlah Aduan Yang Diterima Melalui Pelbagai Saluran bagi tahun 2012

PROMOSI DAN PENJENAMAAN SEMULA Mdl

A. KERJASAMA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN, PROGRAM PROMOSI DAN PENJENAMAAN SEMULA Mdl

Hubungan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan amat penting bagi memastikan isu-isu berkaitan insolvensi dapat diselesaikan dengan cepat seterusnya meningkatkan kepuasan pelanggan. Selain itu, usaha berterusan dilaksanakan oleh Mdl bagi menyampaikan maklumat, memberi kesedaran serta pendidikan kepada masyarakat tentang insolvensi.

Dalam tahun 2012 Mdl telah melaksanakan sebanyak 210 program yang melibatkan pihak berkepentingan, promosi dan penjenamaan semula Mdl. Program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk meningkatkan imej Mdl dan memberi pendidikan kepada orang ramai amnya terutama sekali atas salah anggap masyarakat tentang peranan dan fungsi Mdl sebagai pentadbir hal ehwal insolvensi. Empat kategori program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:


- (a) Forum interaktif;
- (b) *Outreach* program (termasuk inisiatif berinovasi bagi perkhidmatan *beyond counter*);
- (c) Promosi Mdl melalui media elektronik; dan
- (d) Promosi Mdl melalui media cetak;

Sebanyak 32 sesi forum rundingan telah diadakan melibatkan perbincangan antara Mdl dan pihak berkepentingan seperti institusi kewangan, institusi perbankan, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan lain-lain organisasi yang berkaitan.

Mdl telah menjalankan 114 program *outreach* dan aktiviti di luar sempadan kaunter (*beyond counter*) sepanjang tahun 2012. Aktiviti ini merupakan usaha menyebarkan maklumat, mewujudkan kesedaran, memberi pendidikan seterusnya mendekati individu yang bankrap khususnya dan masyarakat keseluruhan amnya. Mdl peka mengenai kepentingan dalam memilih dan mengambil tindakan yang dapat memberikan kesejahteraan dan kepentingan kepada masyarakat. Program yang dijalankan terdiri daripada roadshows, siri taklimat atau memberi penerangan dan penyertaan dalam pameran serta hari terbuka atau hari bersama pelanggan.

Selain itu promosi melalui media elektronik dan media cetak terus dijalankan. Sebanyak 39 program bersama media cetak dan 25 program dengan media elektronik telah dijalankan.

Maklumat pelaksanaan aktiviti bersama pihak berkepentingan dan rebranding bagi tahun 2012 ditunjukkan dalam Rajah 11 di bawah:



Rajah 11 : Pelaksanaan Aktiviti Bersama Pihak Berkepentingan, program promosi dan Penjenamaan semula Mdl bagi tahun 2012

B. HARI KENALI Mdl

Hari Kenali Mdl merupakan satu inisiatif Mdl dalam usaha menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Pada tahun 2012, Mdl telah mendapat kerjasama pihak Giant Seri Kembangan Selangor untuk mengadakan program ini secara berkala. Sepanjang tahun 2012, sebanyak empat sesi Hari Kenali Mdl telah diadakan. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai terutama golongan bankrap yang selama ini tidak mendapat maklumat yang tepat tentang kebangkrapan. Dengan adanya program ini banyak pihak yang berpuas hati kerana dapat mengenali dan mengetahui peranan Mdl yang sebenar. Ini secara tidak langsung dapat menangkis tanggapan negatif orang ramai terhadap jabatan ini.



C. RANCANGAN U DAN INSOLVENSI

Mdl telah bekerjasama dengan pihak Radio UiTM (UFM) dalam rancangan U dan Insolvensi. Rancangan ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat serta memberi pendidikan kepada orang ramai terutama golongan pelajar tentang insolvensi. Rancangan ini disiarkan pada setiap hari Rabu minggu ketiga setiap bulan. Sepanjang tahun 2012 sebanyak Sembilan rancangan U dan Insolvensi telah disiarkan oleh Radio UFM melalui frekuensi 93.6. Radio UFM juga boleh dilayari melalui laman web www.ufm.uitm.edu.my.



D. CHIT CHAT KOMUNITI @ SERDANG

Selain bekerjasama dengan Radio UiTM, Mdl juga bekerjasama dengan Radio UPM (Putra FM) dalam rancangan Chit Chat @ Serdang. Sepanjang tahun 2012, Mdl telah ke udara dalam empat sesi bagi rancangan ini. Dengan adanya rancangan seumpama ini maklumat dapat disalurkan secara terus kepada pelajar dan masyarakat umum. Putra FM dapat diikuti melalui frekuensi 90.7 atau www.putrafm.upm.edu.my.



E. IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM PROMOSI DAN PENJENAMAAN SEMULA Mdl


Usaha Mdl untuk menyebarkan maklumat mengenai insolvensi kepada seluruh masyarakat serta meningkatkan pengetahuan dan pendidikan ke arah mewujudkan masyarakat yang berhemah dan bijak dalam menguruskan kewangan telah manampakkan impak positif. Hasil daripada inisiatif di atas telah menyebabkan jumlah kehadiran bankrap di Mdl untuk bekerjasama dalam pentadbiran kes kebangkrutan mereka telah meningkat dengan ketara. Peningkatan ini sekaligus meningkatkan kadar pematuhan pemfailan Penyata Hal Ehwal (PHE) dan pembayaran ansuran bulanan oleh bankrap. Impak keseluruhan bagi pelaksanaan program promosi dan penjenamaan semula Mdl dalam tahun 2012 berbanding 2011 ditunjukkan dalam Jadual 28 seperti di bawah:

Bil. Kehadiran bankrap	33,299		39,894		19.8%
Bil. Pemfailan PHE & jumlah terlibat	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL: 18.5%
	9,432	RM 9,861,520,987.08	11,179	RM 5,458,643,033.83	JUMLAH: (44.6%)
Bil bankrap yang membayar ansuran bulanan – bilangan & jumlah terlibat	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL: 27.5%
	127,455	RM 44,590,823	162,566	RM 126,246,321	JUMLAH: 183.1%

Jadual 28 : Impak Pelaksanaan Program Promosi dan Penjenamaan Semula Mdl 2012 berbanding 2011

Maklumat terperinci aktiviti Penjenamaan Semula MdI yang dijalankan di Cawangan ditunjukkan dalam Jadual 29 di bawah.


CAWANGAN	BIL.	NAMA AKTIVITI	SASARAN
IBU PEJABAT	19	Financial Sector Assesment Program (FSAP) , Forum Interaktif, Hari Kenali MdI, Hari Belia Negara, MyBayar dan taklimat kebangkrapan.	MCA, orang awam di Giant Seri Kembangan, Belia, Bank Negara, MIA, JKSM, MAMPU, AKPK, LHDN, FRIM, Mahkamah, KWSP, PTPTN, Jabatan Imigresen Malaysia dan JAKIM.
IPOH	2	Taklimat kebangkrapan dan lawatan ke rumah bankrap.	Kolej Sains Bersekutu dan bankrap.
JOHOR BAHRU	2	Pameran dan Forum Interaktif.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Affin Bank dan UiTM,
K. KINABALU	10	Taklimat kebangkrapan, MdI-Link dan Mobile Court.	Badan Berkanun Persekutuan Sabah, Mahkamah, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Kebajikan Perkhidmatan Am.
KEDAH	13	Lawatan ke rumah bankrap, forum Interaktif dan taklimat.	Bankrap, Register of Society, LHDN, Lembaga Tabung Haji, Jabatan Belia Negara, Jabatan Kastan dan Eksais Diraja Malaysia dan Mahkamah.
KELANTAN	1	Pameran	Mahkamah
KUANTAN	3	Forum Interaktif, pameran dan taklimat	Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri Pahang, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Kastam.
KUCHING	10	Taklimat, Pameran dan lawatan ke rumah bankrap	MARDI, Jabatan Bomba, Bankrap, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak, Jabatan Mineral & Galian Geosains, JAbatan Kastam, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Tanah & Survei Kota Samarahan.
MELAKA	2	Taklimat	UiTM, Multimedia College, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
MIRI	1	Taklimat	Pustaka Miri
MUAR	1	Pameran	Majlis Perbandaran Pasir Gudang
NEGERI SEMBILAN	1	Forum Interaktif	CUEPACS
PERLIS	3	Taklimat	Biro Tata Negara Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar.
PULAU PINANG	16	Forum Interaktif, taklimat dan pameran	Ketua Polis Daerah, Jabatan Penjara Pulau Pinang, Politeknik Seberang Perai, Sentral Technology College, Jabatan Farmasi, ICU, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perangkaan, Jabatan Pendaftaran



SANDAKAN	9	Forum Interaktif, taklimat, lawatan ke rumah bankrap dan Pameran	Ingrasi Nasional, Wisma TNB dan Jabatan Bomba.
SELANGOR	7	Forum Interaktif dan Hari Kenali MdI	Perbadanan Pinjaman Sabah, Klinik Kesihatan, Bankrap, Timbalan Ketua Polis Daerah dan Pasukan Petugas Khas.
SIBU	5	Pameran, Forum Interaktif, Pesta Kaul, Kaunter Bergerak, Pesta Limau dan Taklimat	ASNB, orang awam, Mahkamah, RHB Islamic Bank dan RISDA.
TAIPING	1	Hari Kenali MdI	Pejabat Daerah Kanowit, Pejabat Residen, Jabatan Tanah dan Survei, orang awam dan Makmal Ubat Dan Stor.
TAWAU	9	Pameran dan Beyond Kaunter	Orang Awam
TEMERLOH	14	Hari Kenali MdI, lawatan ke rumah bankrap, taklimat dan Pameran	Pejabat Daerah Lahad Datu dan Pejabat Daerah Semporna.
TERENGGANU	9	Lawatan ke Rumah Bankrap, Forum Interaktif, taklimat dan Pameran	Orang Awam, Bankrap, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Lipis dan Kolej Komuniti Temerloh.
WP KUALA LUMPUR	8	Forum Interaktif, taklimat dan Pameran	Bankrap, Mahkamah, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan Mydin Kuala Terengganu. PERKESO, KWSP, Pejabat Daerah Tanah Gomba, Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Perkeso, Bank Negara, Institut Pendidikan Guru dan Biro Pengaduan Awam.

MEDIA ELEKTONIK

CAWANGAN	TARIKH	SALURAN
IBU PEJABAT	12.1.2012	Bername Radio 24, Segmen Ringgit & Sense
	2.2.2012	Bername Radio 24, Segmen DASAR, Isu Kebankrapan Dan Penjamin
	1.2.2012	Bername TV (Astro 502) - Segmen Fikir.Yakin.Inisiatif (F.Y.I), Isu Penjamin Yang Muflis
	7.3.2012	Ufm 93.6, Segmen Bersama Tetamu
	18.4.2012	Ufm Dalam Isu Tanggungjawab Bankrap
	3.4.2012	Putra Fm. Membincangkan Isu Kebankrapan Dan Implikasinya
	13.5.2012	Ufm-Membincangkan Isu-Isu Korporat Insolvensi
	10.5.2012	ASTRO Segmen 360 Degree Membincangkan Isu-Isu Kebankrapan Dan Implikasinya
	20.6.2012	Ufm- Membincangkan Isu-Isu Insolvensi
	7.6.2012	Putra fm-Membincangkan Isu-Isu Insolvensi
	11.7.2012	Ufm -Membincangkan Isu Korporat
	19.9.2012	Ufm-Membincangkan Isu Insolvensi
	13.9.2012	Putra FM-Membincangkan Isu Insolvensi
17.10.2012	Ufm-Membincangkan Isu Insolvensi	
21.11.2012	Ufm- Membincangkan Isu Likuidasi	



JOHOR BAHRU KUCHING	19.12.12	Ufm-Membincangkan Isu Insolvensi
	26.11.2012	Johor FM Permata Selatan-Slot Tanyalah Pakar
	19.3.2012	Sarawak FM : Sehati Sejiwa Di Dalam Slot Projek Inovasi Khidmat Awam (PIKA)
MIRI	15.5.2012	Miri Fm-Rancangan Rtm Miri Dalam Bahasa Melayu
PERLIS	14.5.2012	Miri Fm-Rancangan Rtm Miri Dalam Bahasa Iban
	21.9.2012	Radio RTM Perlis-Haji Dalam Kebankrapan
	14.02.2012	RTM Sandakan-Wawancara Radio Unit Peyiasatan & Penguatkuasaan
SANDAKAN	7.6.2012	Radio Malaysia Kota Kinabalu Fm- Penguatkuasaan Undang-Undang Kebankrapan
	8.8.2012	Sabah.Vfm Versi (Bahasa Bajau Pantai Timur) Membincangkan Isu Penguatkuasaan Undang-Undang Kebankrapan
TERENGGANU	8.3.2012	Radio Rtm Terengganu (Slot: Tetamu Konti Rancangan Titik Sentuhan)-Tajuk: Isu-Isu Pendakwaan

MEDIA CETAK

Cawangan	Tarikh	Akhbar
	28.2.2012	Mstar Online - Jabatan Insolvensi Bincang Dengan Akpk Tentang Pengurusan Kewangan
	15.5.2012	Mstar Online-Individu Bankrap Gagal Bayar Ansuran, Dipenjara Sebulan
	15.5.2012	Utusan Malaysia-Had Muflis Dinaikkan Rm 50,000.00
	15.5.2012	Mstar Online-'Bilik Khas' Untuk Individu Bankrap
	15.6.2012	Mstar Online- Hope For Bankrupts
	15.6.2012	Mstar Online-Buying Car Mainm Course For Bankruptcy
	16.5.2012	Harian Metro-1617 Kes Golongan Muda Dilapor Bankrap
	16.5.2012	Utusan Malaysia-116 379 Muflis Sejak Tahun 2005
	15.6.2012	Berita Harian-1617 Muflis Babit Bawah 25 Tahun
	2.7.2012	The Sun, Household Debt
	1.8.2012	Akhbar Malaysian Reserve -Survey:40-60 Malaysian Go Bust
	11.9.2012	The Star-Highway For Sale?
	30.10.2012	Berita Harian-"Beri Peluang Individu Muflis Baiki Kehidupan P
	29.10.2012	Berita Harian-Akta Kebankrapan Tidak Lagi Relevan
	9.10.2012	Utusan Malaysia-"Bmam Ramal 80 Peratus Jmb Bankrap
	23.11.2012	The Star- Credit Card Debt Churning Out Bankrupts Graduate
IBU PEJABAT	23.11.2012	Kosmo-120,000 Belia Dijangka Muflis Tahun 2020
	6.11.2012	Malay Mail-Bankrupt Can Buy Homes
	6.11.2012	The Sun-Saving Young From Bankruptcy

	22.11.12	Malay Mail-Govt Duty-Bound To Protect House Buyers
	4.2.2012	Berita Harian-6203 Diisytihar Mufliis Gagal Bayar Hutang Kad Kredit
	4.12.2012	Utusan Malaysia-Peluang Kedua Warga Mufliis
	4.12.12	Berita Harian-241740 Orang Diisytihar Bankrap
	6.12.12	Utusan Malaysia-Hutang Kad Kredit Bukan Punca Utama Mufliis
	27.12.2012	Berita Harian-Elak Mufliis Di Usia Muda
	11.12.12	Kosmo-Pemuda Umno Bantu Individu Mufliis-
	11.12.12	Harian Metro-Terus Ghaib Bila Mufliis
	9.12.12	The Star-Mca Backs Amenment To Act:Bankruptcy Act Should Be Simplified
	9.12.12	The Star-A Second Chance For Bankrupt
	9.12.12	The Star-Don't Wait Till Debt Takes You Apart
	9.12.12	The Star-Avoid Being Guarantor
	4.12.12	Nst-Bankrupting Loan Culture
	5.12.12	Sin Chew Daily-Mekanisme Baru Selaras Keperhutangan
	16.8.2012	Berita Harian-Ahli Parlimen Diisytihar Bankrap
	16.8.2012	Daily Ekspres- Ahli Parlimen Diisytihar Bankrap
K. KINABALU	9.9.2012	Sinar Harian-Mufliis:Status MB Akan Diputuskan
KELANTAN	5.10.2012	Sinar Harian-Hebahan Berkenaan Aktiviti MdI
PULAU	2.7.2012	Sinar Harian-Hebahan Berkenaan Aktiviti MdI
PINANG		
TERENGGANU	27.5.2012	Akhbar Sinar Harian-Waran Tangkap Untuk Individu Mufliis Jika Bersembunyi Elak Bayar Hutang

Jadual 29 : Aktiviti Penjenamaan Semula Mdl yang Dijalankan Di Cawangan

WAWASAN MdI

Mdl sentiasa berusaha bagi memudah dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada semua rakyat bagi memastikan rakyat mendapat kemudahan sewajarnya. Bagaimanapun dalam keadaan tertentu, kerjasama rakyat juga diperlukan bagi memudahkan pihak jabatan menjalankan peranan dengan lebih lancar dan dapat memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat. Sehubungan itu Mdl akan mengekalkan tema Kecemerlangan Operasi sebagai tema jabatan bagi tahun 2013.